



**DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 05 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
**Encik Abdul Khalil bin Sabiis**  
Encik Hairudin bin Omar

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahir rahmanirrahim dan Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada 5 November 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Tuan Speaker...

**TUAN SPEAKER :** Saya belum mula lagi Dengkil. Selamat pagi semua soalan seterusnya Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDİ :** Terima kasih Tuan Speaker. Peraturan Tetap 242 saya mengambil soalan no. 60.

**TUAN SPEAKER :** Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : BIASISWA SAGONG TASI**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini program ini?
- b) Berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk program ini?
- c) Siapakah yang terpilih untuk program ini?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil dan Sungai Panjang. Biasiswa Sagong Tasi merupakan program biasiswa yang diperkenalkan pada tahun 2015 khas untuk 10 pelajar Orang Asli untuk melanjutkan pelajaran di UNISEL. Program Biasiswa ini adalah anjuran Bahagian Pengurusan

Sumber Manusia, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna dan pihak UNISEL. Kerjasama ini dibuat memandangkan mekanisme pelaksanaan program Biasiswa Sagong Tasi memerlukan pendekatan yang sedikit berbeza berbanding dengan biasiswa lain di bawah Biasiswa Selangorku. Pada masa ini, perbincangan awal di antara wakil Kerajaan Negeri Selangor dengan Ketua Komuniti Orang Asli Bukit Tampoi telah dibuat pada 7 Oktober 2015 yang turut dihadiri oleh wakil daripada UNISEL. Hasil daripada perbincangan tersebut, satu program berkaitan Biasiswa Sagong Tasi akan diadakan di Kampung Orang Asli Bukit Tampoi, Sepang yang dijangka pada bulan November 2015. Program ini bertujuan bagi membantu anak-anak Orang Asli untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi tercapai dan seterusnya meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Peruntukan bagi Biasiswa Sagong Tasi adalah termasuk dalam peruntukan tahunan Biasiswa Selangorku sebanyak RM10 juta. Jadi itu adalah termasuk dalam sub set biasiswa Selangorku. Belum ada peruntukan yang digunakan bagi program ini memandangkan masih belum ada penerima. Pemilihan calon untuk kemasukan pertama penerima Biasiswa Sagong Tasi ke UNISEL pada tahun 2016 akan dilaksanakan dengan mengambil kira kriteria-kriteria yang ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan hasrat Kerajaan Negeri dalam membantu anak-anak Orang Asli melanjutkan pelajaran tercapai.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ucapkan terima kasih juga Bukit Tampoi pun dalam kawasan Dengkil. Banyak projek dibuat di DUN Dengkil. Terima kasih atas keprihatinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Soalan saya adakah Biasiswa Sagong Tasi ini akan disambung bajet untuk *last year* tapi *this year* tak nampak tajuk Sagong Tasi itu atau sudah ditukar nama *Smart* Sagong Tasi.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih kepada DUN Dengkil. Malah saya ingin tak ada masalah untuk pihak kami untuk menghubungi sendiri dengan pejabat Yang Berhormat untuk kita membantu menjayakan program ini. Untuk tahun depan memang akan tetap dilaksanakan kerana kita telah umumkan peruntukan RM10 juta untuk biasiswa Selangorku dan sebagaimana yang saya katakan biasiswa Sagong Tasi ini termasuk bawah Biasiswa Selangorku cuma Sagong Tasi ini spesifik untuk 10 orang pelajar-pelajar orang Asli ke UNISEL.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Soalan No.61.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PEMERIKSAAN KESIHATAN UNTUK LELAKI**

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pelaksanaan skim pemeriksaan kanser untuk lelaki, seperti yang dijanjikan dalam manifesto PRU ke 13?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI** : Terima kasih Bukit Gasing. Tuan Speaker kerajaan negeri sentiasa prihatin akan kesihatan rakyat di negeri Selangor. Setelah skim kesihatan wanita iaitu pemeriksaan saringan mamogram secara percuma ditawarkan kepada golongan wanita bagi membuat pemeriksaan awal kanser payudara kerajaan negeri sedang merangka kaedah pelaksanaan skim kesihatan lelaki iaitu pemeriksaan saringan kanser prostat seperti mana yang dinyatakan dalam manifesto PRU ke-13 yang lalu. Dan ini adalah demi kesejahteraan golongan kaum lelaki. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut rekod kementerian Kesihatan Malaysia di bawah disiplin urologi sehingga 2013 terdapat 5892 orang pesakit yang menjalani pembedahan bagi penyakit prostat di hospital di negeri Selangor. Skim yang sedang dirangka ini adalah bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan kaum lelaki akan kepentingan melakukan pemeriksaan awal bagi mencegah penyakit kanser prostat dan penyakit tuam yang merupakan kanser ketiga mengancam kesihatan lelaki Malaysia dan Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing dulu.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Saya tidak dapat daripada jawapan awal tadi bilakah kita akan bermula skim ini. Boleh tak bagi satu *dateline*.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI** : Terima kasih Bukit Gasing. Kita belum lagi. Kita akan melaksanakan tetapi buat masa kini kita belum lagi membuat dan saya belum boleh lagi memberikan jawapan dan *insya-Allah* kita akan laksanakan by 2017.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Jadi dalam bajet 2016 belum ada peruntukan untuk skim ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI** : Tuan Speaker, ya benar Bukit Gasing ia tidak dimasukkan dalam bajet 2016 dan dalam masa 2016 ini kita akan merangka dan kita akan memasukkan dalam bajet yang akan datang.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda dulu.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih. Tuan Speaker, saya nak bertanya adakah kerajaan negeri ingin menamakan program ini pemeriksaan kesihatan *smart* untuk lelaki?.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI** : Tuan Speaker, terima kasih Sri Muda. Satu cadangan yang baik dan mungkin kita boleh terima tetapi itu bergantung pada panel yang akan merangka nanti. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menanya sama ada kerajaan negeri ada rancangan untuk memberi khidmat kesihatan kepada lelaki lain pada pemeriksaan prostat sebab jantung ialah salah satu *killer in this country*.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI** : Terima kasih Ijok. Buat masa ini pemeriksaan untuk jantung bagi seluruh rakyat Selangor tidak ada spesifik program ke arah itu cumanya mana-mana pesakit ataupun rakyat Selangor yang memerlukan bantuan membayar bil rawatan untuk jantung tau apa juga masalah kesihatan boleh didapati melalui program bantuan sihat Selangor. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker, boleh tak saya cadangkan kepada kerajaan kerana untuk pemeriksaan

**TUAN SPEAKER** : Soalan sahaja Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : fasal kesihatan lelaki ini untuk wanita dia ada *mamogram* yang agak mahal dan agak sofistikated tetapi untuk prostat ini hanyalah ambil darah dan dia punya kos tidak tinggi jadi kenapa tidak untuk kanser lelaki ini kanser prostat ini untuk yang berumur. Bagi mereka yang telah mulakan warga emas yang SMUE itu. Kita mulakan dengan ambil darah saja. Boleh tak kerajaan mengambil kira itu.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI** : Terima kasih Selat Klang. Tuan Speaker, cadangan daripada Selat Klang kita ambil kira dan saya rasa itu satu cadangan yang baik untuk memberikan kesejahteraan kepada kaum lelaki yang berusia di negeri Selangor. Biasanya masalah sama ada kanser prostat atau masalah sakit tu ini juga ia berlaku di kalangan setelah berusia 50 tahun ke atas. Jadi ini adalah cadangan yang baik dan di sini pun ada ramai doktor-doktor jadi saya tak boleh salah memberikan fakta. Jadi terima kasih atas cadangan-cadangan tersebut dan *insya-Allah* kita akan ambil kira. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua. Ia Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Tuan Speaker, di bawah peraturan tetap 242 saya mengambil soalan 62.

**TUAN SPEAKER** : Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN PBT**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah benar ada PBT-PBT yang menghadapi kedudukan kewangan defisit menyebabkan tidak dapat memenuhi semua aduan-aduan yang diterima?
- b) Jika ya, sila nyatakan PBT-PBT berkenaan dan tindakan yang akan diambil?
- c) Mohon nyatakan kedudukan terkini hasil cukai pintu dan perbelanjaan mengikut PBT?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, kedudukan kewangan di PBT defisit atau surplus tidak menjadi sebab aduan-aduan tidak dapat dipenuhi. Ia bergantung pada kemampuan PBT menyelesaikan aduan tersebut. Perbelanjaan akan diimbangkan dengan hasil yang diterima di mana pelaksanaan suatu perbelanjaan akan mengambil kira kos dan kepentingan perbelanjaan itu dibuat. Bagi perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dimasukkan di dalam belanjawan tahunan pihak PBT mengikut seksyen 57 Akta 171 tiada suatu pihak Berkuasa Tempatan boleh melakukan apa-apa perbelanjaan yang tidak dimasukkan dalam anggaran yang diluluskan kecuali dengan izin pihak berkuasa negeri. PBT yang berkedudukan penyata kewangan defisit dipantau melalui kelulusan belanjawan tahunan bagi mengimbangi kedudukan kewangan PBT. Hasil cukai taksiran saya akan bagi angka untuk tahun 2014 untuk MBSA adalah RM231 juta, MBPJ RM210 juta, MPK RM152 juta, MPAJ RM97 juta, MPSJ RM179 juta, MPS RM95 juta, MPKj RM88 juta, MPSp RM76 juta, MDKS RM21 juta, MDHS RM47 juta, MDKL RM28 juta, MDSP RM4 juta. Jumlahnya RM1,233 juta. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker, soalan no. 63.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PENGELUARAN PASIR**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejak mula beroperasi berapa jumlah produksi pasir telah dikeluarkan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd?
- b) Berapa pula pulangan keuntungan yang diperolehi oleh Kumpulan Semesta Sdn Bhd?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Tuan Speaker sukacita saya memberikan maklum balas kepada Yang Berhormat Seri Andalas berhubung jumlah produksi pasir yang telah dikeluarkan oleh kontraktor yang dilantik oleh Semesta Sdn Bhd semenjak ia mula beroperasi pada tahun 2008 sehingga tahun 2015 telah mencatatkan jumlah produksi sebanyak 44,019,519 tan metrik dan ini memberikan keuntungan bersih sebanyak RM84.61 juta, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Soalan tambahan, saya nak minta Dato' Menteri Besar ni perkhidmatan Semesta ini adakah dia jalan macam biasa atau pun sekarang Semesta ini di bawah MBI?.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Seri Andalas, pihak kerajaan negeri telah pun mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk menambah baik tadbir urus korporat Kumpulan Semesta dan juga daripada pengurusan operasi Semesta. Sebagai contoh kita telah pun mengarahkan KSSB untuk menambah baik melalui penggunaan teknologi mengawal ketirisan dengan pemasangan CCTV yang boleh diselia melalui *online* dari tapak-tapak operasi. Yang keduanya kita juga telah mengujudkan integrasi antara sistem jambatan timbang yang digunakan di tapak terus ke ibu pejabat Semesta untuk melihat tidak ada ketirisan yang berlaku. Kita juga telah mengambil inisiatif untuk menambah baik urus tadbir korporat dan operasi bagi mencapai sasaran sebagai organisasi yang berorientasikan kualiti menjurus kepada pensijilan ISO 90001 dan juga ISO 14001 dan OHSAS 18001. Kita juga telah menambah baik SOP yang sedia ada dan memperkemaskan hala tuju syarikat untuk tiga ke hadapan. Sebagai maklumat tambahan, atas inisiatif yang telah kita lakukan seperti yang saya nyatakan tadi, KSSB telah pun berjaya meningkatkan pemasaran yang lebih agresif dan ini terbukti

apabila kita berjaya menjual *stockpile* yang telah lama terbiar semenjak tahun 2014 dan ini meningkatkan pendapatan dan hasil bagi negeri, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker, berkenaan dengan industri pengeluaran pasir ini, saya ucapkan tahniahlah kepada kerajaan kerana selepas adanya Semesta, aktiviti kecurian pasir ini sudah berkurangan. Tapi saya hendak tahu soal tanah individu yang mempunyai pasir adakah sekarang ini masih dikawal oleh Semesta atau mereka mempunyai hak mengeluarkan pasir sendiri, sekian terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Sekinchan, kerajaan negeri mengambil maklum perkembangan ini setelah kita menerima banyak aduan daripada pemilik-pemilik tanah individu dan kita telah pun mengubah dasar tersebut di mana pemilik tanah yang berkenaan boleh memohon terus untuk mengeluarkan hasil mineral daripada pasir, daripada tanah mereka, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, soalan No. 64.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : SENIMAN DAN KARYAWAN JALANAN**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah pendirian kerajaan terhadap rakyat Selangor yang bergiat dalam seni jalanan di sekitar Kuala Lumpur?
- b) Seniman dan karyawan jalanan diperakui dan dihargai di beberapa negara jiran, apakah rancangan kerajaan negeri?
- c) Apakah program kebajikan yang bakal disediakan untuk mereka?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, Hulu Kelang atas soalan yang telah diutarakan. Untuk jawapan A, kerajaan negeri Selangor melalui jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri mengalu-alukan dan menghargai apa juga nilai kebudayaan dan kesenian yang mampu untuk memberikan nilai tambah kepada citra dan juga rakyat dan masyarakat di Negeri Selangor. Justeru seni jalanan atau pun sebagainya yang melibatkan permainan muzik jalanan seperti *buskers*, grafiti dan

pelukis-pelukis di potret di tepi jalan ini merupakan satu kelompok yang harus dihargai dan harus diberikan ruang untuk memastikan mereka ini mendapat peluang yang baik, disusun atur dan sekali gus memberikan nilai tambah kepada Program Kota Seni dan juga Program Kebudayaan juga pelancongan Negeri Selangor pada masa hadapan. Benar bagi jawapan B, beberapa buah negara seperti Norway dan Sweden iaitu negara-negara Scandinavian termasuk negara maju seperti Ibu kota New York memberikan peluang kepada *buskers-buskers* ini yang bukan sahaja bermain lagu yang enak tetapi juga menyampaikan kritik-kritik sosial dan politik dan masyarakat yang disampaikan dan *stailguish* menjadi pengimbang kepada sesebuah negara dan masyarakat.

Justeru itu pihak Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kebudayaan atau pun Kebudayaan Negeri Selangor telah menganjurkan beberapa acara untuk menghargai golongan ini. Tahun ini saja kita telah melaksanakan bersama-sama dengan SACC Mall dan juga Pusat Khidmat Masyarakat Kota Damansara menganjurkan *Battle of Buskers* dan memberi ruang kepada *buskers-buskers corner* atau memberi ruang kepada pemuzik-pemuzik jalanan ini supaya dapat mempersembahkan persembahan mereka. Setakat ini, SACC Mall di Shah Alam telah menyediakan satu ruangan untuk *buskers* dan kita memberikan peluang kepada pada setiap malam minggu dan hujung minggu, selain daripada menghibur juga mereka dapat menambah ruang pendapatan mereka. Justeru dalam perkara lain, kita sememangnya sudah ada lorong belakang, lorong belakang seperti di Laman Seni 2 dan Laman Seni 7 dan juga beberapa tempat lain yang sudah muncul antaranya ada cadangan di Ampang, ada cadangan di Petaling Jaya dan ada cadangan daripada Kinrara saya rasa mereka sudah buat di Puchong. Ini juga memberi peluang kepada mereka yang terlibat dengan seni graviti yang dianggap sebagai vandalisme tetapi kita tukarnya, tukar perkara tersebut ke arah yang lebih positif dan memberi peluang kepada ramai pihak. Akhirnya kita juga melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kota Seni Petaling Jaya akan menganjurkan tidak lama lagi, Pasar Seni iaitu pada hujung minggu di Seksyen 52, Petaling Jaya berhadapan dengan Pejabat Majlis Bandar raya Petaling Jaya akan dianjurkan Pasar Seni di mana kita akan sediakan satu konsep seperti Pasar Malam atau Pasar Pagi tetapi hanya *arts product* atau pun hanya produk-produk kesenian yang juga memberi ruang antaranya kepada peluki-pelukis *sketch* atau pun potret yang kita nampak banyak di banyak tempat untuk mempersembahkan bakat mereka dan sekali gus memberikan ruang niaga kepada mereka.

Satu inisiatif yang harus dipuji ialah datang daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya yang telah membuat kerjasama dengan *Malaysian Buskers Club* atau pun MyBC melalui cadangan tempat untuk MyBC membuat persembahan di pusat beli belah di Mydin USJ, D'Summit Shopping Mall USJ, One City Mall USJ di U5. Dan ini adalah satu usaha yang proaktif yang telah dilakukan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dan haranya selepas ini beberapa tempat terutamanya yang saya sebutkan premis-premis yang ada di Petaling Jaya dan Shah Alam terutamanya dan

juga bandar-bandar lain mewujudkan ruang-ruangan seperti ini yang memberi peluang kepada mereka untuk menunjukkan persembahan mereka, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Y.B. EXCO. Mesej yang dibawa oleh golongan ini adalah demokrasi hak asasi dan kebebasan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengiktiraf mereka melalui Hari Seniman dan Karyawan Jalanan?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, kita ada merancang Cuma ada beberapa pelan dan perancangan jadual yang harus kita tetapkanlah. *Insyah-Allah* kalau kita buat Karnival Seni dan sebagainya mungkin kita boleh selitkan atau pun kita boleh letakkan salah satu hari daripada tarikh-tarikh tersebut untuk memberi ruang kepada mereka. *Insyah-Allah* kita boleh bincang dan saya rasa ini satu produk yang bagus dan ia juga akan membantu sektor pelancongan di Negeri Selangor Darul Ehsan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Permatang, ya Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ** : Tuan Speaker, Peraturan 24.2, soalan No. 65.

**TUAN SPEAKER** : Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI)**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah FDI yang telah diperolehi sepanjang tahun 2014 dan 2015?
- b) Senaraikan statistik FDI mengikut sektor pada tahun 2014 dan 2015?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersama soalan No. 71 daripada Yang Berhormat Lembah Jaya. Tuan Speaker, bagi tempoh sepanjang tahun 2014 hingga Jun 2015, sebanyak 359 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 11.261 bilion. Daripada jumlah ini sebanyak RM 5.76 bilion daripada pelabur tempatan dan sebanyak RM 5.51 bilion daripada pelaburan langsung asing atau FDI.

Statistik FDI mengikut sektor bagi 2014 dan 2015 dan saya hanya memberikan 5 di sini dan yang lainnya akan saya panjangkan kepada Yang Berhormat Permatang iaitu *Chemical & Chemical Products* 36 projek, jumlah modal pelaburan RM 1.3 bilion, *Transport Equipment* 21 projek, jumlah modal pelaburan RM 1 bilion, *Basic Metal Products* 13 projek, jumlah modal pelaburan RM 874 juta, *Machinery & Equipment* 37 projek, jumlah modal pelaburan RM 745 juta, *Food Manufacturing* 18 projek, jumlah pelaburan RM 741 juta. Jumlah keseluruhan projek bagi tahun 2014 hingga 2015 adalah 229 projek. Ini adalah bagi tahun 2014 dan bagi tempoh Januari hingga Jun 2015 terdapat 130 projek dengan jumlah pelaburan RM 4.2 bilion dan 5 sektor yang utama adalah *Non-Metallic Mineral Products* 3 projek, jumlah pelaburan RM 732 juta, *Paper, Printing & Publishing* 2 projek, jumlah pelaburan RM 617 juta, *Food Manufacturing* 13 projek, jumlah pelaburan RM 468 juta, *Basic Metal Products* 10 projek, jumlah pelaburan RM 400 juta, *Transport Equipment* 11 projek, jumlah pelaburan RM 370 juta. Berdasarkan kelulusan tersebut daripada Januari hingga Jun 2015, negeri Selangor mencatat jumlah bilangan kelulusan projek tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain dengan jumlah projek 130 projek. Namun Selangor menduduki tangga keempat dari segi nilai pelaburan iaitu berjumlah RM 4.22 bilion selepas negeri Johor, Melaka dan Pulau Pinang. Dan soalan berkenaan insentif yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Lembah Jaya telah pun saya jawab sebelum ini, terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin bertanya apakah daya tarikan atau pun yang menjadikan Selangor boleh tonjol sebagai destinasi pelaburan sama ada untuk asing atau pun tempatan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya Tuan Speaker, Selangor mempunyai *fundamental* yang amat kukuh berbanding dengan negeri-negeri lain yang pertamanya kita mempunyai infrastruktur yang terbaik berbanding dengan negeri-negeri yang lain di mana kita ada tiga lapangan terbang dalam kawasan Selangor dan kita mempunyai pelabuhan yang kedua besar di Asia Tenggara selepas Singapura. Di mana kos dalam pelabuhan ini, kos untuk pelabuhan ini adalah jauh lebih murah dari Singapura. Dan ketiganya adalah kestabilan politik walaupun Selangor kita mempunyai kerajaan yang berbeza dengan kerajaan Persekutuan tetapi dari segi urus tadbir kita dianggap salah sebuah negeri yang paling telus dalam pentadbiran. Jadi unsur-unsur inilah yang menjadikan Selangor ini mempunyai tarikan yang kuat, khususnya Selangor mempunyai asas ekonomi yang kuat dan juga mempunyai sejarah di mana pelabur menjadi destinasi utama pelabur asing. Dan bagi tahun 2014 sumbangan KDNK Selangor pada KDNK Kebangsaan adalah sebanyak 22.7% dan ini adalah yang paling tinggi diikuti dengan 15% sahaja



sumbangan dari Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Sementara itu, negeri-negeri lain di bawah 10%. Jadi itu adalah bukti bahawa Selangor mempunyai asas ekonomi yang kukuh berbanding dengan negeri-negeri yang lain, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker, boleh saya bertanya Tuan Speaker. Boleh saya mendapat sedikit pencerahan daripada pihak kerajaan dengan dasar Halal Hub yang mahu dimajukan oleh kerajaan negeri. Berapakah gambaran pelaburan daripada negara Arab, soalan saya tidak termasuklah penderma RM 26 bilion.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Ya Tuan Speaker sebenarnya kita tidak dapat menjangka berapakah pelaburan yang dapat diperoleh dari negara-negara Arab. Walaupun kita mempunyai Halal Hub yang pertama di dunia dan sehingga setakat ini belum lagi ada negara lain yang mewujudkan Halal Hub. Dan Selangor ini menjadi tumpuan kepada *manufacturer* dari negara-negara termasuk daripada negara China, Korea dan Jepun. Mereka sering dapat untuk mendapatkan maklumat berkenaan Halal Hub dan membuat lawatan ke Halal Hub dan saya kira yang penting adalah satu projek penting iaitu projek Halal Internasional Selangor. Yang akan memberikan perkhidmatan dan juga pensijilan melalui cara-cara yang akan dirangkakan itu, walaupun pensijilan bukan diberikan oleh Halal International Selangor tetapi melalui Halal International Selangor pensijilan di Malaysia dapat diperkembangkan kepada produk-produk yang dihasilkan di negara Luar dan ini merupakan bidang perkhidmatan yang amat penting yang akan mengharumkan nama Selangor di arena dunia dalam Halal Hub atau Halal *Business*, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan Tambahan, saya ingin nak tahu adakah masalah air atau pun persepsi masalah air di Selangor ini ada kesan tentang pelaburan di Selangor.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM** : Puan Speaker, sesungguhnya itu adalah satu persepsi yang memang ada mendatangkan kesan yang negatif kepada imej Selangor ini kilang-kilang yang sedia ada khusus kilang yang besar di Selangor ini sering menghubungi pejabat saya untuk mendapatkan maklumat terkini tentang keadaan bekalan air di Selangor ini dan kita juga mengamalkan ketulusan di mana kita memberikan segala statistik dan juga segala amalan yang dibuat oleh pihak kerajaan berkenaan dengan bekalan air pada tahun ini hingga lah tahun 2017 kita bekalkan semua fakta-fakta kepada mereka untuk meyakinkan mereka bahawa walaupun kita pernah menghadapi masalah berkaitan air tetapi langkah-langkah telah pun diambil dan kita dapat mengekalkan bekalan air yang tetap yang stabil sekurang-kurangnya sehingga 2017 dan setelah kita dimaklumkan bahawa Langat, projek Langat 2 tidak dapat disempurnakan pada tahun 2017 juga kita telah memaklumkan kepada mereka bahawa langkah-langkah mengatasi sudah diambil

untuk mengatasi kemungkinan kekurangan bekalan air pada dari tahun 2017 hingga tahun 2019 dan ini dapat meyakinkan mereka bahawa langkah-langkah telah pun diambil untuk memastikan bahawa tidak ada kegawatan air kegawatan bekalan air di Selangor sehingga lah tahun 2019. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Balakong

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Terima kasih, Soalan saya No.66

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TAUN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS**

66. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah peruntukan MARRIS yang telah diperuntukkan pada tahun 2015 mengikut jabatan, kategori dan pencapaian pelaksanaannya masing-masing
- b) Jelaskan perancangan penggunaan peruntukan MARRIS di dalam kawasan rumah pangsa kos rendah

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera, Tuan Speaker dan terima kasih kepada Balakong yang bertanya berkaitan dengan jumlah peruntukkan MARRIS bagi tahun 2015 mengikut jabatan dan juga peratus perbelanjaan setakat 21 Oktober 2015 adalah seperti berikut:-

Bagi Pihak Berkuasa Tempatan peruntukkan siling adalah RM493,621,695.36 dengan perbelanjaan 71.09 peratus. Bagi Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor peruntukkan siling RM162,253,858.06 dengan peratusan perbelanjaan 98.87 peratus, manakala bagi pejabat Daerah dan Tanah peruntukkan RM9,999,000.00 dengan perbelanjaan 100 peratus dan yang terakhir Jabatan Pengairan dan Saliran dengan peruntukkan RM2 juta dan perbelanjaan 100 peratus. Keseluruhan peruntukkan siling adalah RM667,874,553.42 menjumlahkan peratusan perbelanjaan keseluruhannya 79.11peratus.

Sebagai tambahan, kepada maklumat di atas sejumlah RM75,325,112.59 ataupun 11.28 peratus daripada siling yang telah pun dikemaskinikan adalah dalam tindakan pihak Perbendaharaan Negeri untuk penyaluran peruntukkan berdasarkan surat setuju terima yang telah pun dikemukakan oleh agensi-agensinya pelaksana. Maka ini bermaksud jumlah yang telah pun di *update* RM603,714,161.77 atau pun 90.39

peratus daripada siling peruntukkan MARRIS 2015 telah pun diuruskan dan dikeluarkan surat setuju terima. Pada ketika ini jalan-jalan yang berada di kawasan perumahan bertingkat termasuk Skim Perumahan Rumah Pangsa Kos Rendah adalah tergolong di dalam taksiran harta bersama yang berada dibawa tanggungjawab pihak badan pengurusan bersama JMB selaras dengan seksyen 2 Akta Bangunan dan Harta Bersama Seksyen 2 Akta Bangunan dan Harta Bersama Penyelenggaraan dan Pengurusan 2007 Akta 663. Jalan-jalan tersebut juga tidak di selenggara oleh pihak berkuasa tempatan PBT dan tidak juga didaftarkan dalam sistem MARRIS *online*. Oleh yang demikian peruntukan MARRIS tidak boleh digunakan secara langsung untuk membaik pulih jalan perumahan pangsa kos rendah. Sebarang cadangan pindaan kepada garis panduan Tatacara pengurusan pemberian jalan-jalan negeri bagi meluaskan penggunaan peruntukkan berkenaan kepada lain-lain perkara yang tidak tersenarai dalam garis panduan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk diteliti oleh Jawatan kausa Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri sebelum diangkat untuk kelulusan Majlis Kewangan Negara dan seperti mana telah pun dinyatakan oleh YAB Dato' Menteri Besar ianya telah pun disuarakan oleh pihak kerajaan negeri dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara bagi Jun 2015 untuk diambil tindakan. Walau bagaimanapun kerajaan negeri telah mendapat maklumat dari ke semua pihak Berkuasa Tempatan berhubung bilangan kawasan perumahan kos rendah yang memerlukan kerja-kerja pembaikan jalan dan maklumat ini akan diasaskan penelitian pada kerajaan negeri ialah usaha membantu mereka yang miskin dan juga berpendapatan rendah maka nanti hasil daripada maklumat ini akan dibawa dibincangkan untuk menurunkan atau pun perbincangan saluran perbelanjaan untuk dilakukan penyelenggaraan kawasan-kawasan yang dimaklumkan.

**TUAN SPEAKER** : Balakong dulu.

**Y.B. TAUN NG TIEN CHEE** : Terima kasih, saya minta penjelasan sikit sebab pada sidang yang lepas EXCO Perumahan telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membantu menyelenggara jalan-jalan dalam rumah pangsa kos rendah tapi jawapan yang diberikan tadi oleh YB EXCO ada sedikit percanggahan dari saya minta penjelasan adakah ia akan dilaksanakan seperti yang telah dijanjikan mulai tahun hadapan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Balakong, memang benar sebab itu saya maklumkan tadi maklumat sekarang ini sedang dikumpulkan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan nanti pendahuluan dan pengagihan kewangan dan sebagainya akan diuruskan kerajaan negeri hasil daripada perbincangan dengan pihak PBT itu sendiri.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER** : Seri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Dewan ini telah dimaklumkan bahawa peruntukan MAAEIS yang dibagi oleh kerajaan pusat atas syarat-syarat tertentu untuk digunakan. Saya nak tanya Exco macam mana dengan kutipan yang telah dibuat oleh PBT-PBT masing-masing. Soalan saya ialah kalau PBT ada akses bajet, contohnya MBSA memang ada 200 juta adakah syarat-syarat MARRIS itu terikat dengan penggunaan dana dari PBT itu untuk gunakan di untuk jalan-jalan di kawasan atau PBT-PBT boleh gunakan kewangan mereka di kawasan-kawasan di dalam kawalan PBT sendiri tanpa ikutkan syarat-syarat yang ditentukan oleh MARRIS.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Seri Andalas, 2 perkara yang berbeza yang pertama dari sudut peruntukan MARRIS tertakluk kepada tatacara penggunaan perbelanjaan MARRIS itu sendiri itu yang dibicarakan atau yang disoalkan dan dalam soalan ini dan berbalik kepada kewangan PBT sudah pasti mereka dipertanggungjawabkan di atas perkara-perkara yang perlu di selenggarakan oleh mereka sendiri tetapi sepertimana yang dimaklumkan tadi, kawasan perumahan rumah pangsa dan sebagainya di luar daripada ruang lingkup penyelenggaraan PBT, walau bagaimanapun seperti mana yang kita bincangkan sebelum daripada ini kerajaan negeri bersama dengan PBT akan bincang untuk meluaskan lagi skop itu dan dari sudut peruntukan juga akan dipertimbangkan daripada saluran yang mana rasa sesuai.

**TUAN SPEAKER** : Seri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Soalan saya memang Exco bersetuju bahawa kewangan atau pun dana yang dikumpulkan oleh PBT itu, boleh digunakan tanpa syarat yang telah ditetapkan di bawah MARRIS sebab ini soalan sebab PBT kata dia tidak boleh gunakan duit itu yang mereka ada untuk jalan-jalan contohnya jalan di kampung, jalan di lot, dan sebagainya, sebab dia kata dia ikat dengan syarat-syarat oleh MARRIS ke apa ke Persekutuan macam mana? soalan saya bolehkan PBT gunakan dana mereka sendiri tapi tak gunakan syarat-syarat MARRIS.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Seri Andalas, saya sudah pasti yang peruntukan atau pun kewangan PBT ini dia tidak terikat langsung dengan garis panduan MARRIS kerana ia bukannya peruntukan daripada MARRIS.

**TUAN SPEAKER** : Meru

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN** : Terima kasih, Puan Speaker soalan No.67

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK: KEROSAKAN 2 BLOK BANGUNAN BARU SEK. RENDAH AGAMA  
PEKAN MERU**

67. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah panel siasatan dan apa punca kerosakan?
- b) Berapakah kos baik pulih dan di bawah agensi apakah ia dikeluarkan?
- c) Bagaimana dan bila kerja baik pulih akan bermula?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Puan Speaker Meru bertanya berkaitan dengan kerosakan di bangunan sekolah baru Sekolah Rendah Agama Pekan Meru. Panel Penasihat dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya Selangor dan berdasarkan kepada laporan kajian tersebut didapati kerosakan adalah berpunca daripada mendapan tanah. Pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor telah melantik Bahagian Forensik Ibu Pejabat JKR Malaysia dan telah melaksanakan siasatan bagi mengenal pasti punca kerosakan. Jabatan Agama Islam mengambil tanggungjawab dengan memperuntukkan sejumlah RM50,000.00 kepada 14 April 2015 untuk kerja-kerja awalan iaitu kerja kajian untuk lihat sama ada masih ada lagi mendapan atau pun pergerakan bawah tanah. Kerja-kerja baik pulih akan dimulakan pada 18 Mei 2015 dan telah disiapkan pada 15 Jun 2010. Pemantauan masih lagi dilaksanakan dan kerja-kerja baik pulih secara keseluruhan akan dilaksanakan setelah pemantauan selesai. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kajang, ya Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Peraturan tetap 24(2) saya ingin mengambil soalan Kajang sebagai soalan saya.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Saya benarkan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan 68

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : KEMAJIKAN**

68. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri melalui struktur dan institusi awam dalam menjamin hak kanak-kanak kurang upaya untuk menerima pendidikan menuju ke arah pendidikan inklusif seperti mana disyorkan oleh Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF)?
- b) Apakah kekangan yang dihadapi, jika ada?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih, Puan Speaker kerajaan berusaha untuk memastikan kanak-kanak kurang upaya mendapat pendidikan selaras dengan Dasar Pendidikan Negara memberikan pendidikan kepada semua termasuk kanak-kanak kurang upaya. Selain itu kerajaan juga telah menandatangani "Proklamasi Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang Bagi OKU Rantau Asia dan Pasifik" pada 16 Mei 1996 sempena pengisytiharan "Dekad OKU di Rantau Asia Pasifik, 1993 hingga 2002. Pada tahun 2002 juga, Malaysia telah menerima pakai rangka kerja tindakan yang dinamakan "*BIWAKO Milenium Framework fo Action (BMF): Toward an Inclusive, Barrier-Free and Rights-Based Society for Persons With Disabilities in Asia and the Pacific*" sebagai garis panduan dasar bagi pembangunan OKU berikutan dengan perlanjutan Dekad Orang Kurang Upaya, 2003 hingga 2014. Mulai 2013 hingga 2022 pula kerajaan telah bersetuju dengan Dasar *Incheon Strategy* yang juga menumpukan kepada pencapaian termasuk pendidikan kepada kanak-kanak orang kurang upaya. Selain itu, penerimaan "Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak" antara lain menentukan hak kanak-kanak OKU dilindungi dan serta memastikan kanak-kanak OKU menikmati peluang dan kemudahan termasuk pendidikan dalam arus pembangunan negara.

Bagi menjayakan dasar-dasar ini, kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat juga membantu dengan menyediakan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi memberi latihan atau intervensi awal kepada kanak-kanak kurang upaya supaya reka boleh berdikari semaksima mungkin di mana kaedah pembelajaran di PDK meliputi pengurusan diri, aktiviti 3M iaitu membaca, menulis dan mengira dan juga ko kurikulum berdasarkan keupayaan OKU tersebut.

Apabila kanak-kanak kurang upaya tersebut telah menguasai aktiviti pengurusan diri dan kemahiran 3M, mereka boleh berdaftar dengan kementerian pelajaran untuk memasuki alam persekolahan sama ada ke sekolah pendidikan khas secara kelas integrasi ataupun secara *inclusive*. Selain itu persekitaran dan aksesibiliti bebas halangan di sekolah juga diambil kira bagi memastikan kanak-kanak kurang upaya ini dapat akses ke sekolah dengan bantuan seperti penyediaan rem, tandas OKU di setiap aras dan juga kelas di aras bawah jika melibatkan kanak-kanak yang menggunakan kerusi roda. Bagi memastikan lebih ramai kanak-kanak kurang,

B. Bagi memastikan lebih ramai kanak-kanak kurang upaya mendapat pendidikan secara *inclusive* , kesedaran mengenai keupayaan dan kemampuan kanak-kanak kurang upaya perlu dipertingkatkan. Sebagai contoh, bagi kanak-kanak yang mengikuti program di PDK, petugas akan mengadakan lawatan ke rumah OKU berkenaan setiap Jumaat, bagi memberi latihan dan tunjuk ajar kepada ahli keluarga. Aksesibiliti di sekolah juga perlu diperbanyakkan terutamanya bagi sekolah-sekolah lama dalam memastikan persekitaran sekolah adalah bebas halangan. Selain daripada itu kesedaran juga perlu dipertingkatkan kepada para ibu bapa , keluarga, guru-guru dan masyarakat agar dapat memahami keperluan kanak-kanak OKU ini dan demi kesejahteraan mereka. Terima kasih.

**YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA** : Adakah kerajaan negeri ingin menaik taraf kan perkhidmatan yang diberi di dalam PDK memandangkan hari ini PDK menerima pelbagai *disabilities* dengan izin, keupayaan beberapa orang guru untuk melayani keperluan pelbagai *disabilities* tersebut. Jadi mungkin satu PDK memfokuskan beberapa *d disabilities* supaya perkhidmatan itu lebih berkesan dan efektif.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI** : Terima kasih Taman Medan. Buat masa kini PDK-PDK yang beroperasi adalah terpaksa menerima segala jenis *disabelities* daripada sama ada OKU fizikal, *learning disablelities*, sama ada *Down Syndrome*, *Dysplasia* ,*Autisme*, dan *pelbagai disablelities*. Namun dalam pembentangan bajet yang dikemukakan oleh Dato menteri Besar untuk 2016 bahawa kerajaan negeri akan melaksanakan didik SMART Selangor yang mana kita akan melaksanakan program-program pendidikan untuk anak-anak ini secara saintifik. Insyallah terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sg. Air Tawar.

**YB TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Terima kasih Tuan Speaker Soalan no. 69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK PEMBANGUNAN ADAT MELAYU & WARISAN  
NEGERI SELANGOR.**

69. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk projek pembangunan Adat Melayu & Warisan Selangor ?
- b) Nyatakan projek-projek pembangunan Adat Melayu & Warisan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Tuan Speaker, Sungai Air Tawar tanyakan berkaitan peruntukan untuk pembangunan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.

a) Jumlah perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor untuk Rancangan Malaysia ke-10 adalah RM7,189,752.09 (Ringgit Malaysia : Tujuh Juta Satu Ratus Lapan Puluh Sembilan Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh Dua dan sen Sembilan sahaja) .

b) Dan projek-projek pembangunan yang sedang dijalankan ialah :

- i. Membuat kerja-kerja menaik taraf Balai Pameran sementara dan Ruang Lobi dalaman Muzium Sultan Alam Shah ;
- ii. Menaik taraf lobi antara bangunan Anggerik dan Bangunan Tanjung, atau pun Lobi Luar Muzium Sultan Alam Shah;
- iii. Projek baik pulih stesen kereta api Klang yang berada luar daripada Muzium tersebut;
- iv. Projek membaiki kapal terbang dan untuk mengalihkan dan kemudian dialihkan ke istana Alam Shah;
- V Adalah projek pemindahan rumah Bugis daripada Kuala Selangor ke Shah Alam.

Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Apakah perancangan kerajaan negeri untuk membantu mewartakan tempat-tempat Warisan di Selangor ini. Ada tak satu caranya ataupun sasarannya sebab Selangor kita kaya dengan banyak , sebenarnya bangunan-bangunan Warisan, Zon Warisan dan sebagainya. Jadi tak, ada tak satu pelan tindakan untuk mewartakan semua kawasan.



**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Kerajaan mempunyai satu proses ataupun kaedah untuk pewartaan tempat-tempat Warisan negeri Selangor ini dan sebenarnya kita ada *database* yang menunjukkan tempat-tempat yang sudah kita wartakan dan ada yang masih melalui lagi proses pewartaan tapak-tapak warisan ini mengikut kaedah dan prosedur. Saya tidak ada makluman pada masa ini , saya boleh berikan kepada Rawang, kemudian. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Soalan 70.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK : PENJAJA BERGERAK (*FOOD TRUCK*)**

70. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rancangan untuk memajukan perniagaan bentuk penjaja bergerak (*food truck*) dalam negeri ini supaya ia dapat menjadi satu keunikan setempat?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan supaya menyelaraskan lesen bersekutu bagi membenarkan penjaja bergerak untuk berniaga di PBT yang berlainan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih kepada Kinrara. Dan saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 122 yang ditanya oleh YB Kota Anggerik. PBT telah menetapkan kepada individu yang ingin menjalankan perniagaan perlu terlebih dahulu memohon lesen perniagaan termasuklah aktiviti penjaja bergerak ataupun *food truck*. Serta mengikut syarat yang ditetapkan seperti kesesuaian lokasi, tidak menyebabkan kacau ganggu atau halangan dan tidak mengganggu aliran trafik. Pemantauan oleh penguat kuasa PBT sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa dan tindakan sita akan diambil ke atas barang perniagaan dan kompaun akan dikeluarkan sekiranya menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan tanpa lesen atau tanpa kebenaran. Penjaja, bentuk penjaja bergerak atau *food truck* merupakan sesuatu bidang yang baru. Sebab itu rancangan untuk mewujudkan satu garis panduan tentang penjaja bergerak akan dibuat supaya perniagaan ini dapat dikawal dengan cara yang teratur. Cadangan untuk menyusun semula dan juga menyelaraskan syarat-syarat lesen akan diperhalusi dan perlu mengambil kira ulasan dan pandangan PBT masing-masing kerana ia melibatkan isu pelesenan, syarat

perniagaan, kadar lesen, pendapatan PBT, kawasan operasi perniagaan dan pemantauan PBT.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Apakah garisan panduan standard telah pun disediakan oleh pihak kerajaan untuk suruh PBT melaksanakannya.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih kepada Kota Anggerik . Seperti apa yang saya maklumkan tadi bahawa pada masa kini, ya tiada satu garis panduan yang selaras kepada semua PBT. Setiap PBT ada syarat-syarat yang tertentu untuk kawasan mereka.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Speaker boleh saya

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Boleh saya tanyakan kepada kerajaan, kerajaan PBT memberikan lesen dan menagakan peraturan ini dan dalam masa yang sama kerajaan juga mempunyai bantuan untuk orang miskin dan memastikan mereka berdikari. Soalan saya ialah, setengah daripada yang mungkin ada , beberapa yang mendapatkan bantuan hijrah, yang di apa oleh kerajaan, diangkut oleh PBT, jadi ada tak, penyelarasan di antara PBT dan juga bagaimana mungkin mereka yang telah mendapatkan pinjaman hijrah ini tidak jadi lebih lagi miskin.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, soalan yang ditanya oleh Selat Klang tak berkaitan dengan soalan pokok.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah soalan 71 telah dijawab dengan bersekali dengan soalan 65. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker. Soalan saya no. 72.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : TERJAH YB DAOT' SUK KE KEDAI-KEDAI MAKAN KAWASAN SHAH ALAM**

72. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan Kerajaan terhadap kakitangan Kerajaan yang melanggar peraturan di waktu kerja?
- b) Adakah langkah ini juga diamalkan oleh pegawai-pegawai Daerah, YDP dan Dato-Dato Bandar?
- c) Berapa ramai kakitangan Kerajaan yang telah diambil tindakan tatatertib atas perkara di atas. Senaraikan mengikut Jabatan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, YB Kota Anggerik ingin mendapat maklumat tentang tindakan kerajaan terhadap kakitangan yang telah melanggar peraturan di waktu bekerja. Untuk makluman YB Kota Anggerik, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah pun mengeluarkan surat arahan pematuhan waktu bekerja kepada semua penjawat awam di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Ng Selangor pada 1 Jun 2009. Ia nya adalah susulan daripada Arahan Pematuhan Waktu bekerja kepada penjawat awam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 8 April 2009. Sehubungan dengan itu, dalam menguatkuasakan arahan ini semua Jabatan, Agensi termasuk Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, dan anak syarikat negeri di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri, diminta untuk memantau pematuhan arahan waktu bekerja tersebut. Antara langkah yang diambil termasuklah menerapkan amalan budaya kerja berdisiplin dengan mengeluarkan poster dan pemakluman melalui *email* mengenai pematuhan waktu bekerja. Jabatan dan Agensi juga telah menubuhkan Skwad Pemantau yang terdiri daripada Ketua Jabatan dan kakitangan yang mengadakan operasi pemantauan secara berkala dan mengejut ataupun *spotcheck*, di premis makanan, premis hiburan dan pusat membeli belah di kawasan masing-masing. Amaran lisan dan bertulis serta pengesyoran tindakan tatatertib bagi kakitangan yang didapati gagal mematuhi arahan waktu bekerja yang ditetapkan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk tindakan lanjut. Untuk makluman YB Kota Anggerik, dari Januari sehingga September 2015, ramai 18 orang kakitangan dari 7 jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri telah disyorkan untuk dikenakan tindakan tatatertib setelah didapati gagal mematuhi arahan waktu bekerja yang ditetapkan kerana melakukan kesalahan semasa waktu pejabat di antaranya bermain snuker, makan dan minum di premis makanan semasa waktu pejabat dan membeli belah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI**

73. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan projek perumahan terbengkalai di Selangor mengikut PBT?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan kepada pembeli projek rumah terbengkalai?
- c) Apakah tindakan yang diambil kepada pemaju terbabit?

**TUAN SPEAKER** : Cempaka. 73.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih kepada Kota Damansara. Projek perumahan, senarai projek perumahan, kalau kita nak senaraikan menurut PBT adalah terlalu panjang senarai tersebut. Untuk makluman YB jumlah projek perumahan terbengkalai di negeri Selangor sehingga 15 Oktober 2015 adalah sebanyak 106 projek. Senarai projek perumahan terbengkalai mengikut pecahan PBT adalah seperti berikut:, saya akan cuma namakan jumlah bagi setiap PBT. Untuk *detail* ataupun senarai terperinci akan saya berikan kemudian. Kalau wassap tak cukup, banyak sangat. Majlis Bandar raya Shah Alam, adalah 10 projek. Majlis Bandar raya Petaling Jaya terdapat 3 projek, Majlis Bandar raya Perbandaran Subang Jaya ada 1 projek. Majlis Perbandaran Ampang Jaya ada 4 projek. Majlis Perbandaran Klang iaitu yang terbanyak sekali , di kawasan MPK terdapat 25 projek. Majlis Perbandaran Kajang terdapat 12 projek, Majlis Perbandaran Selayang terdapat 9 projek, Majlis Perbandaran Sepang terdapat 7 projek, Majlis Daerah Kuala Selangor terdapat 8 projek, Majlis Daerah Hulu Selangor terdapat 13 projek, Majlis Daerah Kuala Langat terdapat 13 projek dan Majlis Daerah Sabak Bernam terdapat 1 projek. Kerajaan negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor dengan menyalurkan bantuan kepada pembeli yang terdaya walaupun bidang kuasa kerajaan negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja. Kuasa pemuliharaan ini yang terletak, adalah terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan dan Kawalan Pelesenan 1996. Sehubungan itu beberapa langkah pro aktif telah dilaksanakan oleh LPHS ke arah membantu pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek terbengkalai kerana memahami situasi yang dihadapi oleh mereka.

Di antaranya, yang pertama, adalah dengan menubuhkan jawatankuasa pemuliharaan projek terbengkalai iaitu JPPT di mana ia merupakan fasilitator di mana kita

mempertemukan kontraktor ataupun pemaju penyelamat bersama dengan pembeli dan bank dengan juga pelikuidasi untuk kita menyelesaikan masalah rakyat. Selain daripada itu yang terkini adalah, telah ditubuhkan apa yang dinamakan sebagai tepat ataupun projek tabung pemulihan projek perumahan terbengkalai di mana dalamnya ada 20 juta yang telah diperuntukkan pada tahun lepas, tahun ini dan juga pada tahun hadapan untuk kita menyelesaikan masalah projek perumahan terbengkalai ini. Untuk tindakan pemaju yang terlibat dalam projek terbengkalai, kerajaan negeri boleh disenaraihitamkan dan juga kita memang ada menulis surat kepada mereka yang mempunyai projek terbengkalai apabila mereka hendak membuat ataupun mengemukakan permohonan untuk projek-projek baru tetapi pihak pemaju boleh mengadakan atau melakukan tindakan mahkamah ke atas pihak.. pembeli boleh melakukan tindakan mahkamah terhadap pemaju jika terdapat *breach of contract* ataupun terdapat pelanggaran kontrak dan juga kita sentiasa memberi maklumat kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya syarikat-syarikat yang terlibat dengan projek-projek rumah terbengkalai ini tidak diberikan lesen untuk menerus.. untuk memulakan atau menjual projek-projek yang lain terima kasih.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : *Whatsapp* pun tak tengok pun saya tengok. Semalam *whatsapp* pun tak tengok pun.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Eh tengok. Ada, ada. (Ketawa)  
(Ahli dewan ketawa)

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Soalan..

**TUAN SPEAKER** : Cempaka dan Kota Damansara, isu-isu persendirian di luar dewan. (Ahli dewan ketawa). Teruskan Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Adakah..ok, soalan tambahan saya, adakah kerajaan negeri mempunyai data pembeli-pembeli yang telah disenaraihitamkan disebabkan oleh projek-projek terbengkalai ini? Apa usaha kerajaan untuk membantu mereka ini sebenarnya? Soalan saya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Apa yang terjadi adalah bahawa kita tidak ada data mereka yang telah disenaraihitamkan sebab ini adalah data ini adalah daripada bank tetapi apa yang kita lakukan adalah kita minta supaya kita memang bukan mengalu-alukan, kita menggalakkan supaya mereka yang menghadapi masalah supaya datang kepada pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk kita ambil data tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka lah. Sebab dari segi S&P, dari segi hubungan mereka, pinjaman

mereka dengan bank, itu adalah urusan bank, pihak bank, dan juga pemilik. Kalau mereka tidak datang kepada kita, memang kita tidak akan ada maklumat tersebut. Cuma apabila sesuatu projek itu ataupun pemaju itu telah digulung dan apabila pemaju penyelamat masuk untuk memajukan atau memajukan semula projek tersebut, selalunya kita akan minta senarai pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek terbengkalai tersebut. Jadi, bermakna bahawa ketika itu baru kita tahu apabila ada pemaju penyelamat kita perlu tahu siapa yang sebenarnya telah membeli dan siapa yang setuju dan siapa yang tidak setuju dengan *scheme of arrangement* ataupun apa yang dipanggil sebagai urusan untuk memajukan projek yang terbengkalai. Dalam kesempatan ini, ingin saya juga mengumumkan bahawa daripada Mac 2008 sehingga 31 Julai 2015, kerajaan negeri ataupun sebanyak 58 projek terbengkalai yang melibatkan 28,252 telah berjaya diselesaikan. Iaitu bermakna 58 projek daripada 2008 dan 31 Julai 2015 telah diselesaikan sama ada oleh pemaju penyelamat, sama ada oleh KPKT ataupun pemaju yang lama ataupun terdapat urusan ataupun ia ataupun melalui skim-skim yang lain lah. Bermakna ada 58 projek, 28,252 unit yang telah berjaya diselesaikan.

Saya sebenarnya, saya dah baca dah *whatsapp* tadi, *whatsapp* semalam, dan saya sebenarnya bukan setakat tu sahaja, saya berjumpa dengan penyelarasa Kota Damansara semalam. Dan dia kata bahawa, bukan salah dia orang nak panggil dia YB. Mungkin dah dekat la tu kan? Jadi bermakna, bukan saya tak baca, bukan setakat saya baca tapi saya telah jumpa, kebetulan saya jumpa dengan penyelarasa Kota Damansara dan dia kata bukan salah dia.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Saya bukan pertikai, saya bukan menyalahkan Razlan tu, Razlan tu macam anak saya, saya selalu jumpa dia sebenarnya. Boleh buat rundingan pun untuk dia bagi kat saya. Ha jangan gelak.

**TUAN SPEAKER :** Soalannya?

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Tak ada..Soalannya, nak mengatakan bahawa Menteri Besar kata *Smart Selangor* tetapi ini merupakan tak *Smart* langsung dalam pentadbiran. Terlalu cuai dan tidak prihatin. Itu sahaja. Bukan saya nak pertikaikan Razlan tu.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Tunggu dulu ya. Cempaka nak jawab atau tidak?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tak ada kena mengena tentang surat itu dengan projek terbengkalai.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Masalah peribadi..

**TUAN SPEAKER** : Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Sebenarnya, cuai itu cuai kerajaan Persekutuan kerana lesen pemaju diberikan oleh kerajaan Persekutuan. Jadi, soalan saya adalah, saya berasa hairan untuk mendengar MPK terdapat 25 projek terbengkalai di sana? Dan saya ingin bertanya, apakah perancangan kerajaan negeri untuk menambahbaik sistem penyenaraihitam kerana kita dapat lihat projek pemaju yang terlibat dalam projek terbengkalai masih ada projek yang baru dalam tempat yang sama? Contohnya, di Bandar Baru Klang di mana itu sudah menjadi satu tanda tanah oleh *Acmar* tetapi dekat tempat yang dekat, *Acmar* dapat membangunkan satu bangunan lagi yang begitu besar dengan nama dia yang besar *Acmar International* jadi nampaknya mereka dapat membangunkan sesuka hati. Kalau ini, dia terbengkalai dan dia akan pilih satu tempat yang lain untuk membina yang lain, dan itu dibenarkan. Jadi, apakah rancangan untuk menambah baik sistem penyenaraihitam?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Cadangan Kerajaan Negeri adalah kita pergi kepada Ahli Lembaga Pengarah. Masalahnya, kebanyakan projek ataupun hampir setiap pemaju sama ada besar atau kecil apabila mereka melaksanakan sesuatu projek, ia tidak, ia akan menggunakan spesifik satu syarikat baru. Bila dia buka lagi satu projek, dia akan satu syarikat baru tetapi kadangkala masalahnya nama yang dekat atas tu, dia punya *parent company* tu, *appear* kepada kita tapi sebenarnya, kadangkala dia punya syarikat yang digunakan adalah syarikat lain tetapi apa yang kerajaan negeri boleh lakukan, ini sebenarnya bersama-sama dengan KPKT sekali bukan kita sahaja. Sebab kuasa KPKT adalah lebih besar jadi, bermakna bahawa kerajaan negeri juga kena fokus kepada Ahli Lembaga Pengarah. Nama Lembaga Pengarah itu yang perlu kita ..

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Ya, itu sebenarnya kita tahu masalahnya. Itu lah *loop hole*, dengan izin, undang-undang, dan mereka sudah tahu kalau menyenaraihitamkan Pengarah, mereka tubuhkan satu syarikat yang baru untuk setiap satu projek. Jadi, kalau projek itu terbengkalai, tak apalah kerana syarikat itu hanya untuk projek yang tertentu. Tetapi apabila mempromosikan projek itu, dia gunakan HQ dia. Macam Mah Sing, dia selalu ada syarikat-syarikat kecil untuk membangunkan projek-projek yang lain. Jadi, adakah, saya rasa menyenaraihitamkan syarikat bersama dengan Pengarah tidak mencukupi tetapi kalau juga menyenaraihitamkan pemegang *share*, ha itu saya rasa akan berkesan kerana *share holder* yang sama, apabila dia menubuhkan satu syarikat yang baru, dia sendiri akan memegang *share* juga kerana dia tak akan letakkan dalam tangan yang lain. Dia boleh tukarkan Pengarah tetapi pemegang *share* tak begitu senang

untuk ditukar. Jadi, adakah kerajaan negeri bersedia untuk juga menyenaraikan bukan sahaja Pengarah tetapi juga pemegang *share*, pemaju-pemaju tertentu. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Dua cara nak halang sesuatu syarikat daripada melaksanakan projek iaitu dari segi kita menghalang Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan ataupun di peringkat KPKT adalah menghalang lesen untuk jualan. Ya, saya bersetuju dengan itu, bermakna bahawa kita akan *upgrade* lah kita punya sistem ataupun kita punya cara untuk kita mengawal akan pemaju-pemaju yang terlibat dengan projek perumahan yang terbengkalai ini lah. Memang benar, terdapat satu pemaju yang besar di Selangor ini, dia ada lebih daripada 100 syarikat di bawah untuk buat projek, bukan 1, 100, bermakna 1 terbengkalai, atau gulung, dia boleh pergi kepada syarikat lain. Jadi, bermakna terima kasih atas pandangan. Memang itu dalam perhatian kita.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Saya minta telefon bimbit dimatikan supaya tidak mengganggu perjalanan dewan. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya berkenaan dengan cara menyenaraihitam Ahli Lembaga itu yang dilakukan oleh kerajaan. Saya nampak sesuatu PBT apabila menyenaraihitamkan sesuatu syarikat dan Ahli Lembaga, bagaimana dengan PBT yang lain kerana kalau mereka masuk ke PBT yang lain, adakah satu mekanisme untuk menyelaraskan supaya semua PBT tahu syarikat ini dan Ahli Lembaga ini ada masalah sudah disenaraihitamkan? Adakah satu sistem *back up*?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Ini tidak seharusnya dilakukan di peringkat PBT sahaja. Ia perlu dilakukan di peringkat kerajaan negeri iaitu badan yang terlibat dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Sekiranya, untuk kita memastikan bahawa syarikat-syarikat ataupun Pengarah-Pengarah yang terlibat dengan projek terbengkalai ini diketahui oleh semua. Bermakna bahawa Lembaga Perumahan yang seharusnya melakukan kerja ini.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI :** Projek Bandar Baru Klang itu bukan lah projek yang menjadi rahsia siapa *Board Director*, siapa *Share Holder* nya. *Acmar International*, *Acmar* itu adalah satu *developer* yang besar di negeri Selangor dan menjadi satu gambaran buruk, masuk Klang sahaja nampak satu bangunan yang tak siap. Jadi, apakah kerajaan tidak boleh bertindak pada *developer* ini?



**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tindakan boleh lah, tapi sekarang ini kita nak menyelesaikan masalah tersebut. *Insyah-Allah*, benda itu adalah dalam tindakan sebab *Acmar* pun dia ada projek-projek lain iaitu di Ampang, ada 2 projek di sana. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Tuan Speaker, Soalan 74.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI PERKHIDMATAN  
BEKALAN AIR SELANGOR**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah semua *Condition Precedent (CPs)* dalam perjanjian utama penstrukturan semula air telah diselesaikan sekarang?
- b) Apakah perkembangan terkini proses pengambilalihan Puncak Niaga dan SYABAS? Bilakah Air Selangor akan ada kawalan penuh?
- c) Apakah perkembangan dengan pengambilalihan SPLASH?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin memberikan maklum balas kepada Yang Berhormat Damansara Utama berhubung pertanyaan beliau sama ada *CPs* ataupun *Condition Precedent* dalam perjanjian utama penstrukturan semula air telah pun diselesaikan. Jawapan saya ialah *yes*, ataupun *ya*. Kesemua *CPs* telah pun dipenuhi seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian utama penstrukturan semula air. Yang Berhormat Damansara Utama sedia maklum bahawa kerajaan negeri telah pun memeterai perjanjian tambahan ke atas perjanjian utama pada 10 Julai 2015 yang lalu di mana pada tarikh ini kerajaan negeri telah berjaya merungkai kemelut panjang industri perkhidmatan air dan akhirnya rakyat negeri Selangor berjaya memiliki semula perkhidmatan air untuk diurus secara *holistik*, ke arah perkhidmatan yang berteraskan ketelusan, kebertanggungjawaban, *efisien*, *cost effective* serta dikawal penuh oleh kerajaan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat Damansara Utama, bermula pada 15 Oktober 2015, pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. atau Air Selangor, telah pun mengambil alih secara rasminya pengurusan dan operasi SYABAS dan Puncak Niaga Sdn Bhd. dan *Insyah-Allah* pada 9 November ini saya bersama dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan turun ke ibu pejabat SYABAS sebagai

tanda secara rasminya Kerajaan Negeri mengambil alih operasi SYABAS dan Puncak Niaga dan dalam lawatan kerja ini saya akan bertemu dengan semua tenaga kerja dan warga kerja SYABAS untuk memberikan semangat dan motivasi kepada mereka dan memberi jaminan bahawa mereka tidak akan diberhentikan kerja dan kita akan memberikan penjelasan tentang dasar-dasar Kerajaan Negeri bagaimana pengurusan air ini harus dilakukan. Sebagai tanda kejayaan awal, sukacita juga saya memaklumkan sebaik sahaja Air Selangor mengambil alih secara rasmi SYABAS dan Puncak Niaga pada 15 Oktober yang lalu, kolam-kolam perkhidmatan ataupun *service reservoir* di taman-taman perumahan berada dalam tahap yang cukup selesa untuk memberi perkhidmatan kepada pengguna-pengguna. Soalan yang ketiga daripada Damansara Utama tentang perkembangan pengambilalihan SPLASH, saya ingin memaklumkan bahawa pengambilalihan SPLASH masih belum dimuktamadkan lagi kerana seperti yang saya nyatakan semalam pemegang-pemegang saham utama SPLASH telah menolak tawaran awal yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri telah pun melantik penilai bebas untuk mengkaji dan menentukan nilai sebenar yang adil dibayar kepada SPLASH. Untuk makluman Dewan juga dalam perjanjian utama telah pun diperuntukkan bahawa Air Selangor hendaklah memastikan ia akan berusaha untuk memperolehi ekuiti dalam syarikat pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. ataupun SPLASH dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penyelesaian ataupun *the date of completion* dan dalam perjanjian utama juga telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan juga bertanggungjawab untuk sedaya upaya memudahkan Air Selangor memperolehi SPLASH dan tempoh ini akan berakhir pada September 2016. Memandangkan tempoh rundingan dengan SPLASH akan berakhir 12 bulan daripada tarikh penyelesaian perjanjian utama iaitu pada 10 Julai yang lalu maka perbincangan di antara Air Selangor dan SPLASH masih lagi berjalan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Puan Speaker. Saya difahamkan bahawa SPLASH telah menawarkan harga sebanyak RM2.8 bilion supaya Kerajaan Negeri dapat mengambil alih syarikat ini dan Air Selangor hanya ada sebanyak RM450 *million* ataupun juta *cash* sahaja. Adakah kerajaan akan mendapat panduan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan wang selebihnya bagi pembelian SPLASH?

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Y.B. Kampung Tunku. Ini adalah sebahagian daripada rundingan yang sedang berjalan di antara Air Selangor dan juga SPLASH memandangkan harga tawaran asal yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri telah pun ditolak dan pihak SPLASH telah mengemukakan satu harga baru dan pastinya proses ini akan terus berjalan dalam tempoh yang telah ditetapkan termasuk peranan Kerajaan Persekutuan yang termaktub dalam

perjanjian utama di mana Kerajaan Persekutuan juga bertanggungjawab untuk mempermudah Kerajaan Negeri mengambil alih SPLASH tetapi pendirian Kerajaan Negeri apa juga harga yang bayar kepada SPLASH perlulah adil dan saksama seperti yang telah berlaku sebelum ini tanpa membebankan pengguna-pengguna air di Negeri Selangor. Yang ini menjadi teras dan jaminan Kerajaan Negeri kerana apa juga harga yang dibayar kepada SPLASH pastinya ia akan memberi kesan kepada pengguna-pengguna air di Negeri Selangor. Jadi, inilah antara kriteria yang sedang dibincangkan dan kita berharap sebelum September 2016 perkara ini dapat dimuktamadkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih. Saya tertarik dengan kenyataan Y.A.B. bahawa tiada *staff* SYABAS yang akan diberhentikan. Bagaimana pula dengan pengurusan tertinggi dengan Lembaga Pengarah? Adakah akan dikekalkan ataupun diganti?

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Bukit Gasing tanya soalan yang sukar ya. Tapi ini bukan sukar untuk dijawab. Dalam mana-mana proses pengambilalihan syarikat-syarikat pastinya ada pertimbangan yang perlu dibuat. Kita mahu pengurusan Air Selangor apabila mengambil alih SYABAS dan juga Puncak Niaga ini menentukan pengurusan-pengurusan yang profesional yang dapat berpegang kepada prinsip dan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan perkara ini juga sedang diteliti namun ianya belum diputuskan secara muktamad. Saya hanya memberi jaminan pekerja itu dijamin pekerjaan mereka tetapi pengurusan harus tertakluk kepada keperluan Kerajaan Negeri yang mahu pengurusan yang cekap, yang efektif, yang dapat berpegang kepada dasar Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Soalan tambahan. Berhubung dengan...

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : *Ops sorry*. Berhubung dengan soalan dari ADUN Bukit Gasing, saya pun juga tertarik dan saya berminat untuk tahu bahawa sama ada gaji CEO SYABAS akan *review* semula?

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Bila kita buat rombakan, pastinya yang saya sebut tadi kriterianya kita mahu seseorang yang profesional, yang mempunyai kemahiran dalam pengurusan air dan dapat berpegang kepada dasar Kerajaan Negeri dan sudah tentulah semakin-semakan ini perlu dibuat kerana antara perkara yang menjadi kritikan kuat sebelum ini ialah pengurusan tertinggi SYABAS itu memperolehi jumlah yang besar yang mungkin tidak munasabah dan

kita tidak mahu kos pengurusan Air Selangor dan SYABAS itu membebankan pengguna dan rakyat. Sebab itu saya mahu pengurusan tertinggi SYABAS yang baru ini yang akan dipimpin oleh Air Selangor dapat berpegang kepada prinsip-prinsip kebertanggungjawaban bagi menjamin perjalanan industri air ini lancar seperti yang telah kita rancang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 75.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : RANCANGAN MALAYSIA KE-11**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah peruntukan untuk menyelenggara dan membaik pulih stadium-stadium mini di Selangor?
- b) Apakah perancangan untuk memaksimumkan kemudahan sukan bagi Stadium Mini Sabak yang masih luas kawasannya.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Sabak atas keprihatinan beliau khusus untuk kemudahan-kemudahan sukan. Bagi Rancangan Malaysia Ke-11 Negeri Selangor ataupun dalam tempoh lima (5) tahun ini bermula daripada tahun 2016 hingga 2020, Bahagian Pembangunan Sukan atau Unit Perancangan Ekonomi, Sektor Negeri Selangor mensasarkan peruntukan sejumlah peruntukan RM52.85 juta untuk menaiktaraf kemudahan sukan atau lebih spesifik ini cadangannya ialah sebanyak RM52,854,516.50 yang disasarkan oleh Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf kemudahan-kemudahan dalam sukan termasuk mini-mini stadium yang telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan Negeri Sabak. Untuk jawapan kedua, kita Kerajaan Negeri komited untuk memastikan semua kemudahan ini dapat dinaiktaraf dan juga dapat digunakan oleh pihak awam. Namun begitu untuk kita selalu menganjurkan ataupun meletakkan program-program tertentu itu saya rasa kita tidak mempunyai keupayaanlah, hanya sekali sekala. Antaranya kita telah menganjurkan Kejohanan Piala Emas Raja-Raja di kedua-dua stadium di Sabak iaitu di Stadium Sungai Besar dan Stadium Sabak dan *Insya-Allah* pada tahun ini juga Piala Emas Raja-Raja akan dianjurkan di kedua stadium itu berdasarkan daripada maklum balas dan respons yang telah diberikan oleh penduduk awam di tempat tersebut. Justeru, saya berharap agar pusat khidmat, pihak majlis tempatan dan jabatan-jabatan berkenaan boleh menganjurkan aktiviti di tempat tersebut selepas kemudahan-

kemudahan ini dinaiktaraf termasuk terutamanya dalam program pembangunan sukan dan program-program sukan di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ijok

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan 76.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : STESEN BAS BISTARI JAYA**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Stesen bas ini tidak mempunyai tempat berteduh bagi kemudahan awam. Apakah rancangan PBT untuk mengatasi masalah ini?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Ijok. Stesen bas Bistari Jaya pada asalnya mempunyai dua (2) lokasi tempat untuk penumpang berteduh. Walau bagaimanapun, pada bulan September 2015 yang lalu salah satu daripada pondok bas tersebut dilanggar oleh bas dan menyebabkan satu roboh. Pengunjung masih lagi mempunyai tempat untuk berteduh di satu lagi lokasi untuk tempat menunggu bas yang berhampiran dengan tandas awam dan gerai. Pihak Majlis akan membina semula tempat yang roboh mengikut keperluan dan kemampuan kewangan Majlis pada tahun depan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Speaker, Perkara 24 (2) Peraturan Mesyuarat, saya ambil soalan No. 77.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar, saya belum lagi panggil soalan tersebut. Soalan 77 telah dijawab bersekali dengan soalan 43. Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 78.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : LAWATAN PEMBELAJARAN TEKNIKAL KAJIAN PAVEMEN DI MELBOURNE AUSTRALIA**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kaedah *pavemen evaluation* HDM-4 sesuai digunakan di jalan raya Negeri Selangor?
- b) Siapakah ahli rombongan yang menyertai lawatan ini?
- c) Sila nyatakan jumlah perbelanjaan digunakan oleh rombongan ke Australia yang termasuk kos tiket penerbangan, makanan dan penginapan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Speaker dan terima kasih kepada Teluk Datuk yang bertanya berkenaan dengan lawatan kerja ke Melbourne, Australia sebenarnya ke secara lebih tepatnya ke Australia Road Research Board (ARRB Group) yang di mana ARRB Group ini merupakan sebuah organisasi penyelidikan jalan raya bertaraf antarabangsa yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan Australia dan New Zealand bagi memberi khidmat teknikal berhubung dengan pengurusan aset dan penyelenggaraan jaringan jalan sepanjang kurang lebih 900,000 kilometer. Dan juga bagi memastikan kos penyelenggaraan dapat diuruskan, penyelenggaraan jalan dapat diuruskan secara sistematik dan bertepatan dengan kaedah pembaikan berasaskan penilaian kejuruteraan yang tepat maka ARRB Group telah pun menggunakan sistem perisian *highway design and management 4* (HDM-4) di setiap jaringan jalan raya di Australia dan New Zealand dan untuk pengetahuan juga di Negeri Selangor kita juga telah mengguna pakai *exercise* ini untuk panjang jalan 1,140 kilometer dan soalan berkaitan dengan siapakah ahli rombongan dan juga kos yang terbabit. Ahli rombongan adalah :-

- 1) Yang Berhormat Tuan Haji Zaidy bin Abdul Talib  
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,  
Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani
- 2) Encik Mohd Adram bin Musa  
Pegawai Penasihat Dasar
- 3) Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Hamizan bin Mohd Inzan  
Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor Darul Ehsan
- 4) Tuan Haji Mazlan bin Mohamad  
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Jalan)  
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor Darul Ehsan
- 5) Mohd Hasry bin Nor Mohd  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Agihan dan Pembangunan  
Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)

Dan menjumlahkan perbelanjaan sebanyak RM41,870.00.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Di samping melihat projek-projek pembangunan jalan raya, adakah EXCO melawat pejabat pertanian di Melbourne?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Kota Anggerik. Lawatan kerja ini khusus berkaitan dengan pengurusan jalan raya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Apakah hasil daripada lawatan ini yang akan diaplikasikan di Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Rawang. Seperti mana yang saya maklumkan awal tadi, kita juga telah pun mengguna pakai teknologi yang diperkenalkan yang dibangunkan oleh World Bank ini dan di antara rumusannya bahawa HDM-4 ini perlu diteruskan pelaksanaannya untuk pemantauan keadaan *pavemen* di Selangor ini secara berterusan dan unjuran bajet penyelenggaraan tahunan adalah tepat berasaskan penilaian kejuruteraan bertepatan dengan kaedah pembaikan. Itu akan diteruskan. Yang keduanya dari sudut menentukan kaedah penguatkuasaan yang bersesuaian untuk mengelakkan masalah lebihan muatan yang memberikan kesan terhadap kos penyelenggaraan jalan raya di Negeri Selangor. Itu satu *loophole* yang kita perlu lihat kerana di Selangor ini dari sudut penguatkuasaan lebihan muatan penggunaan jalan raya itu tidak kita kawal yang secara yang drastik yang menyebabkan jalan sebaik mana pun kita buat dengan lebihan muatan yang berlaku menyebabkan jalan kita mudah rosak. Kemudian di antara lainnya adalah Kerajaan Negeri juga perlu mengenal pasti *level of service* kerana kita harus menentukan *level of service* ataupun tahap kita sendiri yang perlu kita kekalkan kerana mengikut HDM-4 ini kita perlu ada banyak tahap-tahap kategori-kategori jalan. Kalau mungkin di peringkat di Melbourne sana lain dari sudut tahap ataupun *grading* jalannya, di Selangor ini kita perlu menetapkan dan kita akan kawal, pastikan supaya semua jalan-jalan kita memenuhi spesifikasi yang telah pun kita tetapkan. Dan, antara lainnya juga kita akan meneruskan dari masa ke masa perkongsian pengetahuan dalam sistem penyelenggaraan jalan bersama dengan ARRB Group dan juga melalui juru perunding yang telah pun dilantik.

**TUAN SPEAKER** : Masa pertanyaan telah tamat. Silakan Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 (Semua Peringkat).

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

#### **Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 (Semua Peringkat) (Sambungan)**

**Y.A.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan di bawah Peraturan Tetap 66(3) untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini Fasal demi Fasal.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, RM129,606,539.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Dua Puluh Sembilan Juta Enam Ratus Enam Ribu Dan Lima Ratus Tiga Puluh Sembilan).

**TUAN SPEAKER** : Saya benarkan lima minit seorang pembahas jika ada. Jadual B.1 iaitu wang sejumlah RM129,606,539.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Dua Puluh Sembilan Juta Enam Ratus Enam Ribu Dan Lima Ratus Tiga Puluh Sembilan) untuk kepala B.1 Pejabat Menteri Besar dan Pejabat Setiausaha Kerajaan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya.

**AHLI DEWAN** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

**AHLI DEWAN** : Tidak.

**TUAN SPEAKER** : Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.2 Pelbagai Perkhidmatan, RM80,200,909.00 (Ringgit Malaysia : Lapan Juta Dua Ratus Ribu Dan Sembilan Ratus Sembilan).

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Puan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 50, butiran 50-5000 Pentadbiran dan Kewangan. Kod Objek 42000 Pemberian Dalam Negeri. Saya ingin menyentuh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang diperuntukkan RM4.1 juta pada tahun 2016. Kerajaan Negeri



mengurangkan peruntukan sebanyak RM600,000 kepada LUAS berbanding dengan tahun 2015. Saya tidak pasti pengurangan tersebut mempunyai kaitan dengan hasil langsung LUAS yang semakin bertambah atau tidak. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan LUAS yang berakhir pada 31 Disember 2014 menunjukkan bahawa caj air sebagai hasil langsung yang utama bagi LUAS adalah RM 5.58 juta pada tahun 2013 dan meningkat lebih daripada 8 juta ke 13.87 juta pada tahun 2014. Puan Pengerusi, saya jangka caj air akan meningkat lagi memandangkan semua pengusaha akuakultur air tawar telah dimaklumkan bahawa mereka akan dikenakan caj air dengan kadar 5 sen bagi setiap meter padu. Kumpulan pengusaha akupunktur air tawar daerah Hulu Selangor membantah caj tersebut kerana kebanyakan pengusaha akuakultur terutamanya bumiputera yang menternak ikan air tawar dengan keluasan kurang daripada 8 hektar tidak mampu membayar beratus ribu setahun untuk caj air. Saya mengambil contoh pengusaha yang mempunyai kolam ikan seluas 8 hektar berdasarkan pengiraan setiap 5 sen setiap meter padu dan pengusaha menukar air setiap minggu maka caj air akan adalah RM240,000 setahun. Caj sebegini tidak dilaksanakan di negeri-negeri lain. Sekiranya ia dilaksanakan di Negeri Selangor, pengusaha air tawar secara kecil-kecilan tidak dapat menjual ikan mereka dengan harga pasaran yang sedia ada. Dalam keadaan yang sedemikian maka pengusaha kecil akan berhenti menternak ikan air tawar di mana akan menyebabkan pengurangan ikan di pasaran dan seterusnya harga ikan air tawar akan naik. Pada akhirnya ia lebih membebankan rakyat Selangor yang sedang menghadapi kenaikan harga barangan ekoran GST dilaksanakan. Saya harap Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah yang sewajarnya supaya dia tidak membebankan pengusaha dan pengguna. Sekian sahaja, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan 50-5000 4200 berkaitan dengan Komunikasi Corporation Sdn. Berhad (CCSB) di mana kita sedia maklum CCSB ini satu badan anak syarikat yang dikhususkan untuk membuat penerangan oleh Kerajaan Negeri Selangor khususnya dalam konteks mengedarkan surat khabar Selangorkini dan sebagainya untuk menyampaikan maklumat-maklumat ini kepada rakyat di seluruh Negeri Selangor dan dalam sepanjang beberapa tahun yang saya pantau pengedaran akhbar Selangorkini ini terdapat beberapa perkara yang ingin saya nyatakan khususnya dari segi perkhidmatannya saya harap akbar Selangorkini ini boleh dapat dijadikan satu wadah yang lebih berkesan dengan belanja yang besar ini kita dapat menyampaikan informasi-informasi Kerajaan Negeri ke seluruh kawasan di setiap DUN, masjid dan kampung maka dengan itu saya ingin mencadangkan bahawa setiap DUN boleh dilantik ataupun di setiap daerah dilantik seorang pegawai penerangan untuk CCSB ini. Jadi mana pegawai penerangan ataupun *reporter* di situ kerana sekarang nampak ini kadang-kadang kita sebagai ADUN kita nak sampaikan berita pun sukar sikit untuk mereka turun ke kawasan buat tawaran

mereka tidak cukup tenaga ataupun *reporter* tapi ini penting akhbar Selangorkini sekiranya sebarannya cukup besar, rakyat pelbagai kaum Melayu, Cina, India seluruhnya membaca ini akan mendapat memberi sokongan yang padu kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana dasar kita dapat disampaikan. Polisi kita dapat diterjemahkan. Berita-berita Menteri Besar, EXCO, ADUN-ADUN dapat diperluaskan kerana kita tahu Selangor kita semakin maju menuju ke *Smart Selangor* jadi CCSB ini, *Selangorkini* ini menjadi *Smart Selangorkini* yang menjadi *smart* lebih menyeluruh maksud sayalah kalau kita dapat sampaikan berita kalau tidak kita agak terkongkong kerana TV dan radio tidak berpihak kepada kita, mereka dikawal oleh Barisan Nasional yang tidak mahu memberi ruang kepada kita. Jadi kita hanya ada *Selangorkini* dan *TV Selangor* untuk menyampaikan maklumat. Jadi saya minta satu pegawai penerangan dilantik di setiap DUN diberi elaun dan sebagainya untuk memudahkan semua wakil rakyat daripada Kerajaan Negeri beritanya, gerak kerjanya, ketua kampungnya, Ahli Majlis yang boleh dibuat liputan dan sebagainya. Ini saya harap dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Dalam konteks perkhidmatan juga pengurusan CCSB ini baru-baru ini saya juga menerima satu aduan mengatakan bahawa ada syarikat penerbitan *printer* yang dilantik oleh CCSB sebelum ini sebelum Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dilantik sebagai Menteri Besar beliau syarikat ini ada mengendalikan *printing* bukan Angkatan Edar, sebelum Angkatan Edar ada satu syarikat. Beliau telah mengadu bahawa kontraknya ataupun kontrak *printernya* ditamatkan serta-merta tanpa memberi notis, beliau mengadulah ini agak tidak adil dan sebagainya kerana beliau telah memberi banyak, menempah banyak kertas dan sebagainya tiba-tiba diberi notis 3 atau 6 bulan diberhentikan. Saya harap perkara ini kita Kerajaan Negeri dalam konteks ini dapat memberi penjelasan dan juga keadilan untuk beliau dan yang pentingnya pada masa-masa akan datang saya harap pengurusan CCSB lebih mantap dengan peruntukan yang ada dapat dimaksimakan sebaran-sebaran ini.

Yang keduanya saya ingin merujuk kepada pendidikan Industri Yayasan Selangor tentang Yayasan Selangor ini. Saya nampak Yayasan Selangor ini berperanan untuk memberi biasiswa soal pendidikan, pinjaman dan sebagainya. Ini dah cukup baik tetapi daripada maklumat yang saya terima Yayasan Selangor ini setiap tahun perlu jumlah pendapatan setiap tahun lebih kurang RM15.41 juta ataupun RM16 juta sahaja. Jumlah belanja operasi tahunan berjumlah RM19.73 juta maknanya kekurangan hampir RM4 juta maknanya itu baru soal pendapatan dan belanja operasi, kita dah kurang RM4 juta belum lagi dimasukkan jumlah perbelanjaan kendalian seperti kos penyelenggaraan hartanah, susut nilai, kos membiayai pelajar kerajaan seramai 4,562 orang dan sebagainya lebih kurang RM16 juta satu tahun maknanya setiap tahun belanja operasi dan juga belanja kendalian Yayasan ini perlu RM36 juta tetapi pendapatannya hanya RM16 juta jadi defisit RM20 juta. Oleh itu saya harap Yayasan ini Kerajaan Negeri dapat pantau supaya banyak tanah-tanah yang ada dapat dioptimumkan dibangunkan untuk menjana hasil pendapatan bagi Yayasan supaya dia tidak terus mengalami defisit yang begitu besar. Inilah antara cadangan syor-syor yang saya kemukakan untuk Kerajaan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut bahas 50-5000 4200 CCSB. Kita dapati banyak program-program yang dilaksanakan di Negeri Selangor yang terbaru rancangan *Smart* Selangor. Malangnya di kawasan-kawasan pendalaman masih lagi tidak tahu perkembangan-perkembangan terkini apa yang berlaku di Negeri Selangor. Saya bersetuju juga memang saya tulis pun kalau boleh ada jentera penerangan berada di pejabat DUN supaya dapat kita sampaikan maklumat-maklumat ini ke rakyat-rakyat Negeri Selangor. Kemudian medianya itu kita maklum bahawa Negeri Selangor ini ada masyarakat Melayu yang berbahasa Melayu, masyarakat India yang membaca media dalam Bahasa Tamil dan masyarakat Cina Tionghoa membaca dalam Mandarin dan English kalau boleh. Satu lagi dan kepelbagaian media kita masih lagi terbatas jadi saya cadangkan supaya kepelbagaian media, pelbagai bahasa ini dihebatkan lagi dan jumlah edarannya sebagai contohnya di Kota Anggerik, jumlah pengundinya ialah 54,000 dan menjangka 60,000 tetapi sekitar 4,000 ke 6,000 untuk sekali edaran sudah pasti tidak mencukupi. Keduanya ialah latihan-latihan penerangan di mana kalau boleh ada latihan-latihan diberi kepada ketua kampung dan sebagainya ataupun *team* penggerak belia atau Ahli Majlis supaya diberi penerangan dari masa ke semasa tentang Dasar-Dasar Kerajaan agar mereka sampaikan bawah dengan baik dan *billboard* - *billboard* juga nampaknya gambar Menteri Besar tidak cukup banyak. Kemudian ada cadangan yang lepas daripada ADUN saya kesian tengok gambar Menteri Besar dipasang bawah pokok. Jadi kita rasa *billboard-billboard* di bawah CCSB ini untuk menunjukkan gambar Menteri Besar dan juga ADUN dia. Kemudian cara pemasangan *billboard* itu tidak mencukupi saya rasa boleh ditambahkan di bawah CCSB dan peruntukan RM11 juta sudah pastilah tidak mencukupi untuk menjadi satu penerangan kepada Negeri Selangor kalau kita kira jumlah pengundi Negeri Selangor sekitar RM2.5 juta kalau ini sekitar RM5.00 seorang kalau boleh ditambahkan jumlah peruntukan di bawah CCSB dan juga media-media lain kalau boleh dipertingkatkan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga membangkitkan pada kolum yang sama iaitu Communication Corporation Sdn. Bhd sebab berita-berita yang datang daripada Sabak jarang sekali keluar dalam *Selangorkini* sebab ialah walaupun jauh kata Sekinchan tapi satu-satunya DUN yang adalah dalam Quran adalah Sabaklah lain Bukit Antarabangsa pun tidak ada dalam Al-Quran jadi sebab itu kita banyak program sebenarnya tapi boleh jadi kerana kurang dan kalau ada pun masuk ialah saya akan minta pegawai saya akan tulis sendiri, karang sendiri, masukkan sendiri dan minta supaya *Selangorkini* masukkan berita-berita barulah kadang-kadang masuk lima boleh jadi satu yang diterima. Kemudiannya begitu juga saya bangkitkan tentang Tourism Selangor ini. Begitu juga

berkaitan dengan soal boleh jadi kerana keperluan terhadap untuk memperkenalkan di luar-luar bandar, Sabak umpamanya ataupun termasuk di Sabak Bernam saya tak pasti sama ada *direktori* dibuat terhadap beberapa tempat-tempat yang menjadi tumpuan penting pelancong-pelancong, pengunjung-pengunjung datang ke Sabak Bernam. Umpamanya kita mempunyai kita mempunyai *homestay* yang banyak, yang menarik daripada kepelbagaian sama ada dari tepi lautnya, sungainya, dan sebagainya dengan pemandangan yang menarik tetapi kita melihat bahawa ia kurang menjadi tumpuan boleh jadi kerana masuk dalam satu *portal* atau pun diletak dalam satu direktori untuk menjadi rujukan kepada pengunjung. Begitu juga dalam perkara-perkara yang lain. Muzium umpamanya di Sabak, ada muzium tetapi nampak macam tidak begitu dipopularkan oleh Tourism Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya juga ingin membangun untuk perkara yang sama, Pemberian Dalam Negeri tetapi saya ingin bermula dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor di mana saya perhatikan untuk 2016 peruntukannya telah jatuh sedikit berbanding 2015. Sebagai satu negeri yang menuju ke arah *Smart Status*, saya rasa penekanan terhadap perpustakaan ini sangat penting dan sebaliknya peruntukan ini harus ditingkatkan daripada dikurangkan. Jadi saya mohon penjelasan daripada EXCO berkenaan kenapa peruntukan untuk perpustakaan dikurangkan untuk tahun hadapan.

Kedua, adalah untuk Communication Corporation Sdn. Bhd. (CCSB) di mana kami masih lagi belum ada akhbar *print* dalam versi Bahasa Inggeris. Saya ingin bertanya adakah dalam 2016 kita akan bermula semula akhbar dalam versi Bahasa Inggeris, tak kisahlah kalau namanya Selangor Times ke, nak pakai nama lain atau pun sesiapa Editornya tetapi ada golongan masyarakat di Negeri Selangor ini yang lebih selesa dengan membaca akhbar di dalam Bahasa Inggeris dan sekarang mereka tidak ada akses kepada maklumat *first hand* daripada Kerajaan Negeri Selangor seperti mana yang kita ada sebelum ini. Jadi saya harap ia boleh dikembalikan pada tahun 2016. Tapi saya pun perhatikan peruntukan yang kita ada sama RM11 juta. Jadi macam mana kita nak menampung menerbitkan satu akhbar dalam Bahasa Inggeris jika peruntukan itu tetap sama. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih, Pengerusi. Saya ingin juga bercakap berkenaan dengan Vote B02, Kod Pelbagaian 4200 iaitu berkaitan dengan CCSB. Saya dapati kalau dulu kita pernah ada satu program Layar Rakyat iaitu satu medium yang saya nampak agak baik untuk disampaikan program-program Kerajaan Selangor di luar bandar, atau pun malah di dalam bandar yang diletakkan di pasar-pasar malam. Saya mencadangkan selain daripada medium biasa yang kita gunakan sama ada media cetak atau pun elektronik yang kita buat melalui TV

Selangor dan sebagainya, saya mohon supaya kerajaan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu *team* untuk mengadakan Layar Rakyat kepada rakyat-rakyat di luar bandar khususnya untuk mengetahui hal-hal berkaitan dengan Kerajaan Selangor terutamanya khusus tentang belanjawan yang telah kita bentangkan.

Begitu juga saya mencadangkan, tertarik kepada apa yang disebut oleh Kota Anggerik. Sebenarnya sudah sampai masanya *Smart* Selangor mengurangkan *banner-banner* plastik yang terlalu banyak digunakan di Selangor ini. Jadi saya mencadangkan supaya adanya perkiraan untuk membuat panel elektronik atau pun *billboard* untuk diletakkan di seluruh bagaimana saya ucapkan tahniah kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah memulakan panel-panel elektronik yang saya nampak ianya begitu kemas dan ianya dapat memberikan bukan satu sahaja publisiti tetapi sebenarnya dua, tiga publisiti dalam satu hari disebabkan adanya panel elektronik ini.

Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang kod berpengkalan di bawah Yayasan Warisan Anak Selangor. Saya juga dapati bahawa ada penyusutan kepada belanjawan pengurusan ini. Jadi saya ingin minta penjelasan dari pihak Kerajaan. Kenapakah penyusutan ini berlaku dan saya ingin mengetahui siapakah Ahli Lembaga sekarang yang mengetuai Yayasan Warisan Anak Selangor. Juga berapa kalikah ia telah bermesyuarat pada tahun ini dan pada tahun 2014 yang lepas. Sebab setahu saya ada KPI yang menyatakan paling kurang kita kena bermesyuarat empat (4) kali setahun. Jadi mohon penjelasan untuk Yayasan Anak Selangor dan Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** :Terima kasih, Tuan Speaker. Teratai ingin menyentuh di bawah kod yang sama juga di mana ditujukan berkenaan dengan Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Teratai nampak ada penurunan atas belanjawan bagi peruntukan 2016 yang mana Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. merupakan salah satu syarikat yang menguruskan banyak Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor. Jadi Teratai tidak faham mengapakah peruntukan bagi Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. telah dikurangkan memandangkan syarikat ini adalah sangat penting untuk menguruskan hal ehwal Skim Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Selain daripada itu, Teratai juga ingin menyentuh tentang Invest Selangor Berhad memandangkan kini hala tuju bagi Kerajaan Negeri Selangor adalah *Smart*. Jadi Invest Selangor Berhad, Teratai nampak tidak ada pertambahan peruntukan. Jadi Teratai berpendapat bahawa sekiranya kita hendak menarik pelabur ke Negeri Selangor, sudah pastinya peruntukan untuk pelaburan harus ditingkatkan. Jadi Teratai minta penjelasan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya jemput pihak Kerajaan. Maaf, Paya Jaras. Saya tak dengar.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Tuan Speaker, saya sedikit sahaja. Di bawah kod objek 42000 ini yang sama. Kalau kita perhati di kalangan di antara senarai-senarai yang dalam jenis perbelanjaan ini, kebanyakan senarai-senarai ini ada di negeri-negeri lain. Tetapi ada beberapa perkara yang menjadikan Selangor ini unik. Antaranya Yayasan Warisan dan Rantaian Mesra Emas.

Saya menyokong bersama-sama dengan pandangan Teratai iaitu mengapa Rantaian Mesra Sdn. Bhd. ini nampak sekarang Jom *Shopping* Usia Emas dah makin.... saya ingat tidak adalah untuk tahun sudah. Sedangkan ini program yang *high impact*. Saya kira kalau Kerajaan boleh mempertimbangkan balik supaya mengadakan program Jom *Shopping* ini kerana boleh jadi ada di kalangan mereka kata, "ini adalah pendaftaran untuk saya selepas saya meninggal dunia, apa guna". Jadi mungkin kalau kita boleh adakan skim yang baik semasa hidup dan selepas ia tidak ada lagi, mungkin itu lebih baik untuk rakyat kita.

Kedua, saya hendak sentuh tentang Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Di kawasan-kawasan ada perpustakaan mini yang ada di kawasan-kawasan dalam DUN. Saya lihat perpustakaan ini banyak yang terabai. Dah jadi macam rumah hantu kadang-kadang. Saya tidak tahu buku yang terlalu lama, saya tidak tahu. Saya kira PPAS kena melihat balik kerana imej kita. Kita negeri maju. Ada lagi PPAS ini yang dikawal oleh JKKP. Ada yang dekat JKKP saya telah buat surat. Salah satu tempat saya di Kubu Gajah itu, saya buat surat kepada perpustakaan minta menggantikan penyelia perpustakaan tetapi sehingga ke hari ini belum ada jawapan. Saya minta tindakan segera kerana ini adalah aset kita dan ini di dalam perbelanjaan yang ada pada hari ini.

Tetapi yang utama saya sebut hari ini adalah saya memohon agar program Jom *Shopping* Usia emas ini diteruskan pada tahun hadapan.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Taman Medan juga ingin membangkitkan perkara di bawah vote B02 Pelbagai Perkhidmatan, kod objek 42000, bawah tajuk PPAS – Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Perpustakaan yang kini ada di Taman Medan merupakan satu-satunya mini perpustakaan yang ada di bawah PPAS. Sebelum ini pernah dibangkitkan oleh Taman Medan, pekerja atau pun Pegawai yang bertugas di perpustakaan tersebut adalah seorang Pegawai sahaja. Apabila beliau ada tugas luar atau pun cuti sakit, maka perpustakaan terpaksa ditutup. Memandangkan itu satu-satu perpustakaan

PPAS, Taman Medan memohon supaya ditempatkan seorang lagi Pembantu Perpustakaan. Sekiranya seorang Pegawai terpaksa bercuti, jadi tidaklah perpustakaan tersebut ditutup kerana tidak ada Pegawai yang dapat mengendalikannya.

Perkara kedua yang ingin dibangkitkan adalah berkaitan RMSB, Rantian Mesra Sdn. Bhd. Sebelum ini pernah diuar-uarkan bagi mana-mana warga emas yang menyambut hari jadinya yang ke-60 tahun akan diberikan hadiah sempena menyambut hari jadi ke-60 tahun. Maka ini telah diuar-uarkan sebelum ini dan Taman Medan mendapat banyak pertanyaan daripada warga emas yang telah mendaftar, menagih hadiah yang telah dijanjikan sebelum ini. Jadi Taman Medan ingin tahu apakah yang berlaku dengan janji tersebut. Itu sahaja, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Terima kasih, Tuan Speaker. Rawang ingin turut serta dan merujuk kepada muka surat 50, vote 42000. Yang pertama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana Rawang juga ada satu perpustakaan cawangan Rawang yang mana telah dibina, disiapkan nampaknya ada permintaan yang tinggi daripada komuniti. Pihak saya juga telah peruntukkan bantuan sebenarnya peruntukan untuk adakan program *Story Telling* dengan izin, setiap bulan supaya kita boleh memeriahkan perpustakaan dan menarik lebih ramai supaya menarik minat dengan bacaan. Saya mohon kalau boleh Kerajaan kaji supaya waktu itu dilanjutkan sebab saya rasa orang yang minat baca itu ada yang minat baca waktu malam sebab dia dekat dengan komuniti. Jadi kita boleh tarik lebih ramai orang. Yang kedua kalau boleh ditambahkan peruntukan untuk ceriakan kawasan tersebut sebab saya difahamkan sebelum ini ada cadangan untuk sediakan kafeteria di sebelah perpustakaan supaya sambil minum ada orang jua boleh tunggu dan sebagainya.

Kedua, berkenaan dengan Rantian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB). Saya rasa Skim Mesra Usia Emas adalah satu skim yang bagus dan sekarang maklum balas yang kita terima daripada pemohon adalah sebenarnya mereka kurang dapat menikmati hasil skim ini sebab itu hanya diberi selepas mereka meninggal dunia. Jadi saya rasa, kalau menurut kajian sekarang populasi Malaysia dan saya rasa Selangor juga menghadapi *trend* yang sama bahawa *we have older generation coming in*. Maksudnya masyarakat kita ramai yang lebih panjang umur dan masyarakatnya menjadi lebih tua. Jadi kita harus bersedia untuk *trend* seperti ini dan saya cadangkan kalau boleh bukan sahaja kita bagi *shopping*, itu satu. Tapi saya lebih suka mencadangkan kalau boleh kita kaji bagi *voucher* kesihatan supaya mereka boleh membuat pemeriksaan kesihatan atau pun beli *supplement-supplement* dengan *voucher* ini supaya boleh menjaga kesihatan mereka. Ini sahaja dua (2) yang ingin saya bangkitkan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya juga merujuk muka surat yang sama, vote yang sama 505000, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Saya juga agak terkilan kerana peruntukan 2016 ini menurun sedangkan tema belanjawan Kerajaan Negeri Selangor ialah untuk mewujudkan *Smart* Selangor. Sudah tentulah perpustakaan itu sebagai mercu tanda yang diinginkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor juga untuk menjadi simbolik kepada Selangor yang *smart, Insya-Allah*.

Jadi saya bersetuju dengan rakan-rakan saya, Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi di mana bukan sahaja Kerajaan perlu menyediakan *staff* atau kakitangan yang mencukupi. Bahkan mereka juga perlu dilengkapi dengan *skill* atau kemahiran yang *smart* itu tadi dengan pembangunan, latihan, modal insan yang dilengkapi dengan keupayaan dan juga segala perkakas, peralatan untuk menjadikan perpustakaan di seluruh Negeri Selangor ini mencapai piawai yang dikehendaki.

Yang kedua tentang *Tourism* saya nak mendapatkan satu pencerahan daripada Kerajaan apabila Kerajaan telah Alhamdulillah saya mengucapkan terima kasih kerana telah memulakan apa ini cara yang lebih berkesan untuk mengutip kan sampah di Pulau Ketam. Jadi sepatutnya apakah perancangan yang agak lengkap yang menyeluruh dan holistik di mana Pulau Ketam sebagai satu aset untuk Kerajaan Negeri Selangor boleh mendatangkan pendapatan sebenarnya. Menjadikan satu *Tourism Sport* yang bagus yang sudah pun mempunyai satu tarikan dan dikenali di dalam *Cyber* dan sebagainya. Jadi saya nak tahu bagaimana perancangan yang lengkap daripada Kerajaan Negeri Selangor setelah kita dah lengkapkan pembersihan dan sebagainya untuk dibangunkan supaya ia nya layak menjadikan *Tourism Attraction Sport*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Tuan Speaker, Seri Andalas nak ambil bahagian di dalam perbahasan ini Kod 50500 dan Kod 42000. Saya nak sentuh sedikit tentang Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) ini tentang keluaran surat khabar selama ini. Sekarang kita nampak sudah ada juga Selangor Kini sahaja yang keluar dan juga versi bahasa Mandarin atau bahasa Cina. Saya minta untuk Kerajaan turut keluarkan bahasa versi India dan versi bahasa *English* sebab Selangor Indru ini saya nampak tidak keluar lagi dan saya harap Kerajaan akan terus keluarkan Selangor Indru. Terima kasih kepada Dato' Menteri Besar dan juga Pejabatnya bahawa untuk perayaan Deepavali ini kita keluarkan satu naskhah untuk Selangor Indru tetapi saya ini untuk teruskan tiap-tiap bulan untuk kita dapati sokongan dari masyarakat India. Dalam pendidikan Industri



Yayasan Negeri Selangor saya minta Yayasan Negeri Selangor ini untuk beritahu kepada semua ADUN-ADUN ya program-program yang berkenaan dengan ADUN pun ada juga, yang kita nampak ini kita selalu kena cari dan tengok macam mana nak dapatkan bantuan daripada Yayasan Selangor tentang pendidikan di dalam kawasan dan sebagainya dan kalau boleh Yayasan Selangor lebih baik hubungi ataupun ada hubungan dengan ADUN-ADUN tempatan dengan program-program yang mereka lakukan tahun demi tahun di atas pendidikannya dan akhirnya ialah saya setuju dengan beberapa rakan saya di sini tentang Rakan Mesra Sdn Bhd (RMSB) di mana kita kena teruskan dengan Jom *Shopping* untuk warga emas yang 60 tahun dan ke atas, yang saya tahu kita gunakan peruntukan daripada Semesta Sdn Bhd selepas penjualan pasir itu tadi saya terima kasih kepada Dato' Menteri Besar yang katakan keuntungannya sampai RM89 juta kalau tak silap saya. So, kita boleh teruskan dengan program sebab ini dinanti-nantikan oleh warga emas yang telah daftar dengan Pejabat-pejabat ADUN di seluruh Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah saya jemput Pihak Kerajaan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sudah 11 orang bahas.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Tak bahagian daripada Pembangkang tak ada seorang pun.

**TUAN SPEAKER** : Boleh bangun lebih awal nanti ya, kalau nak Sungai Air Tawar pembahas terakhir. Lain kali jangan tunggu sampai semua..

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Saya bangun sampai lebih 5 kali tapi Puan Speaker tak pandang ke mari.

**TUAN SPEAKER** : Pasanglah mikrofon, tarik perhatian Speaker. Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Sampai 5 kali.

**TUAN SPEAKER** : 5 minit.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi kebenaran kepada saya, yang pertama.

**TUAN SPEAKER** : Saya minta semua ADUN, kerjasama kita ada B29, kalau satu perkara telah dibangkitkan oleh seorang ADUN tak paya kita ulang-ulang setiap orang pergi bahas isu yang sama. Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Terima kasih Puan Speaker memberi kebenaran kepada saya, yang pertama sekali mengenai dengan apa kita telah sebut yang sama mengenai dengan Perpustakaan Awam Selangor khususnya di Sungai Air Tawar, sila ambil perhatian ya. Apa yang saya lihatlah saya lalu dekat situ tiap-tiap kali, pagi minum dekat situ nampaknya Perpustakaan itu telah usang. Bila saya masuk dalam Perpustakaan tersebut buku-bukunya pun usang. Oleh itu, bagaimana nak menarik pelajar-pelajar, pengunjung-pengunjung dan saya haraplah struktur bangunan itu juga perlu dicantikkanlah untuk menarik pengunjung-pengunjung.

Seterusnya, Tourism, kita sedia maklum ia mengenai Pekan BNO itu, Pantai BNO saban minggu 500 hingga 1000 pengunjung hadir untuk menikmati mi udang *Special* kalau Tuan Speaker nak rasa boleh saya ajak sekali. Dia tiada lawannya Sekinchan pun tak boleh lawan ya. Sampai situ kita boleh juga menikmati pantai yang indah dan juga kelong. Satu-satunya kelong di Negeri Selangor dan seterusnya akhbar Selangor ya, cara pengedarannya saya rasa tak sesuai. Ia diadakan di Masjid dan ia ada juga berunsur politik, contohnya saya dapat keratan ini pada 25 Mei, tak perlulah saya sebut apa ini, Selamatkan Malaysia, kemudian pada 21 Ogos, Hentikan Ancaman, kemudian pada 7 Ogos, Krisis Negara Semakin Parah, sebenarnya perkara ini tak berlaku dan selain itu ia melanggar Enakmen Seksyen 96 Perkara 1 Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang boleh saya sebutkan Masjid tidak boleh digunakan sebagai gelanggang politik dan boleh menyakiti dan memecahkan perpaduan ummah dan apa yang saya lihat Selangor Kini yang terbaru ini saya memang dia tak ada politik dia menerangkan perbelanjaan. Saya nyatakan yang bagus yang tak bagus harus dihindari. Sekian Tuan Speaker. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah Pihak Kerajaan sila berikan penjelasan. Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM :** Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Speaker saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Teratai yang telah pun membangkitkan perbelanjaan untuk Invest Selangor dan saya kira ini adalah jarang sekali Y.B. menyentuh Invest Selangor. Saya mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan Y.B. Teratai yang memohon supaya peruntukan untuk Invest Selangor itu bertambah tetapi suka untuk dengan tujuan untuk membolehkan Invest Selangor menjalankan usahanya untuk menarik lebih banyak pelaburan. Tetapi sukacita saya nak maklumkan pada Y.B. Teratai tanya RM5 juta adalah untuk perbelanjaan pentadbiran kewangan yang pada masa ini masih mencukupi. Apa yang lebih penting adalah peruntukan untuk pembangunan yang telah pun disenaraikan sebelum ini Invest Selangor atau sebelum ini dikenali sebagai SSIC diberikan peruntukan pembangunan RM1.6 juta setahun. Tetapi untuk tahun ini setelah nama kita ditukarkan kepada Invest Selangor peruntukan sebanyak tambahan. Peruntukan sebanyak tambahan RM10 juta telah pun diberikan bererti untuk tahun 2015 ini untuk pembangunan kita Invest Selangor telah diberikan RM11.6 juta dan untuk tahun

hadapan 2016 peruntukan pembangunan untuk Invest Selangor atau untuk perindustrian pelaburan ini adalah sebanyak RM12 juta bererti ada penambahan dari segi peruntukan pembangunan yang membolehkan Invest Selangor menjalankan tugas dengan lebih baik lagi. Jadi usah risau sebab peruntukan mencukupi untuk Invest Selangor menjalani tugasnya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker dan kepada semua yang membangkitkan soalan-soalan sebentar tadi. Untuk makluman ya, tadi ada daripada Seri Andalas dan Sekinchan PIYS ini sebenarnya mengenai UNISEL dan INPENS ya bukannya Yayasan Selangor. Tetapi secara umum saya akan sentuh sedikit iaitu bagaimana Yayasan Selangor nak menangani defisit antara pendapatan dan pemberian biasiswa. Jadi buat masa ini penyewaan di bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang yang dihentikan selama ini telah pun disambung semula dalam proses penyambungan semula dan ada juga pembangunan jangka masa sederhana di beberapa tapak Yayasan Selangor yang akan memberikan aliran wang kepada Yayasan Selangor. Seterusnya tentang PPAS ramai membangkitkan tentang penurunan peruntukan yang disebut tadi. Pertama sekali, tahun ini dalam belanjawan kita ada Yayasan Tun Uda untuk kemudahan-kemudahan buku dan sebagainya di Perpustakaan Raja Tun Uda sebanyak RM1 juta. Ini masuk di bawah bahagian yang lain ya tadi bermakna walaupun kita kurang di sini tetapi bagi Perpustakaan utama ada peruntukan khas tersebut. Jadi yang baki ini boleh digunakan untuk menampung kelengkapan dan buku-buku dan pengurusan perpustakaan-perpustakaan yang lain. Kita juga harus maklum bahawa sebagaimana dibangkitkan oleh Bukit Gasing sebenarnya pembangunan untuk perpustakaan meningkat, jadi kita akan membina beberapa perpustakaan yang baru dan membaiki juga beberapa bangunan perpustakaan yang sedia ada. Jadi kita harus melihatnya secara menyeluruh dan selain daripada itu juga saya akan melihat semula tentang isu pengurusan perpustakaan yang berada di bawah JKPP yang dibangkitkan oleh Paya Jaras sebentar tadi.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Speaker, boleh saya mencelah Kerajaan. Setahu saya, Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda yang RM1 juta itu adalah khusus untuk koleksi ataupun buku audio visual dan sebagainya dan tidak boleh digunakan untuk pengurusan. Jadi mungkin dia tidak apa sangat di situ.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Tidak sebab saya menyentuh tentang tadi dibangkitkan tentang kualiti buku dan sebagainya. Jadi yang saya menyebut bahawa sekarang untuk Perpustakaan Raja Tun Uda yang ada di Shah Alam kita sudah ada Yayasan Raja Tun Uda dengan peruntukan RM1 juta untuk kemudahan tersebut dan ini juga boleh digunakan untuk mendapat sumbangan daripada pihak korporat dan swasta. Tentang isu pekerja seorang sahaja di Taman Medan, Perpustakaan Komuniti Taman Medan dan itu kita akan ambil maklum dan melihat

bagaimana dapat memperbaikinya dan saya juga mengucapkan penghargaan kepada ADUN Rawang kerana telah memberikan sokongan kepada aktiviti perpustakaan di sana dan kita juga akan mengkaji bagaimana sebab sememangnya ada cadangan daripada Dato' Menteri Besar sendiri untuk melanjutkan sehingga ke waktu malam tetapi ada implikasi kos yang agak besar dan kita cuba sebab perpustakaan ini ada 91 kesemuanya di Negeri Selangor bukan hanya perpustakaan-perpustakaan utama tetapi daripada perpustakaan paling besar sehinggalah ke perpustakaan desa, komuniti dan sebagainya dan saya menerima baik tentang cadangan daripada Selat Klang untuk meningkatkan latihan dan kemahiran pekerja yang ini kita sedia maklum dan kita sudah pun misalnya menghantar, memberikan pendedahan kepada beberapa pekerja kita termasuk pergi keluar negara untuk membuat pembentangan ya kerana perpustakaan Selangor terpilih untuk memberikan pembentangan tentang *re-branding* yang berjaya dan ini juga kita sedia maklum tentang beberapa keadaan perpustakaan yang masih lagi daif, jadi kita menggunakan proses *re-branding* ini secara berperingkat peringkat di seluruh Negeri Selangor. Jadi saya rasa itu sahaja yang dan Seri Andalas menyentuh agar Yayasan Selangor dapat berhubung dengan lebih baik untuk program-program mereka dengan wakil rakyat dan kita mengambil maklum atas saranan tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Tuan Speaker. Hanya 2 bahagian untuk jawapan ini. Satu adalah berkenaan dengan pelancongan, di mana Y.B. Sungai Air Tawar dan juga Sabak. Dua-dua pun tak ada. Namun begitu, saya ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa Tourism Selangor memang ada mempromosikan khasnya Daerah Sabak Bernam melalui satu *leaflet*, Dua melalui *website* dan juga lawatan-lawatan yang dianjurkan bersama dengan kumpulan-kumpulan Syarikat *Travel Agency* dan juga mahasiswa dan sebagainya. Jadi untuk tahun depan 2015 Tourism Selangor juga akan mengemaskinikan tapak-tapak atau pun produk-produk pelancongannya di Negeri Selangor. Untuk *homestay* sebenarnya Tourism Selangor ada keluaran satu risalah khas tentang *Homestay* di Negeri Selangor dwibahasa iaitu dalam bahasa Cina dan juga bahasa Inggeris dan risalah ini memang dibawa ke mana-mana bila kita keluar negara khasnya untuk membuat promosi. Soalan ataupun cadangan daripada Y.B. Selat Klang saya rasa tidak sesuai untuk dikemukakan semasa bekalan dan mungkin Y.B. boleh masukkan semasa kita bincang tentang bajet ataupun belanjawan di bahagian pembangunan. Soalan daripada KKB, Kuala Kubu Baharu adalah mengenai caj akuakultur. Jadi Lembaga Urus Air Selangor telah mengenakan caj 5 sen setiap meter *cube*. Namun begitu, kita mengambil maklum rintihan dan juga beberapa cadangan daripada pengusaha-pengusaha air tawar akuakultur dan satu mesyuarat sebenarnya telah ditetapkan di mana satu taklimat dan juga perbincangan akan diadakan pada 9 November pada tahun ini.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN**: Saya nak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat EXCO. Setiap tahun *tourism* ini ada peruntukan bajet untuk *tourism* dan perbelanjaan. Soalan saya, kita belanja-belanja ni *tourism* ada *income* ke? Dapat *income* ke tidak?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : *Tourism* Selangor ialah *not for profit organisation*.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Kuala Kubu Baru.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Saya harap Yang Berhormat EXCO akan mengadakan taklimat kepada pengusaha itu juga melibatkan EXCO Pertanian kerana ini adalah berkenaan dengan akuakultur air tawar dan pertanian. EXCO Pertanian akan lebih faham mengenai apa yang berlaku sebenarnya. Tadi, saya sudah bagi angka setahun kena bertambah RM240,000.00 untuk 8 hektar iaitu 20 ekar di mana adalah sebagai pengusaha kecil. Jadi ini adalah satu kos yang membebankan, mereka akan tutup kolam, ia akan tutup kolam, ia tak ada *business*, ia tak akan berniaga.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Lembaga Urus Air Selangor akan panggil sesiapa yang ada kaitan dan juga kepentingan. Jadi saya rasa EXCO Pertanian tidak terlepas daripada tanggungjawab tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Nak minta penjelasan dari, oh, *Sorry*.

**TUAN SPEAKER** : Yang tak bangun bahas tak boleh minta penjelasan ye. Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya ingin memberikan *respond* kepada beberapa perkara yang dibangkitkan. Yang pertama Y.B. Sekinchan ada memberikan pandangan dengan yang saya fikir kerajaan khususnya CCSB harus memberikan perhatian supaya semua program dan projek yang berjalan di peringkat Dewan Negeri itu dapat dimuatkan dalam akhbar Selangor Kini ataupun versi-versi yang lain supaya rakyat dapat memantau dan menilai kerja-kerja yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui Ahli-ahli Dewan Negeri. Itu satu cadangan yang baik kerana sebentar tadi Y.B. Sabak juga telah memulakan aduan beliau kerana banyak program yang dijalankan tetapi tak ada dapat ruang dalam Selangor Kini. Tetapi dasar kita, kita memberi semua peluang untuk

dimuatkan termasuk Ahli-ahli Dewan Negeri daripada Pembangkang. Kita tidak menafikan hak mereka, berbeza dengan apa yang diamalkan oleh mereka di sebelah sana. Cuma kita harus tingkatkan keberkesanan usaha ini dan Y.B. Sekinchan ada cadangan supaya dilantik Pegawai-pegawai Penerangan di setiap Dewan Negeri. Saya akan meminta CCSB untuk melihat kewajarannya berdasarkan kemampuan kewangan untuk melantik Pegawai-pegawai Penerangan di setiap Dewan Negeri. Namun falsafah dan matlamat yang dicadangkan tadi saya kira satu yang cukup baik yang akan memberikan kesan yang positif kepada Kerajaan Negeri kerana kita tidak mahu dasar dan program yang baik itu hanya berlegar di Shah Alam sahaja dan tidak dapat diketahui oleh rakyat di kawasan desa dan luar bandar khususnya.

Tentang cadangan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan Negeri supaya Selangor Kini versi bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan juga bahasa Mandrin ini diteruskan. Saya ingin memaklumkan dan memberikan sedikit fakta, Selangor Kini versi Bahasa Malaysia sekarang ini edarannya 169,000 setiap minggu. Manakala bahasa Inggeris ye, *Insyah-Allah* kita akan lancarkan semula bermula 15 November 2015 dengan sasaran 100,000 edaran setiap dua minggu. Kemudian bahasa Tamil yang disebut sebagai Selangor Kini yang versi Indru ini akan bermula esok berjumlah 60,000 edaran dan ianya tidak tamat hanya untuk Deepavali tetapi akan diteruskan sebanyak 60,000 setiap 2 bulan sekali. Manakala untuk bahasa mandrin kita sasarkan 75,000 naskhah 2 kali sebulan bermula 21 November ini. Ini sasaran yang telah ditetapkan oleh CCSB berdasarkan kemampuan kewangan mereka.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** *Speak*

**TUAN SPEAKER :** Ya, Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih Dato' Menteri Besar tetapi saya minta sedikit apa tu, promosi sikit. Selangor Indru saya minta bukan 2 bulan satu sekali, saya minta kalau boleh satu bulan sekali pun lebih tepatlah yang kita kena adakan berita-berita terkini yang kita kena sampaikan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Y.B. Seri Andalas. Hasrat saya kalau boleh hari-hari ye, tetapi, (Dewan ketawa) tetapi saya sebut tadi ianya juga berdasarkan kemampuan kewangan CCSB. Ini satu permulaan yang baik. Walaupun demikian, cadangan Seri Andalas itu kalau selaraskan dengan versi-versi yang lain, yang saya sebutkan tadi boleh kita tingkatkan kepada sebulan sekali, melihat kepada kemampuan dan kapasiti yang adalah.

Saya juga ingin mengumumkan bahawa portal selangorku.com sekarang ini telah mencatatkan *readership* sebanyak 158,296 orang. Saya juga telah mendengar rintihan daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tentang program *Jom Shopping* dan *I-Workfare*. Yang ini saya telah meminta pihak Perbendaharaan Negeri untuk

menyemak semula dari masa ke semasa untuk melihat keperluan program ini diteruskan.

Ada pandangan yang menyebut sebentar tadi, mengapa RMSB dan juga YAWAS peruntukannya berkurangan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa peruntukan bagi YAWAS dan RMSB ini berkurangan jika dibandingkan tahun 2015 kerana ianya adalah belanja operasi termasuk gaji, sewaan dan utiliti dan peruntukan ini boleh menjadi kurang jika dibandingkan tahun lepas jika utiliti itu dijimatkan dan juga kakitangan dapat dikurangkan. Bagi RMSB itu adalah jumlah yang telah dipohon oleh RMSB sendiri manakala YAWAS ianya dikurangkan kerana berdasarkan prestasi belanja tahun 2015. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih. Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Saya rasa perkara yang saya bangkitkan tentang Yayasan Warisan Anak-anak Selangor, pihak kerajaan tidak menjawab tentang pelaksanaan ataupun bagaimana kekerapan dan mesyuarat yang dilakukan oleh lembaga pengurusan Yayasan Warisan Anak Selangor tentang apakah yang pernah, apakah ianya telah dijalankan ataupun tidak dilakukan mesyuarat tersebut. Sebab saya dapati bahawa mesyuarat tahun ini tidak langsung dipanggil Ahli Lembaga untuk bermesyuarat. Jadi mohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Ya, saya akan beri secara bertulis tarikh-tarikh mesyuarat yang telah diadakan.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B2

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Taman Templer nak jawab.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Speaker. Sedikit sahaja respons yang dibangkitkan oleh Kuala Kubu Baru tadi, dari segi pembetulan fakta yang dinyatakan berkaitan dengan *charge* air ini tidak dikenakan di negeri-negeri yang lain hanya di Selangor. Sebenarnya ia juga dikenakan di negeri-negeri lain dan Selangor jauh lebih rendah sepertimana negeri Melaka ke atas sektor akuakultur sebanyak 10 sen per meter padu dan sementara di Negeri Sembilan sebanyak 8 sen per meter padu. Selangor 5 sen per meter padu. Dan kalau kita melihat pada perkiraan tadi kita juga bersimpati dengan apa yang dinyatakan oleh Kuala Kubu Baru berkenaan dengan apa yang akan dihadapi oleh penternak-penternak akuakultur dan sebagainya. Dan kalau melihat fakta yang dikeluarkan, dinyatakan oleh Kuala Kubu Baru berkenaan dengan 8 hektar kolam ikan itu yang menukar air setiap minggu. Jadinya inilah perkara-perkara yang perlu dilihat bila mana tidak ada kawalan dan sebagainya dan mungkin selepas daripada ini sepertimana yang dinyatakan oleh

Yang Berhormat EXCO Pelancongan tadi dan perbincangan ini maka kita akan boleh bincang dan menasihati apakah jumlah air yang perlu diguna pakai secara optimum dan pengawalan ini sangat penting termasuk juga bukan sahaja absteksi air tetapi juga *influence* air daripada kolam-kolam ini yang menyebabkan juga pencemaran berlaku dan sebagainya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B2 iaitu Wang Sejumlah Ringgit Malaysia Lapan Puluh Juta Dua Ratus Ribu dan Sembilan Ratus Sembilan untuk Kepala B2 Pelbagai Perkhidmatan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang BERSETUJU sila kata YA. (Dewan kata YA). Ahli-ahli Yang Berhormat yang Tidak Bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B3 Dewan Negeri Selangor. Ringgit Malaysia Dua Puluh Enam Juta Lapan Puluh Lapan Ribu dan Tiga Ratus Tujuh Puluh Tiga.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh tentang B3 Dewan Negeri Selangor berkaitan dengan 50500 Pentadbiran dan Kewangan, Gaji dan Upahan daripada 11000. Apa yang kita sedia maklum bahawa Dewan Negeri Selangor merupakan Dewan yang merupakan peneraju seluruh Dewan di seluruh Malaysia, seluruh negara berdasarkan kepada reformasi pembaharuan yang dilakukan oleh mantan Speaker Yang Berhormat Sungai Pinang dan juga Speaker sekarang Yang Berhormat Subang yang begitu proaktif untuk melakukan perubahan khususnya, beberapa banyak jawatankuasa begitu proaktif untuk melakukan mesyuarat dan sebagainya. Ini, antara penambahbaik sesuatu yang boleh kita banggakan dan juga *life*, dedikasinya dan sebagainya juga apabila kita berhujah di dalam Dewan yang mulia ini masa yang diberikan cukup, cukup luas untuk kita berhujah. Dan ingin saya nyatakan di sini, dulu sewaktu saya menjadi pembangkang tak ada ruang yang begitu luas. Inilah penambahan baik prinsip demokrasi yang kita junjung di dalam Dewan Negeri Selangor.

Ingin juga saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Dewan ini sebagai Wakil Rakyat, sebagai ADUN adalah tempat kita untuk berbahas, berbahas. Ambik peranan untuk berbahas dan tanya soalan dan sebagainya, bukan untuk kita buat PC di luar, tetapi dalam Dewan tak cakap. Cakap sikit, isu yang tak ada disentuh dia cakap di luar, tak berani nak soal dalam Dewan dalam perbahasan. Siap dia? Ha... saya tunjukkan contoh Sungai Panjang. Tiap-tiap hari buat PC, jaguh kampung di luar, tetapi dalam Dewan, bahas jarang. Pagi tadi pun soalan pun Dengkil yang ambil, nak tanya soalan pun tak sanggup datang, ha... ini yang saya nak nyatakan inilah sikapnya. Kita sebagai ADUN kena ada tanggungjawab, datang Dewan bahas, bukan buat PC di luar dan tanya soalan, buat fitnah. Mengatakan DEIG pinjam dan sebagainya. Mana ada pinjam. Berani berhadapan dengan Menteri Besar di dalam Dewan, ada ruangnya. Ini yang saya nampak ini. Sepatutnya sikap begini patut



ditegur oleh Speaker. Ini, soal-soal memartabatkan Dewan, ADUN kena mainkan peranan. Ha... Dengkil nak jadi jaguh.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tak, tak. Nanti saya pesan kat dia. Dia jawab soalan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ha...okey. ha.... pesan dengan dia. Bagi tahu soalan kena datang, jangan tak datang. Yang kedua, isunya timbul dalam Dewan bukan hari-hari buat PC. Jaguh PC bukan jaguh perbahasan dalam Dewan. Ha... ini yang saya nak tegaskan. Hari-hari DEIG, kononnya ada skandal, mana, tunjukkan bukti, tak ada. Ini satu fitnah. Ini daripada Sungai Panjang. Saya minta jawatankuasa Dewan kena siasat Sungai Panjang ini. Kita nak rujuk kepada jawatankuasa hak dan kebebasan dalam Dewan, sebab dia nyatakan benda yang tak ada fakta. Ha... auta, bukan fakta. Jadi, Speaker kena rujuk, saya minta, kita kena ambil usul. Satu ye.

Yang kedua, berkenaan soal Dewan ini. Kita perlu ada penambah baik ye. Di mana soal-soal kebajikan. Kebajikan ADUN ini, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kenalah ambil perhatian. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi bagi pihak BBC dan pembangkang jugalah kerana dalam bajet 2016 kita ada dapat *medical card* RM40,000. Kita dah tunggu lama dah, sebab kita kesihatan kena jaga. Kalau kita kesihatan tak baik nak bahas pun tak boleh ya. Ha... ini dia. Saya ucapkan terima kasihlah dan seterusnya, nampaknya sekarang oleh sebab kos sara hidup dah tinggi, GST pun kena, maknanya pinjaman perumahan ADUN tu, yang kerajaan bagi tu, dulu silingnya kalau tak silap saya 350,000 pinjaman. Saya rasa kat Selangor ni RM350,000 lebih baik sikit daripada rumah Selangorku, lebih baik sikit silingnya RM250 tetapi itu rumah yang dikatakan Mampu Milik oleh Kerajaan Persekutuan, mampu lihat RM350,000 pinjaman itu. Jadi, sebagai ADUN, kita duduk di Shah Alam ataupun duduk di kawasan dan sebagainya kita minta siling pinjaman itu dinaikkan RM800,000 atau satu juta. Pinjaman daripada kerajaan. Itu pun satu rumah sahaja bukannya 10 rumah, satu. Ha... yang ada dua rumah tua lain ceritalah ye, ha...satu rumah sahaja. Yang keduanya, yang keduanya, tak ada, tak ada, rumah, rumah

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Dah-dah, tanya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tanya sikit

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Terima kasih Tuan Speaker. Tadi bila tegur fasal bab fitnah nampak macam garang, marah. Tetapi bila nak minta duit, dia boleh *slow* sikit turun. Apakah *slow* itu adalah dasar minta kerajaan negeri kesian pada kita atau kerana hak kita.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**: Terima kasih kepada YB Sabak. Memang. Sebab pembangkang itu (dia) tidak jalankan tanggungjawab (dia buat fitnah), kita kena serang (kena tegur). Tak boleh (kita tak boleh) sikap macam itu. Kita ada

tanggungjawab (semua) tak kira pembangkang ataupun kerajaan. Itu penting. Dengkil sampaikan ya? Ha, Dengkil akan sampaikan.

Ok. Soal ini (kebajikan Adun ini) untuk semua. BBC untuk semua. Kita jaga semua. Jadi macam itu tak boleh lah sampai nak serang. Nanti MB pun tak nak dengar, habislah semua. Kalau MB dengar baru ada kebarangkalian untuk disemak ya. Soal pinjaman perumahan itu kalau boleh RM1juta lah. Dan yang kedua, kita kena ikut Johor. Johor pinjaman perumahan tak ada 4% *interest*. Tak payah *interest*. Adun pinjam satu rumah saja. Bukan 10 rumah. Tak payah *interest*. Di Johor boleh lakukan, Selangor (saya yakin) mesti boleh lakukan. Soal pinjaman perumahan. SMART Selangor! Menuju ke arah *Smart* Selangor! Membangun *Smart* Selangor yang peduli! Tengok, Sekinchan dah hafal. Maknanya kita dah berjaya *smart* kan Selangor lah. *Smart* kan Sekinchan ya? Ok.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Yang kedua. Eh, masa lebih sikit sebab ini mewakili BBC. Lebih sedikit saja. Mewakili BBC ya. Yang kedua, soal (apa nama) kehadiran elaun mesyuarat Ahli Dewan. Sejak lama pun tidak disemak. Elaun RM75 hadir Dewan sampai petang pukul 7 dan sebagainya. Ini bukan kira soal apa. Lama tak disemak. Saya rasa perlu disemak seperti di parlimen. RM300 elaun ke ataupun RM300 sekali hadir (elaun mesyuarat). Tapi kena hadirilah. Jangan macam Sungai Panjang. Tak payah bagi.

**YB TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tak hadir.

**YB TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Tuan Speaker, mencelah. Sekinchan saya ingin tanyalah kehadiran Ahli Dewan dan kehadiran Ahli Majlis, mana tinggi la? Saya nak tanya la.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Sungai Air Tawar. Bab ini Sungai Air Tawar pun (dia) prihatin. Ya. Kita memang ada Ahli Majlis yang macam PJ, MBPJ dan Subang, mereka lebih tinggi daripada Adun apabila hadir mesyuarat macam Sidang DUN. Kita RM75, mereka hadir RM150. Jadi, ini ada sesuatu yang tidak kenalah. Tak apa. Saya yakin pihak kerajaan tentu nampak perkara ini.

**YB DATO' TENG CHANG KHIM** : Saya nak tanya sebab kita akan membuat keputusan kalau Yang Amat Berhormat nak bawa ke sini. Tapi saya nampak ada khususnya Ahli Dewan dari pembangkang, dia datang dan dia tanya satu soalan atau bagi soalan. Satu saja, balik. Kita duduk dari pukul 10 sampai pukul 6, pukul 7. Dia datang, bangun "Tuan Speaker, soalan nombor 3", lepas dapat jawapan dia

balik. Jadi, dia datang 10 minit, kita duduk 10 hingga 7. Adakah adil kalau kita naikkan elaun harian dan semua dapat yang sama?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Pengerusi, terima kasih Sungai Pinang yang bangkitkan tentang soal *justice* keadilan ini. Saya yakin kalau macam tanya satu soalan, balik. Dah macam Pelabuhan Klang, datang cagak 10 minit kemudian balik, terus tak datang, saya rasa elaun itu tak perlu dinaikkanlah. Tapi yang kerja kuat ini kena naiklah. Tapi mungkin kena ada mekanisme (datang setengah hari, ini dia. Sampai petang, ini dia). Kena mungkin ada lah. Kalau tidak, dia gunakan kesempatan tak mahu datang. Tapi sains saja, dia balik. Macam Pelabuhan Klang dan macam Sungai Panjang dan sebagainya lah dan sewaktu dengannya.

Seterusnya, soal elaun mesyuarat untuk pergi ke jabatan dan sebagainya. Itu juga perlu disemak (jemputan oleh jabatan itu perlu disemak juga) dari masa ke semasa mengikut kesesuaian. Dan juga elaun perumahan yang kerajaan beri sekarang. Semua Adun dapat (RM700) untuk sewa rumah. Ada yang nak tak ada rumah (ada Adun yang tak ada rumah) saya tahu. Dia sewa rumah. Kalau sewa rumah di Petaling Jaya RM700, saya rasa di Setia Alam, di Seksyen 7 PKNS rumah pangsa PKNS (rumah murah) RM700 untuk rumah kos rendah. RM700. Kalau macam tu, Adun dikategori di bawah paras kemiskinan. Ini cukup tidak eloklah. Saya harap ini patut dinaikkan RM1,500 ke atas. Kalau tidak, nak sewa rumah itu satu masalah. Bukan semua orang mampu beli rumah sekarang. Ada yang mampu lihat sahaja.

Dan seterusnya, elaun pemandu. Pemandu yang kita (Adun) terima sekarang RM1,500 untuk nak upah seorang pemandu kalau ikhlas kerajaan bagi, kena ikhlas betullah. Sebab kalau RM1,500 nak ambil pemandu ni *over time* pun kita tak boleh nak bayar. Adun nak bayar ni tak boleh. Kurang-kurangnya (silingnya) RM2,500 baru boleh ambil pemandu ya. Kadang-kadang kita nak SMS, nak 'whatsapp' untuk interaksi macam Chempaka, Kota Damansara. Tak boleh jawab. Kita tak jawab, dimarahi pula. Betul tak? Itu hal berkaitan kerajaan lah. Bukan peribadi. Ini yang saya sentuh. Yang seterusnya, sedikit lagi. Elaun kerajaan juga perlu disemak.

Dan seterusnya saya juga ingin nak bangkit tentang kualiti makanan di Dewan ini. Dia cukup baik. Setiap dewan dia ada sediakan makanan. Parlimen dulu tak ada. Sekarang pun dia ikut kita. Tapi dia tak berani umumkan dia ikut kita lah. Dia malu. Tapi Selangor ini antaramalah merakyatkan ekonomi. Dulu Dewan (Sidang Dewan) semua Ahli Majlis ramai yang datang bawa rakyat datang untuk menonton Sidang Dewan di negeri Selangor. Cukup ramai yang datang. Sekarang kita banyak sekat. Tak bagi mereka datang sebab kemungkinan juga ada Perkasa dan puak-puak daripada UMNO yang buat demonstrasi menyebabkan keselamatan kita terganggu. Ini antaranya. Tetapi dalam konteks ini, kalau Dewan setahun 3 kali, dalam 25 hari kita bagi makan kepada rakyat, kepada Adun dan sebagainya, kita kena ambil perhatian jugalah. Bajet itu jangan *cut* lah. Saya tahu Dewan ada kekangan kewangan. Menteri Besar kena bagi rujuk perkara ini. Kalau Dewan ada kekangan ini, saya nak

cadangkan (nak syorkan) Dewan tak payah tanggung makan ini. Tanggung ini macam mana? Kita minta anak syarikat GLC banyak. Kita minta bulan 3 (kalau pembukaan), kita minta Semesta taja semua untuk CSR. Sekali Dewan 5 hari ke berapa semesta, merakyatkan ekonomi, hasil negeri untuk rakyat. Bulan 7 (kalau 3 hari) kita minta PNSB. Bulan bajet (2 minggu) kita minta PKNS ataupun KDEB taja. Selesai, Dewan pun simpan duit itu untuk lain. Banyak lagi kebajikan boleh buat. Menembak ke, boling ke dan sebagainya boleh dibuat juga. Sekarang menembak, boling pun tak ada. Adun kata kita tak ada sport. Stamina kita agak berkurang sikit sekarang ya? Kurang proaktif. Ini penting ya.

Dan seterusnya, liputan Internet di Dewan dan di ruang dewan di portal, Internet itu perlu ditambah kuat sikit supaya kita betul-betul ada *wifi* Selangorku. Kalau Dewan sini, Internetnya pun serba salah, *connect* terganggu, *whatsapp* pun susah, itu pun tak memadan dengan standard Dewan Negeri Selangor yang begitu tinggi. Ini memperkasakan.

Dan yang terakhir (*point* yang terakhir), saya nampak EXCO kerja kuat. EXCO kita kadang-kadang pukul (dia sama dengan Menteri Besar). Sebab Menteri Besar kita kerja kuat. Pukul 7 lebih dah sampai. EXCO ada yang ikut, ada yang tak ikutlah. Ini saya kena cakap. Ada yang ikut. Pukul 8 saya datang (saya selalu datang buat semakan) sebelum saya pergi ke Sekinchan, saya pusing dulu. Ada yang sampai. Pegawai Kewangan Negeri selalu sampai cepat. Saya nampaklah. Saya nampak dia sampai cepat. Jadi, semua datang cepat. Ok. Dia (pemandu) itu penting. Pilot untuk EXCO untuk Menteri Besar itu penting tau pilot. Kalau pilot kerja tak kuat, lemah, tak ada semangat, itu tak cukup. Tak boleh. Jadi, kebajikan pilot itu (pemandu EXCO) itu perlu dijaga. Saya dapat maklumat kakitangan pemandu Exco 13 tahun tidak disemak. Pola kenaikan setiap tahun RM44.10. Kakitangan kerajaan naik paling kurang minimum RM90 tapi pilot EXCO RM44.10. Tak patutlah. Jadi kerajaan dalam konteks ini, pilot Menteri Besar, pilot EXCO kena disemak secara menyeluruh seluruhnya demi rakyat. Membangun *Smart* Selangor yang peduli.

Saya harap beberapa permintaan ini dapat diperhalusi kerana guru-guru KAFA pun naik 3 kali. Guru-guru KAFA pun 3 kali, takkan pilot EXCO tak naik? Ini sajalah antara beberapa perkara tentang Dewan. Saya yakin Dewan Negeri Selangor tak ada tolok bandingnya, parlimen pun kena belajar dengan kita. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : 5 minit ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Pengerusi. Saya ingin menyentuh muka surat 52, 53 - 50500 menyentuh elaun lebih masa, faedah-faedah

kewangan yang lain, penyelenggaraan, emolumen dan pemberian ke luar negeri. Pertama sekali saya ingin menyatakan rasa terima kasih saya kepada urus setia Dewan yang bagi saya merupakan sekumpulan kakitangan yang sangat komited dan sangat berjaga-jaga tentang kerjaya mereka dengan baik. Dengan perubahan di mana Setiausaha Dewan diasingkan dengan EXCO merupakan satu yang sangat baik. Dan saya menyokong agar mereka diberikan elaun tambahan sama ada elaun menghadiri mesyuarat, membantu urus setia dalam jawatankuasa-jawatankuasa pilihan. Tapi saya difahamkan bahawa cadangan tersebut telah ditolak. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa mereka merupakan tunjang kejayaan dan kecemerlangan Adun-adun dan Speaker dalam mengendalikan program. Jadi dengan itu, saya ingin merayu pihak kerajaan untuk memikirkan apakah kaedah-kaedah kebajikan, penambahan elaun yang boleh diberikan kepada mereka.

Dan keduanya adalah tentang penyelidik. Penyelidik di bawah Speaker (peruntukan khas). Saya kurang pasti adakah akan diberikan pada tahun akan datang. Tetapi saya agak sedih melihat keadaan pejabat mereka yang begitu *cramp*. Kalau ada kemudahan yang boleh menjadikan mereka bekerja dengan lebih selesa, dengan kemudahan meja pejabat yang lebih besar dan pergerakan akan bertambah baik. Dan tentang pembangunan, itu akan disentuh kemudian.

Tapi saya ingin menyeru bahawa rancangan untuk membesarkan bangunan dewan sebagai bilik-bilik untuk Adun bekerja, perlu disegerakan. Dan saya ingin menyentuh juga tentang latihan. Di mana Adun bekerja pelbagai *range* pada kebajikan rakyat, orang meninggal, juga kepada membawa usul-usul dan membincangkan rang undang-undang yang dasar dan sebagainya untuk kemajuan negeri Selangor. Tapi dari segi latihan, pada tahun lepas, ada baki di mana satu jawatankuasa pilihan diberikan RM6,000. Kita telah laksanakan menggabungkan wang tersebut untuk diadakan kursus. Dan saya ingin agar ada satu peruntukan diberikan untuk latihan-latihan dan *training* pada ADUN-ADUN. Semoga kefahaman kita tentang pentadbiran kerajaan, isu tanah, isu GLC, isu akaun, kewangan dan sebagainya dapat dipertingkatkan secara konsisten. Dan ini juga melibatkan lawatan luar negara di mana saya kurang nampak ada ketetapan yang jelas daripada peruntukan pengurusan bagi lawatan-lawatan Adun untuk meningkatkan bidang kerja dan tugas mereka sebagai *registrator* dan juga sebagai Ahli-ahli dan dan pengurus jawatankuasa pilihan Dewan.

Dan satu perkara kecil yang ingin saya timbulkan adalah tentang penyelenggaraan. Pada umumnya penyelenggaraan di Dewan ini masih belum memuaskannya dari tepi ke belakang itu, keadaan kawasan tangga, kawasan ceruk itu dijadikan stor. Perabot-perabot yang telah rosak masa ada di situ. Jadi, bersihkan. Dan satu perkara yang mendukacitakan saya. Saya telah memberi input dalam borang-borang soal selidik iaitu tentang tandas. Sentiasa basah. Sebabnya dua. Satu, airnya laju sangat. Itu

hari mereka prihatin (dia cek, kemudian picit bidet itu). Dia remeh saja. Tapi imejnya besar.

**TUAN SPEAKER** : Tandas lelaki ke tandas perempuan?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tandas perempuan saya tak pernah masuk. Tandas laki-laki. Jadi bila ditekan bidet itu, dia tak sedar yang air maksimum memancut. Pernah kaki saya pun basah. Jadi, ini serius. Jadi kalau kita pergi kat hotel, *every time* akan berada (lantai itu) kering. Jadi standard kita juga begitu. Standard kita yang peduli pada Adun kadang-kadang Adun itu basah kotnya kerana terpancut air yang laju. Itu cerita lain. Jadi saya harap standard kita standard hotel di mana jawatankuasa petugas-petugas barisan yang kita jadikan *by contract* membersihkan, mengeringkan agar keadaan itu bertambah baik. Jadi, itu perkara yang saya ingin timbulkan. Terima kasih Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Pembahas terakhir Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya nak menyentuh sedikit tentang nak minta penjelasan daripada kerajaan untuk perbelanjaan Vot B03150500024000 (sewaan). Saya nampak ada peningkatan yang mendadak dari RM185,000 kepada RM1juta. Minta penjelasan.

Dan yang kedua adalah tentang nombor penyelidik di Dewan. Saya ingat kita ada beberapa penyelidik sahaja dan mereka kena pergi semua dan mereka satu orang kena *in charge* beberapa jawatankuasa pilihan. Saya nampak beban kerja sangat kuat. Kalau beban untuk jawatankuasa sangat kuat, lain kali kalau kita ADUN-ADUN nak mencari mereka untuk membuat penyelidikan untuk dasar yang lain bukan yang berkaitan dengan jawatankuasa, mereka akan beban kerja memang terlalu banyak. Saya tengok nombor penyelidik kena tambah. Sebagai contoh saya pergi melawat di Washington (Dewan Negeri Washington), mereka ada satu *office* berkenaan sebagai *office of programmed research*.

Yang ini adalah bukan *passion* dan ada banyak *researcher* penyelidik yang membuat penyelidikan untuk dasar-dasar berbeza sebagai contoh perumahan, pengangkutan, awam, dana dan sebagainya. Saya rasa tibalah masa sekarang Dewan Negeri Selangor boleh ada satu *team* yang lebih besar sikit, untuk membuat penyelidikan untuk dasar, supaya untuk membantu ADUN-ADUN untuk buat pembentangan ataupun yang lebih bernas di Dewan Negeri. Sering kali politik kena banyak aktiviti yang lain, tapi kita *law* mereka juga polisi mereka juga so kita kena ada banyak lagi bantuan daripada penyelidik supaya, ucapan kita ataupun *polisi stand* kita adalah berdasarkan dengan *fact* dan *figure* dan bukan dari *emotion*.

Yang kedua adalah berkenaan dengan jawatankuasa, saya bersetuju dengan Y.B. Hulu Kelang yang menyatakan latihan kena dibagi. Saya meminta untuk penambahan peruntukan untuk jawatankuasa supaya setiap jawatankuasa Ahli jawatankuasa boleh dilatih, sebagai contoh saya daripada JP ABAS sering kali kita tak ada teknikal *knowledge*, kita kena belajar sendiri so ini *take a lot of time so*. Saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh menimbang untuk menambah latihan untuk ADUN-ADUN supaya kita boleh lebih mahir dalam apa yang kita buat di jawatankuasa. Saya juga mengharap bahawa kita boleh tumpu kepada lebih kepada penggubalan dasar di Dewan Negeri supaya kita menambah lagi peruntukan dari segi latihan dari segi nombor penyelidik dan dari segi mengambil *consultant* dan sebagainya. Dengan ini saya memohon mencadang.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah saya persilakan pihak Kerajaan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Saya cuma nak menyentuh tentang masalah *wifi* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan. Pihak Bahagian Teknologi Maklumat akan mengambil maklum di atas perkara tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya ingin memberikan respons kepada Yang Berhormat Sekinchan dan Yang Berhormat Hulu Kelang dan Yang Berhormat Damansara Utama. Yang pertamanya ada beberapa pandangan dan cadangan yang berhubung kenaikan elaun-elaun tertentu seperti pinjaman perumahan, elaun mesyuarat, sewa rumah, elaun perumahan dan juga pemandu. Saya memahami keperluan yang dibangkitkan namun seperti yang telah kita bahaskan selama beberapa hari yang lalu, negeri Selangor harus bersedia dengan kegawatan ekonomi yang semakin getir mulai hujung tahun ini dan juga tahun hadapan. Sebab itulah Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang cukup berhemah dan bertanggungjawab untuk meningkatkan belanja pembangunan dan mengurangkan belanja mengurus kerana dengan meningkatkan belanja pembangunan itu ianya dapat membantu menjana pertumbuhan ekonomi negeri dan dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi rakyat negeri Selangor. Saya tidak bermaksud untuk menolak cadangan-cadangan ini tetapi oleh sebab pada ketika ini suasana ekonomi amat parah dan getir yang pastinya akan terkesan di peringkat negeri daripada Putrajaya maka kita harus bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan ini malahan saya telah nyata juga sebelum ini ketika mengadakan perbincangan dengan Ahli Dewan Negeri. Kerajaan telah menerima permohonan daripada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan untuk tujuan belanja mengurus termasuk membina bangunan baru, pejabat baru, dan juga membuat pengubahsuaian yang berjumlah sehingga 1.1 bilion ringgit. Maka Kerajaan Negeri terpaksa menolak keseluruhan permohonan tersebut kerana kita mahu penjimatan dibuat dalam perbelanjaan dan ditumpukan soal pembangunan. Walau bagaimanapun pandangan yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat Sekinchan akan saya rujuk kepada Perbendaharaan Negeri apabila suasana ekonomi negeri ini bertambah baik dan kuat. Saya percaya ianya boleh dipertimbangkan. Cuma untuk sewa rumah bagi makluman Yang Berhormat Sekinchan, elaun perumahan adalah mengikut pekeliling yang telah dikeluarkan oleh JPA dan Perbendaharaan dan ianya mengikut gred jawatan, tetapi kita boleh melakukan kajian semakan ke atas permintaan untuk naikkan syiling pinjaman perumahan tanpa faedah seperti yang dilakukan di beberapa tempat yang lain, tetapi kajian ini semakan ini hanya boleh kita pertimbangkan pada masa yang lebih sesuai dan tidak pada ketika ini. Namun ada beberapa cadangan yang dibangkitkan oleh Damansara Utama dan Hulu Kelang itu menarik perhatian negeri khususnya keperluan peruntukan bagi *researcher* yang boleh membantu Dewan ini cara langsung khususnya persiapan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi membahaskan isu-isu dalam Dewan ini dengan lebih efektif dan dengan fakta yang lebih tepat dan bermaklumat. Saya akan melihat keperluan ini dengan Perbendaharaan. Saya juga dimaklumkan bahawa Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri punyai pegawai-pegawai penyelidik tersendiri mengikut portfolio masing-masing, tetapi apa yang dibangkitkan ialah satu peruntukan yang lebih jelas bagi maksud menyediakan *researcher* yang akan membantu kesemua Ahli Dewan Negeri ini termasuk daripada pembangkang mendapatkan maklumat dan kajian yang terkini ekoran perkembangan ekonomi semasa dan juga keadaan global pada ketika ini.

Yang keduanya tentang sewaan yang dibangkitkan oleh Damansara Utama meningkat secara mendadak daripada RM185 ribu sehingga RM1.2 juta ianya adalah ekoran sewaan Pusat Khidmat DUN yang di peruntukan. Bagi cadangan Hulu Kelang supaya sekretariat juga diberikan perhatian tentang kebajikan dan elaun mereka, saya memberi jaminan Kerajaan Negeri sentiasa melihat kebajikan warga kerja Selangor sebab itulah baru-baru ini kita memberikan elaun, bonus yang jauh lebih besar daripada Kerajaan Persekutuan kerana kita menghargai sumbangan dan khidmat mereka dan sekretariat dewan sudah tentulah terkecuali kalau ada perkara-perkara khusus yang perlu kita bantu mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sikit penjelasan

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Berkaitan dengan cadangan makanan di dewan ini ditaja oleh CSR oleh GLC, apa pandangan Yang Amat Berhormat kerana Yang Amat Berhormat adalah pengerusi seluruh GSC nya, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tidaklah seluruh Sekinchan sebahagian, dan saya telah pun isytiharkan perinciannya kepada Damansara Utama, yang telah dijelaskan Yang Berhormat Speaker. Sebenarnya sebelum Yang Berhormat Sekinchan bangkitkan perkara ini pun, saya dapat aduan dalam beberapa hari yang pertama itu, saya dimaklumkan kualitinya tidak begitu baik dan saya terus



memberikan notis kepada Speaker supaya menjaga kualiti makanan tidak semestinya mahal, tetapi biarlah kualiti itu baik dan bersih dan tak payah banyak-banyak jenis pun tak apa, kalau dua tiga jenis maksimum pun cukup sebab kita berlaku penjimatan. Saya sendiri daripada hari pertama, saya diberikan tanggungjawab sebagai Menteri Besar saya telah mengeluarkan arahan semua mesyuarat di peringkat negeri tidak boleh lebih dua mata. Kalau kuih hanya boleh dua jenis kuih sahaja, satu pedas satu manis dan kopi o dan teh o. Tidak boleh makan secara mewah kalau tidak badan kita pun naik macam Sekinchan dan kita mungkin ada masalah kesihatan, tetapi tentang cadangan supaya GLC memberikan program CSR ini boleh kita pertimbangkan saya kira bukanlah satu masalah saya juga dapat aduan kerana sebelum ini pemandu-pemandu dan pekerja kita boleh makan bersama tetapi sekarang ini sudah tidak boleh. Ini juga harus kita teliti, kerana ada berlaku satu dua insiden di mana pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengambil makanan-makanan tersebut membawa pulang. Jadi perkara-perkara ini soal pentadbiran yang penting kita harus menjaga kebajikan pegawai-pegawai yang bekerja kuat di sepanjang sesi dewan bersidang dan juga tenaga kerja yang lain yang harus diberikan perhatian tetapi kualiti makanan itu harus dijaga dengan berjimat dan saya akan membawa perkara ini dalam pertemuan dengan beberapa GLC untuk menjayakan program tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.3 – iaitu wang sejumlah RM26,088,373.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Enam Juta Lapan Puluh Lapan Ribu dan Tiga Ratus Tujuh Puluh Tiga ) untuk Kepala B.3 Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat setuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.4 – Perbendaharaan Negeri, RM233,642,864.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tiga Puluh Tiga Juta Enam Ratus Empat Puluh Dua Ribu dan Lapan Ratus Enam Puluh Empat).

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan 5 minit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya sikit sahaja, terima kasih kerana diberi peluang saya ingin menyentuh juga dengan 50500 mengenai gaji dan upahan. Berkaitan dengan Perbendaharaan saya cuma ada perkara juga nak bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, bajet buku bajet kali ini dia agak luar biasa, agak luar biasa, saya kena pusing sini kiri kemudian saya kena pusing kanan, bukan mata saya tak nampak tapi dia *smart* tak mesra, dia *smart* tapi tak mesra jadi saya dengan Yang Berhormat Sabak tadi pun saya bincang panjang macam mana kita nak perbetulkan dia kata ini kiblatnya kena perbetulkan sikitlah. Jadi saya mintak perkara ini dapat ambil maklum sebab ini soal pentadbiran dan saya rasa ini satu ada

reformasi *smart* tapi Cuma saya rasa pun tak berapa mesra alam. Terima kasihlah. Itu sahaja.

**TUAN SPEAKER** : *Last* saya jemput pihak Kerajaan untuk memberi maklum balas.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Pandangan akan diberikan pertimbangan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B. 4 – Iaitu wang sejumlah RM233,642,864.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tiga Puluh Tiga Juta Enam Ratus Empat Puluh Dua Ribu Dan Lapan Ratus Enam Puluh Empat) untuk Kepala B.4 Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat setuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, RM1,440,000.000.00 (Ringgit Malaysia Satu Bilion Empat Ratus Empat Puluh Juta)

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam B-5. B-5, Caruman Kepada kumpulan Wang Berkanun

**TUAN SPEAKER** : B - 6

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : B- 6

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker B- 5

**TUAN SPEAKER** : Kita tidak ada B-5

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Berkaitan dengan PBT pemberian dalam negeri PBT khususnya Majlis Daerah Sabak Bernam berkaitan Majlis Daerah Sabak Bernam yang ingin saya sentuh sedikit ya. Umum kita sedia maklum bahawa pentadbiran PBT ini sejak 2008 ada pertambahan baik yang drastik di mana respons daripada rakyat juga semakin memberi kredit tetapi pada masa yang sama saya nampak juga ada lagi kelemahan-kelemahan yang boleh kita perbaiki ya yang boleh diperbaiki seperti khususnya di kawasan Sabak Bernam, kita terpencil dari luar, 2 PBT yang antara yang paling asnaf yang ingin saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini Majlis Daerah Sabak Bernam kedudukan kewangannya asnaf ya dan daerah Sabak Bernam juga kalau ikut inventori daripada JAIS juga yang paling ramai MAIS paling ramai fakir miskin di situ jadi segi perkhidmatannya khusus kebersihan

dan kutipan sampah masih tidak begitu memuaskan. Saya harap pihak Majlis daerah Sabak Bernam bersama PBT Pihak EXCO dan sebagainya ada satu mekanisme yang baru bagaimana untuk ...

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan boleh berhenti sekejap sambung nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian perlu bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam satu tengah hari. Dengan ini saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan di tangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Assalamualaikum dan Selamat Petang. Dewan bersidang semula. Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Pengerusi. Saya ingin tegaskan soal Majlis Daerah Sabak Bernam dan perkhidmatan di PBT ini bagaimana kita nak menambah baik, nak memperkasakan dalam konteks di Sabak Bernam adalah berkaitan dengan pembersihan sampah dan kutipan ya setakat ini masih ada ruang untuk ditambah baik khususnya di kawasan Sekinchan di mana banyak aduan berkaitan dengan perkhidmatannya. Kutipan sampah tidak kerap dan juga bertimbun terutamanya hari-hari kelepasan umum yang berpanjangan sehingga tak nampak lori-lori yang datang ini lah perkara yang perlu di tambah baik pada masa yang sama pembersihan juga awam di khususnya di Pekan Sekinchan dalam konteks Majlis Daerah Sabak Bernam ini perlu di tambah baik lebih kerap kerana Sekinchan telah menjadi satu kawasan destinasi ikut *tourism* yang popular bukan sahaja di negeri Selangor malah juga di seluruh Malaysia sehingga ke luar negeri sekarang. Ramai pelancong daripada Singapura, daripada Hong Kong dan sebagainya datang ke Sekinchan tapi kalau keadaan kebersihannya di Pekan Sekinchan tidak terurus, tidak begitu baik akan mencemarkan imej Sekinchan sebagai Pekan ataupun sebuah destinasi pelancongan yang ikut *tourism* yang popular. Jadi perkara ini saya harap pihak Majlis Daerah dapat mengambil inisiatif bagaimana untuk meningkatkan perkhidmatan tersebut pada masa yang sama saya juga mengalu-alukan lah langkah Kerajaan dalam belanjawan, belanjawan membangun *Smart* Selangor Yang Peduli dan mengecualikan cukai taksiran, fi lesen yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Satu berita yang cukup baik oleh seluruh rakyat negeri Selangor khususnya yang berpendapatan rendah walaupun ada media yang tidak memberi liputan dalam konteks ini kerana ini perkara penting tapi saya nampak ada yang tak sebab ini dia cuba, mereka nak tutuplah macam tak ada berita ini berlaku. Tapi benda ini berlaku di Selangor, kita boleh buat ya tapi dalam konteks di Majlis Daerah Sabak Bernam yang tadi saya kata keadaan kewangannya yang agak menghadapi masalah kalau kita bagi jumlah pengecualian cukai taksiran rumah kos rendah, rumah kampung, rumah kampung baru, rumah bagan semuanya tahun depan kita akan kekurangan hasil anggaran RM1.132 juta. Hah, itu kekuranganlah bagi Majlis Daerah Sabak Bernam, jadi saya juga minta pihak Kerajaan Negeri dapat membantu. EXCO dapat membantu Majlis Daerah Sabak Bernam dalam kekurangan cukai ini. Saya harap segala dapat berjalan dengan baik dan rakyat yang di bawah kita dapat tolong. Ini hasrat dan harapan kita. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya silakan pihak Kerajaan untuk memberi penjelasan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Sekinchan kerana membangkitkan isu-isu yang berkaitan di kawasan Sabak Bernam. Dua isu yang Sekinchan bangkitkan, ada satu mengenai isu tentang pembersihan awam khususnya di Sekinchan dan juga isu kedua tentang pengecualian cukai pintu di kawasan seperti kampung dan sebagainya. Saya menerima saranan dan cadangan daripada dan isu lah ya yang disampaikan oleh Sekinchan tadi dan saya akan memastikan bahawa Majlis Daerah Sabak Bernam memberi perhatian khususnya ke atas pembersihan awam di kawasan Pekan Sekinchan kerana Sekinchan telah menjadi satu tempat pelancongan yang sangat terkenal bukan sahaja di Selangor tapi seluruh Malaysia dan juga Antarabangsa. Ini satu.

Dua, tentang pengecualian cukai taksiran ini akan mengakibatkan pihak Majlis pendapatan dia akan kurang dan saya ingin maklumkan pada Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri akan mengadakan satu mekanisme supaya dapat kita ganti pendapatan tersebut kepada PBT masing-masing. Saya juga ingin kalau boleh menyeru kepada Sekinchan kalau ada apa-apa cadangan tentang bagaimana ya kita nak menambah baik tentang isu perkhidmatan pembersihan boleh cadangkan kepada saya ataupun UPEN dan kita akan bantu dari segi kewangan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jadual B. 6 iaitu Wang Sejumlah RM1,440,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Bilion Empat Ratus Empat Puluh Juta) untuk Kepala B. 6 Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 7 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, RM1,507,465.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Lima Ratus Tujuh Ribu Empat Ratus Enam Puluh Lima).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Teratai ingin merujuk kepada Kod 505000, kod 44000 iaitu Tuntutan Insurans dan Pampasan. Teratai nampak di sini peruntukan tahun ini tidak ada hanya RM10.00 sahaja. Apa yang ingin Teratai ketengahkan ialah bagi insurans bagi pegawai-pegawai kerajaan adalah sangat penting. Satu insiden yang telah berlaku tak lama sebelum ini seorang pegawai penguat kuasa MPAJ telah jatuh ke dalam longkang yang besar semasa menjalankan tugas operasi jadi akibatnya pegawai berkenaan telah dimasukkan dalam hospital ICU dan sebelum ini ada kalanya kita dengar bahawa ada pihak pegawai-pegawai penjawat awam semasa mereka menjalankan tugas mereka selalunya kena ugutan ataupun kecederaan malahan kemalangan berlaku. Jadi Teratai di sini berharap supaya Kerajaan Negeri boleh menimbangkan dan menambahkan peruntukan supaya kebajikan terutama sekali insurans penjawat

awam boleh diambil berat supaya penjawat-penjawat awam boleh melaksanakan tugas masing-masing dan tidak dalam keadaan yang dijamin ataupun ada insurans dengan izin dan mereka apabila timbul satu kemalangan ataupun satu kita kata bencana mereka dapat mendapat pampasan yang sebaik mungkin. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jika ada pihak kerajaan ingin memberikan penjelasan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Timbalan Speaker, saya ambil maklum tentang isu yang dibangkitkan oleh Teratai tentang bagaimana kita hendak menjaminkan kebajikan dan juga keselamatan pegawai kita semasa menjalankan operasi dan sebagainya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jadual B.7 iaitu Wang Sejumlah RM1,507,465.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Lima Ratus Tujuh Ribu Empat Ratus Enam Puluh Lima). untuk Kepala B. 7 Caruman Kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.8 – Jabatan Pertanian, RM21,521,033.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Satu Juta Lima Ratus Dua Puluh Satu Ribu Tiga Puluh Tiga).

**TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Pengerusi. Saya ingin ambil bahagian dalam B. 8 mengenai Jabatan Pertanian Negeri Selangor, 50500, 11000 berkaitan gaji dan upahan. Berkaitan isu pertanian ini ingin saya tekankan bahawa daerah Sabak Bernam lah ya yang paling banyak aktiviti pertanian. Aktiviti pertanian yang pentingnya Selangor khususnya di kawasan Sabak Bernam dan Kuala Selangor kita adalah dan Sekinchan adalah jelapang padi negeri Selangor hah ini penting. Jadi Kerajaan Negeri kena fokus soal pertanian ini di Sekinchan dan sebagainya dan saya nampak Yang Berhormat EXCO pun ada bagi bantuan dalam soal bagaimana untuk menghadapi serangan-serangan penyakit padi kara dan sebagainya, bina perang untuk memberi bantuan dari segi racun dan sebagainya.

Pada masa yang sama saya nampak sudah hampir tujuh tahun, lebih tujuh tahun Kerajaan Negeri Selangor kita daripada Barisan Nasional hingga sekarang kita ada ramai, ramai petani-petani yang bijak, yang pintar yang *smart* di Sekinchan, yang *smart* pandai bercucuk tanam. Mereka pandai bercucuk tanam, Melayu, Cina dan India pandai bercucuk tanam tetapi ada kekangan. Kekangan dia apa? Tak ada tanah untuk bercucuk tanam. Tanah tak ada. Tapi baru-baru ini saya nampak ada satu sinar harapan di mana dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Dato'

Menteri Besar telah menekankan pentingnya aktiviti aspek pertanian ini dan Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi tanah, sebahagian besar tanah untuk diagihkan ataupun disewa dan sebagainya untuk bercucuk tanam untuk aktiviti pertanian. Hah dalam konteks ini saya nak tekankan di sini isu pertanian ini ramai petani di Sekinchan dan kawasan sekitarnya pintar. *Smart* boleh bercucuk tanam dengan buah-buah jagungnya, *mango* Sekinchannya, jambu airnya, sayur-sayurannya seluruhnya cukup subur di situ tapi tanah tak ada.

Jadi saya harap Kerajaan Negeri boleh dapat memperuntukkan ataupun menyediakan satu kawasan lebih kurang 1,000 ekar di Sungai Panjang dan sebagainya untuk dibuka, diteroka untuk satu dinamakan ladang rakyat ke apa nama lah sekalipun untuk diberikan alirakan kepada semua petani-petani yang ingin bercucuk tanam di situ. Saya tidak mahu, saya nampak sudah ada 3 EXCO silih berganti daripada Kota Anggerik sampailah dah ke Sabak. Sabak pusing balik sekarang sampai Templer. Saya belum nampak ada satu delegasi daripada Kerajaan Negeri untuk menjayakan pertanian.

Ada PKPS, ada Selangor *Fruit Valley* tapi dalam laporan semua cakap sahaja, indah khabar daripada bayangan. Hasilnya tidak seberapa. Saya mahu satu delegasi di mana satu ladang rakyat yang besar di sewa kepada semua Melayu, Cina dan India untuk kita pantau Selangor punya hah *Smart* Selangor pertanian, ladang *Smart* Selangor dan sebagainya. Contohnya lah untuk dijayakan dalam tempoh 5 tahun akan datang supaya petani dapat disuburkan aktiviti pertanian di negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ada pihak Kerajaan berikan penjelasan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Timbalan Speaker, terima kasih kepada Sekinchan yang memberikan ulasan dan juga pengharapan berkenaan dengan pertanian di negeri Selangor dan seperti mana yang kalau kita lihat kepada peruntukan bajet kepada pertanian khususnya bantuan kepada petani, nelayan dan penternak telah pun ditingkatkan sehingga mencecah RM5 juta. Itu adalah merupakan hasil daripada kajian dan gerak kerja yang telah kita lakukan sepanjang 2015.

Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar dalam pembentangan belanjawan menyebut antaranya adalah program-program *agrogent*. Usahawan agro generasi muda yang pada tahun ini kita rintis usahawan agro generasi muda ini yang telah pun kita kenal pasti sebenarnya kedapatan ramai di kalangan belia-belia yang sudah pun menceburkan diri dalam bidang pertanian ini dan daripada maklumat yang kita terima dan daripada program-program yang kita laungkan sepanjang 2015 ini, *insya-Allah* 2016 kita akan memberikan ruang, peluang dan juga bantuan, galakan yang khusus kepada usahawan-usahawan belia supaya ada di sana kesinambungan.

Dan yang keduanya berkenaan dengan tanah-tanah pertanian seperti mana yang telah pun diketahui bahawa TOL dikeluarkan kembali untuk tujuan pertanian dan di sana juga ada satu program baru yang di sebut sebagai ladang agro Selangorku yang kita akan perkenalkan untuk tahun 2016 seperti mana hasrat Sekinchan tadi. Supaya tanah-tanah pertanian, tanah-tanah milik kerajaan yang kita boleh programkan untuk membantu. Setelah kita ada TKPM yang juga di antara hasil yang *percentage* nya paling besar di Malaysia dengan ladang agro Selangorku ini yang kita boleh istilahkan sebagai TKPM versi Selangor ini, kita akan jadikan sebagai satu lagi program baru kepada para-para petani untuk memperbanyakkan lagi program-program pertanian mereka, insya-Allah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jadual B. 8 iaitu Wang Sejumlah RM21,521,033.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Satu Juta Lima Ratus Dua Puluh Satu Ribu Tiga Puluh Tiga) untuk Kepala B. 8 Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B. 9 – Pejabat Tanah dan Galian, RM25,836,798.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Juta Lapan Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Tujuh Ratus Sembilan Puluh Lapan).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin merujuk kepada vot B. 09, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan. Kod 10,000 Emolumen. Saya ingin membangkitkan satu isu berkenaan dengan pentadbiran Pejabat Tanah berkenaan dengan kes, berkenaan dengan isu pasir laut di mana isu ini telah pun, isu ini merupakan satu isu yang menjadi tumpuan di Pejabat Tanah Klang dan juga Kuala Langat. Tapi yang saya ingin sentuh adalah berkenaan dengan kekeliruan yang timbul berikutan dengan satu Pekeliling daripada Pejabat Tanah dan Galian Selangor iaitu PTGS Bilangan 2/2014 yang tidak menerangkan secara jelas berkaitan dengan permohonan permit bagi pasir transit ataupun *stockpile* pasir termasuk pasir laut. Dan ini telah menyebabkan kekeliruan kerana terdapat syarikat-syarikat pasir yang telah pun mendapat permit daripada JKPTG iaitu pusat untuk mengekstrak pasir dan batu lautan dalam jarak 3 batu nautika dari Persisiran Pantai Selangor di Daerah Klang dan di Daerah Kuala Langat. Tetapi oleh kerana kekeliruan ini Pejabat Tanah menghadapi masalah untuk sama ada meluluskan atau tidak meluluskan ekstasi pasir-pasir laut ini. Saya ingin memohon perhatian daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri termasuk juga pegawai di Pejabat Tanah dan Galian Selangor supaya perkara ini diselesaikan secepat mungkin. Saya dimaklumkan bahawa pasir laut ini walaupun kegunaannya untuk sektor pembinaan tidak begitu banyak tetapi ianya penting khususnya untuk pembinaan jalan raya di



tempat-tempat yang tanahnya lembut ataupun berpayau. Sekiranya pembinaan jalan ataupun struktur ataupun bangunan itu dibuat di atas tanah gambut yang tidak stabil maka perlu digunakan pasir-pasir laut ini untuk menstabilkannya. Dan saya berharap, maksudnya adalah ia mempunyai satu *market niche market* yang tertentu. Dan ianya haruslah diletak di bawah kawalan melalui pindaan terhadap Pekeliling Bilangan 2/2014 ini. Jadi itulah sedikit sebanyak apa yang saya ingin bangkitkan untuk perhatian Eksekutif. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh 2 perkara berkenaan dengan isu tempatan. Merujuk kepada butiran yang sama 505000 Pentadbiran dan Kewangan. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan isu Taman Permata yang mana ini menunjukkan kerjasama pintar antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Cuma ada sikit lagi masalah yang belum selesai. Iaitu saya difahamkan menurut KPKT permohonan tanah geran belum lagi dikeluarkan atas nama Pesuruhjaya Persekutuan. Jadi saya nak minta jasa baik Dato' Menteri Besar untuk membantu dalam menyelesaikan masalah ini. *Insyallah* kalau dah selesai tu kita boleh teruskan dengan membantu rakyat di Taman Permata.

Yang keduanya, isu berkenaan dengan Taman Putera Perdana juga berkenaan dengan *master title*. Seluruh Putera Perdana tu masih lagi atas status *master title*. Jadi ada masalah dari segi ingin memberikan menukar status kepada *individual title* dan juga *strata title*. Yang ini saya ingat lagi mantan Menteri Besar memaklumkan sejak Kerajaan Negeri mengambil alih Talam, jadi ini merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membantu menguruskan hal yang berkaitan dengan Taman Putera Perdana ini. Sebab Taman Putera Perdana ini sebahagiannya ataupun keseluruhannya telah diambil alih oleh Talam, oleh Kerajaan Negeri melalui, melalui Syarikat Talam.

Dan satu lagi berkenaan dengan itu juga, saya difahamkan penduduk-penduduk di Putera Perdana terutamanya di La Cottage, Taman La Cottage. Mereka nak menukar, menukar *title, master title* kepada *individual title* kena bayar hampir lebih kurang RM2,000.00 untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ini sepatutnya tidak berlaku *charge* yang sedemikian sebab ini sebenarnya tanggungjawab daripada *developers* dengan izin ataupun *developers* dan bungkus gulung tikar maknanya tanggungjawab daripada pihak Kerajaan Negeri. Dan saya berharap isu ini boleh diselesaikan hampir 570 rumah nak *convert* daripada *master title to individual title* kena bayar *charge* RM2,000.00. Jadi itulah sahajalah untuk buat masa setakat ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada 1 nak bangkitkan iaitu sama Vot B05, B09 505000 Pentadbiran dan Kewangan. Saya ingat lagi sidang yang bajet yang lalu Dato' Menteri Besar mengumumkan TOL boleh dikeluarkan untuk 5 aktiviti tapak semaian, tanaman kontan, pondok pengawal, papan iklan dan tempat letak kereta. Yang itu sidang bajet yang tahun lepas. Lepas itu saya pun umumkan kepada penduduk-penduduk. Penduduk-penduduk pergi ke Pejabat Daerah, Pejabat Tanah Daerah untuk *apply*, memohon tetapi tidak dapat sebab apa yang saya diberitahu ialah pekeliling belum lagi *get down to them* dan saya juga diberitahu bahawa ia adalah kerana kelambatan dari PTG untuk membuat garis-garis panduan. So, baru-baru ini baru saya diberitahu bahawa garis panduan ataupun pekeliling sudah sampai PTD. Sudah 10 bulan ataupun 11 bulan untuk ini pengumuman sidang bajet yang tahun lepas hanya sebulan sebelum sidang ini baru kita dapat *down to the ground*. So, saya mohon penjelasan daripada Dato' Menteri Besar.

**TUAN SPEAKER:** Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 73, 511000. Berhubungan sebidang tanah untuk Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Alam Jaya di Hulu Langat. Tanah tersebut telah dirampas oleh Kerajaan Negeri pada 1987 kalau tak silap saya. Dan apa yang telah dijanjikan oleh mantan Menteri Besar adalah pihak kerajaan sedia memulangkan tanah tersebut kepada pemilik-pemilik rumah pangsa. Tapi sehingga kini sudah ada melebihi 3 tahun ke 4 tahun belum ada apa-apa perkembangan lagi walaupun saya selalu ada bertanya pada Pejabat Tanah Hulu Langat. Jadi saya berharap isu ini boleh diselesaikan dengan secepat yang mungkin. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan Vot 9 PTG ini. Berkaitan dengan PTG, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, dan saya nak sampaikan di sini tentang masalah yang berlaku di sini. Di mana Negeri Selangor kita mengharapkan sungguh ya amat bergantung dengan premium hasil, kutipan premium untuk menjana belanjawan Negeri Selangor ya. Premium merupakan hasil yang utama untuk kita kutip. Ini saya nak ucapkan tahniahlah kepada PTG dan Pejabat Tanah Daerah yang lain kerana telah berjaya mencapai sasaran mengutip banyak premium untuk menguatkan lagi kedudukan kewangan Negeri Selangor. Pada masa yang sama, saya nak nyatakan di sini bahawa saya baru-baru ini mendapati banyak rumah-rumah, gerai, kedai-kedai yang lama di Sekinchan yang sudah tamat tarikh hampir matang tarikh 60 tahun untuk dilanjutkan pajakan untuk dilanjutkan ya tapak-tapak ini. Tetapi premium yang dikenakan yang saya dapat aduan dah sampai 2,000 kaki persegi bayarannya RM300 ribu lebih. Ini satu bebanan yang berat kepada penduduk yang

mewarisi harta daripada bapa mereka. Ada yang mampu, ada yang ramai yang tak mampu. Saya harap ada satu mekanisme lah khususnya kepada luar bandarlah di kawasan luar bandar ha. Diberi sedikit kelonggaranlah di segi diskaun ke dan sebagainya. Kalau tidak saya rasa ini satu isu untuk mereka bagaimana bebanan. Kita tahu hasil ini penting untuk, untuk Kerajaan Negeri tapi masa yang sama kita juga dengan kaji secara terperinci menyeluruh. Ini saya minta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat tengok betul-betul ya dalam konteks ini.

Pada masa yang sama juga ialah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menekan kita jangan hanya bergantung kepada premium tanah untuk menjana hasil Negeri Selangor. Kita kena cari alternatif lain, mempelbagaikan hasil di Negeri Selangor. Saya begitu menyanjung tentang cadangan ini dan saya nampak sekarang ini bumi di Negeri Selangor ini bertuah sekarang bukan sahaja ada pasir. Ya, pasir ada, batu bata ada. Sekarang bauksit pun ada. Bauksit, sejenis bahan galian, bauksit itu ada. Bauksit ya, untuk apa? Itu dibuat untuk sejenis mineral untuk galian untuk membuat aluminium. Sekarang pasarannya terlalu besar di Negeri China. Permintaan begitu terdesak dan harganya pun boleh tahan. Tetapi saya berharap Kerajaan Negeri dapat meneliti perkara ini dan dapat mengeluarkan lesen kepada pengusaha untuk dikeluarkan bauksit ini supaya kerajaan dapat menjana hasil tambahan tapi dengan syarat kena kawal persekitaran alam, kualiti *environment* dan sebagainya. Alam sekitarnya. Ini penting kalau tidak bauksit yang ada tetap dengan bauksitnya tetapi hasil tak dapat. Kita hanya pandang dengan tanah merah tapi aktiviti kecurian ada berlaku. Ha, saya minta kena pantau. Ada aktiviti pencurian berlaku. Mereka curi-curi dan hantar ke pelabuhan untuk di bawa ke Negeri China. Ha, ini yang saya nampak.

Pada masa yang sama soal permohonan di Selangor begitu terdesak, begitu cepat, begitu giat lebuhraya sedang dibina di sini sana khususnya Lebuhraya Pantai Barat dan sebagainya. Keperluan untuk batu-batuan kuari dan sebagainya juga amat terdesak. Dan harganya juga tinggi. Saya harap Kerajaan Negeri dapat membuka lebih banyak kawasan itu di lombong untuk hasil kuari ini batu bata ini supaya ada persaingan. Kalau ada persaingan, batu-batunya tak begitu tinggi, batu-batunya ya. *Crusher crunch* dan sebagainya. Tidak harga, boleh ada persaingan, boleh turun sikit. Kalau tidak, kalau 2, 3 syarikat yang monopoli harganya semakin mahal dia akan menaikkan kos pembinaan dan juga kos pembinaan rumah dan sebagainya. Ini dia ada kesan sampingan. Saya minta kerajaan dapat teroka ya, 3D. Jangan semua di *stop* kan. Saya nampak kerajaan sebelum ini banyak memberhentikan. Ini berhenti, itu berhenti. Akhirnya kena saman sampai semua kalah. Ini bukan langkah yang bijak. Kita kena diplomatik sikit dalam konteks ini. Tapi saya yakin dalam konteks ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memang orangnyalah yang boleh melakukan semua anjakan ini.

Dan seterusnya, berkenaan dengan tanah yang terakhirlah. Tanah di BNO, Bagan Nakhoda Omar. Satu perkampungan bagan ya, perkampungan bagan yang diduduki

oleh nelayan-nelayan di situ. Lebih kurang 100 dekat 200 penduduk keluarga di situ. Nelayan duduk di situ lama dah. Tapi tanah itu statusnya apa? Statusnya Rizab Melayu. Seperti di Bagan Sekinchan yang sekarang ni sudah berjaya membatalkan warta dan tukar ke tempat lain. Tapi Bagan Nakhoda Omar ini diduduki oleh 100% penduduk Cina nelayan di situ 50 tahun statusnya sampai sekarang masih Rizab Melayu dan usaha untuk menukarkannya sudah dilakukan bertahun-tahun sampai sekarang tak ada satu jawapannya. Ini pihak Pejabat Tanah dan juga PTG kena bantu. Dan saya cadangkan ya kalau besok kalau kita berjaya tukarkan, wartakan dia dibatalkan Bagan Nakhoda Omar ini oleh kerana dia ini diduduki oleh semua ramai 100% penduduk nelayan Cina jadi nama dia kena tukar. Kita kena tulis Bagan Nakhoda Chong. Omar tak payah sebab kita akan ingat Noh Omar. Bagan Nakhoda Noh Omar. Macam tu tak elok. Itu orang, seorang pemain politik yang kita rakyat tak suka. Jadi BNO ini pun kita tukarlah. Bagan Nakhoda Chong lah lebih baiklah. Sebab semua Cina ya. Saya harapkan kerajaan nak membantu dalam konteks sini sebab sudah bertahun-tahun ya. Betul, contohlah, contoh. Kalau ada kebetulan ya. Jadi saya harap kerajaan kena bantu. Sebab dah lama dah. Dia kata ada status tanah pekanlah dan sebagainya. Sampai hari ini *paper* tak sampai. Saya yakin kalau PTD Pejabat Daerah Tanah buat cepat kerajaan boleh buat keputusan cepat. Tapi oleh kerana sana lambat, sampai hari ini tak sampai. Saya bagi tempoh untuk tahun belanjawan tahun depan ini sudah selesai. Itu baru *super* efektif ke arah membangun Smart Selangor yang peduli. Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Pengerusi

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga nak bahas dalam Butiran 505000 di bawah tajuk emolumen. Saya, Sekinchan ni kuat sangat *racist* dialah. Kalau boleh jangan *racist* sangatlah. Fasal isu mengenai nama pun nak jadi isu. Nama tu dah lama dah Sekinchan. Tak profesionallah. Bukan BNO tu Bagan Noh Omar, Nakhoda Omar. Ok, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak bangkitkan bukan hari ini, sebenarnya saya dah bangkitkan dulu dalam, dalam sidang bajet yang dahulu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besarlah khususnya. Pertamanya mengenai isu penguatkuasaan Pejabat Tanah yang dulu saya ada bangkitkan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun ada memberikan jawapan bahawa kelemahan penguatkuasaan mengenai pemantauan aktiviti pasir, curi pasir, tanah dan sebagainya,. Jadi hari itu Menteri Besar kata akan ada pengambilan kakitangan-kakitangan khas untuk dari segi penguatkuasaan. Jadi saya nak tanya apakah itu perkara ini sudah dilaksanakan dan berapa jumlah kakitangan yang dilantik di pejabat tanah dan Pejabat Daerah. Apakah menyeluruh seluruh Negeri Selangor. Kemudian yang kedua juga saya juga masih membangkitkan perkara yang melibatkan tanah TKPM lah, Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan Bestari Jaya ataupun kita kenal sebagai Agrotech. Yang mana isu ini agak dah berlarutan dan

dia menjadi isu apabila sebahagian daripada HORAS 3000 digazetkan termasuk di dalam kawasan berkenaan. Jadi kita sedia maklum bahawa kawasan ini memang melibatkan ramai petani penternak yang membuat aktiviti melibatkan pinjaman, pembiayaan komersial bank dan sebagainya. Jadi mereka sentiasa dalam keadaan yang tidak ketentuan kerana bila terima notis keluar dalam tempoh 6 bulan sebulan daripada PKLDB. Jadi saya nak mohon daripada pihak Menteri Besar kalau boleh kawasan ini benar-benar boleh digazetkan sebagai PKPM kerana perbelanjaan yang besar sudah dibuat oleh kementerian membina infrastruktur dan sebagainya. Jadi memandangkan Langat 2 pun sudah boleh kita harapkan menghasilkan pengeluaran air, HORAS 6000 sudah berjalan, jadi saya mengharapkan supaya TKPM ini boleh dikekalkan dan kalau boleh diberi, digazetlah kawasan TKPM supaya pengusaha-pengusaha ini benar-benar merasa ada jaminan untuk jangka panjang mereka mengeluarkan makanan, mereka mengeluarkan pertanian sebab hasil mereka hampir 50 juta. Mereka bekalkan makanan, ternakan kepada negeri Selangor sendiri khususnya ya di samping menggiatkan mereka sebagai pengusaha. Yang ketiganya juga dulu saya ada bangkitkan mengenai status perumahan nelayan kampung Baru Pasir Penambang. Ni pun yang dah lama juga. Melibatkan 46 keluarga nelayan ya yang dulu mereka tinggal di kawasan-kawasan ini, yang dulunya mereka membayar TOL. TOL zaman Barisan Nasional mereka dibenarkan dan sebahagian besar mereka sudah membina kediaman ya. Jadi bagaimana status mereka bila dasar TOL ini dikemukakan apakah mereka ini terus kekal di sana sebab mereka tak ada tempat lain nak pergi pun. Dan aktiviti mereka tak jauh dari tempat nelayan. Itulah tempat tinggal mereka dan mereka semuanya 100% nelayan.

Dan akhirnya Tuan Pengerusi mengenai tanah Sungai Yu. Ini juga pemberimilikan di kawasan Indialah. Kalau di kawasan Permatang ni kalau disebut kawasan Sg. Yu India ni dia merujuk kepada satu kawasan sewaktu program pembesaran kampung dahulu ini digazetkan sebagai kawasan pembesaran kampung untuk masyarakat India ya. Majoriti ini ialah penduduk India. Jadi baru-baru ini saya menerima banyak bukan kata rungutan tapi permohonan sebenarnya daripada penduduk setempat. Dasar yang dibuat oleh Menteri Besar yang lama dulu, dia pernah buat dalam dewan ini, dulu Pelabuhan Klang janji bahawa mereka tak akan diberi pun tanah satu ekar ataupun dua ekar. Tapi yang wajar ditawarkan ialah lot-lot rumah. Jadi saya nak mohon penjelasan sama ada apakah dasar ini masih dikekalkan dan ini saya tengok dah ramai berlumba-lumba hantar nama kat Pejabat Daerah, Ketua Kampung pun kutip nama, yang hantar kat saya pun cukup banyak. Jadi saya pun tak tahu macam mana masalah ini boleh diselesaikan. Kalau diberi dalam bentuk lot-lot rumah itu lebih baik ramai yang akan dapat. Mungkin 5000 ataupun 10000 ribu kaki. Seekar boleh dapat 4 lot. Jadi kalau dasar ini dikekalkan saya mengalu-alukan dan kalau boleh juga pemohon-pemohon ini bolehlah dibincangkan dengan pihak ADUN setempat supaya kita pun walaupun saya tak ada ruang dalam Pejabat Tanah Dan Daerah Kuala Selangor tapi kalau dirujuk juga senarai tu lebih mendapat pandangan yang dari pihak ADUN juga kerana saya sedia maklum kawasan ini gazetnya untuk kawasan India. Jadi saya harap benar-benar orang tempatan akan mendapat

peluang itu bukan daripada luar kawasan yang daripada kawasan yang berkenaan. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya bagi yang terakhir saya minta pesan kepada YB sekalian cuba elak daripada isu pembangunan setempat sebab kita bercakap fasal pembakalan di sini. Silakan Sungai Burong.

**Y.B. DATO MOHD SHAMSUDIN LIAS:** Terima Kasih Tuan Pengerusi. Saya ada 3 perkara berhubung dengan untuk mengambil bahagian dalam Bajet B207 PTG ini 505000 iaitu Pentadbiran dan Kewangan. Yang pertama ialah mengenai Penguatkuasaan. Kita mendapati bahawa hari ni operasi mengeluarkan pasir terutama di kawasan, saya tidak dapat elak lari sebab walaupun ia berkaitan dengan tapi dia akan berkaitan dengan keupayaan dan juga berkaitan dasar. Kegiatan mengeluarkan pasir ini oleh sebab jumlah pasir yang dikeluarkan terlalu banyak dan melibatkan aktiviti-aktiviti pengeluaran yang begitu orang kata pesat sekali banyak lori-lori ni mengeluarkan pasir ni menggunakan bukan jalan utama. Tapi jalan-jalan yang digunakan untuk sebagai jalan-jalan JKR luar bandar. Saya nak bagi contoh di kawasan di antara Batang Berjantai dengan Ijok ada satu jalan. Jalan ni merupakan jalan yang sangat penting menjadi jalan pintas terutama dalam keadaan sesak seperti hari minggu dan hari-hari cuti umum dijadikan sebagai jalan alternatif terutamanya oleh pengguna-pengguna jalan yang mengelak daripada kesesakan kenderaan di *Route 5*. Tapi oleh sebab banyak aktiviti-aktiviti pengeluaran pasir lori-lori memerlukan jalan ini jalan yang telah diturap dan ini telah kemudiannya dalam masa yang sekejap sahaja jalan ini telah rosak. Dan ini telah menyebabkan orang kata rungutan terutamanya daripada pengguna-pengguna jalan raya dan juga daripada kampung-kampung yang berkenaan. Isunya yang ingin saya bangkitkan ialah kerana penguatkuasaan. Aktiviti ini saya ingat kena ada penetapan jalan. Jalan utama yang menjadi laluan perlu dipatuhi. Saya melihat bahawa terdapat kekangan dari segi jumlah penguat kuasa penguasa Daerah dan juga negeri yang dapat menjalankan penguasaan. Jadi saya amat berharap YAB Dato' Menteri Besar dapat mengambil perhatian dan tindakan supaya kegiatan-kegiatan mereka ini tidaklah menjejaskan kemudahan-kemudahan infrastruktur jalan yang sedia ada.

Kedua, pada masa yang sama saya memikirkan kalau jalan ini hendak digunakan oleh sebab saya fikir dalam masa dua tiga tahun yang akan datang ini penggunaan pengeluaran pasir-pasir di Berjantai Bestari ini akan berterusan dalam jumlah yang banyak saya ingat kita boleh anggarkan puluhan lori bergerak dalam harian ataupun dalam minggu. Jadi saya ingin mencadangkan kepada YAB Dato' Menteri Besar supaya jalan ini yang digunakan ini dinaikkan taraf jadi mempunyai kekuatan jalan yang boleh digunakan oleh kenderaan-kenderaan .....

**TUAN SPEAKER:** Tu dah spesifik pembangunan tu Sungai Burong

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN LIAS:** Ya....dari segi dasar la. Yang pertama tu meningkatkan penguasaan supaya aktiviti itu jangan menggunakan jalan sampingan tapi menggunakan jalan utama yang boleh memberikan laluan. Jika tidak maka kena adakan satu dasar untuk mempertingkatkan keupayaan jalan tersebut. Ini yang pertama. Yang kedua ialah berkenaan penerokaan tanah-tanah rizab. Kita dapati hari ini banyak tanah-tanah rizab kerajaan ini diterokai dengan tanaman-tanaman terutamanya tanaman tempatan. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana petani-petani terutamanya perusahaan-perusahaan muda. Dia menggunakan kesempatan ini untuk menjalankan tanaman kontan seperti tanaman jagung tanaman lain-lain sayur-sayuran dan sebagainya kerana ia telah dapat berjaya mendapatkan hasil dan daripada kempen-kempen sama ada milik kerajaan barisan, ataupun kerajaan pakatan menjadikan golongan-golongan muda ini ingin menceburkan diri sebagai usahawan tani. Malangnya oleh sebab tanah tidak mencukupi jadi mereka menggunakan tanah-tanah rizab kerajaan. Cuma kebimbangan yang tadi dibangkitkan oleh Damansara Utama adanya keperluan untuk supaya mereka ini apa orang kata legal. Kalau tidak dia akan rasa kebimbangan apabila mereka menggunakan rizab-rizab ini mereka akan datang penguatkuasaan daripada Pejabat Tanah dan mungkin tindakan ataupun bukan mungkin ada kes di mana penguatkuasaan telah diambil. Mereka tanam tanaman itu dicabut dan dimusnahkan. Jadi saya ingin mengharap supaya pelaksanaanlah dasar untuk membenarkan penggunaan tanah-tanah rizab kerajaan ini bagi kegunaan petani-petani apa ni dapat dilaksanakan.

Yang ketiganya berkaitan dengan isu tanah ini juga ialah kedudukan tanah-tanah rizab yang telah diduduki dengan rumah-rumah. Ini saya pun tidak dapat mengelak daripada memperkatakan di kawasan saya sebab banyak tanah-tanah rizab yang tidak digunakan. Ini telah dibina-bina rumah. Saya ingat sebab itu YAB Dato' Menteri Besar turun ke Tanjung Karang. Saya pun hadir dan jugak saya telah mengemukakan memorandum daripada mereka peneroka-peneroka yang terlibat ini. Mohon supaya kedudukan mereka diberikan pertimbang oleh kerajaan Negeri. Tapi kemudiannya mereka telah mendapat surat bahawa permohonan mereka tidak dapat dipertimbangkan. Sehubungan ini kedudukan mereka ini menjadi orang kata menjadi kebimbangan usahawan sebab mereka telah tinggal lama di situ, mereka tinggal rumah kediaman dan mereka tidak ada, kebanyakan mereka adalah nelayan-nelayan. Nelayan-nelayan pantai, nelayan-nelayan kecil yang terdiri daripada pendapatan rendah. Mereka ini semua menerima BRIM ya, pendapatan memang 3 ribu ke bawah. Mereka memang tidak mampu lah mempunyai orang kata berkemampuan untuk membina apa orang kata rumah sendiri. Tak ada tanah pun. Jadi saya ingat dasar saya mintalah dari segi ni kerajaan memaklumkan dasar penggunaan tanah-tanah rizab yang telah diduduki begitu lama supaya mereka ada *Locus standy* dengan izin. Jadi itu tiga perkaralah saya perkaralah saya perkaralah dengan isu PTG ini.

**Y.B. DATO' ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Speaker, boleh tak saya bagi sedikit sahaja, bagi ruang kat saya.

**TUAN SPEAKER:** Ok sedikit saja

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Ok sikit, memang sikit. Terima kasih kepada YAB Dato Menteri. Saya ingin bertanyalah apakah penyelesaian ya Rumah Tradisi ke-2 di FELDA Gugusan Sungai Dusun ini. Memang telah saya dengar telah diambil alih oleh PKNS....

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam kita bicara tentang .....

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tanah....

**TUAN SPEAKER:** Bukan tanah ni fasal perbelanjaan....ikut pada muka surat mana Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Ini tadi ...50.....ok.....

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam....duduk dulu....duduk dulu.....

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Jadi apa pun saya mengharapkan supaya dilihat perkara ini seberapa segera walaupun kita dapat maklumat PKNS telah mengambil alih kawasan ini supaya dibina rumah ini dan kita mengharapkan supaya rumah-rumah ini diberi kemudahan kerana memandangkan ya....memandangkan penduduk di situ tinggal satu rumah tiga keluarga pun ada jadi kita harapkan supaya diambil tindakan seberapa segera dan bajet biarlah.....

**TUAN SPEAKER:** ....Kita bincang vot ini. Duduk Hulu Bernam. Saya minta pihak kerajaan untuk akan menyiasat. Mungkin ...Taman Templer dulu. Kota Alam Syah dulu.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Timbalan Speaker, hanya seperkara berhubung tentang Permatang berkenaan dengan Kampung Yu, beberapa siri mesyuarat telah diadakan untuk mengenal pasti individu-individu yang patut diberikan tapak tersebut namun tapak kini telah dicerobohi oleh beberapa individu termasuk bukan daripada kaum India akhirnya pada pagi ini pun diadakan mesyuarat di Pejabat Tanah Kuala Selangor. Saya difahamkan melebihi 160 permohonan sudah ada. Dan mereka telah memastikan dengan mengeluarkan beberapa nama atas dasar seperti yang telah dikatakan atas dasar umur dan juga siapa yang tinggal di Kuala Selangor daerah Kuala Selangor dan berdekatan dengan tapak tersebut. Saya percaya isu ini akan diselesaikan dalam jangka masa yang pendek. Terima kasih.



**TUAN SPEAKER:** Taman Templer

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Timbalan Speaker, respons kepada Permatang. Yang pertama berkaitan dengan TKPM Bestari Jaya yang diketahui umum bahawa termasuk dalam kawasan HORAS 3000 yang telah pun diwartakan sebagai Badan Air. Walau bagaimanapun aktiviti TPKM di sana sehingga ke hari ini kita tidak meletakkan limit masa. Walau bagaimanapun tanah itu milik KEDB yang sekarang ini dalam proses di antara Jabatan Pertanian, Pejabat EXCO dan juga para peserta bersama dengan KEDB untuk kita bincangkan dari sudut penggunaan itu. Sehingga ke hari ini penggunaannya masih diteruskan seperti biasa. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Pengerusi ingin saya *respons* kepada beberapa perbahasan yang dibangkitkan. Yang pertama daripada Y.B. Kampung Tunku berhubung permohonan untuk mengalihkan *stockpile* pasir-pasir laut ini. Untuk maklumat YB setakat ini pihak PTG telah menerima 2 permohonan secara rasmi. Satu di daerah Kuala Langat dan satu lagi di daerah Klang. Pihak PTG telah pun memberikan kelulusan di daerah Kuala Langat dan bagi permohonan di daerah Klang PTG sedang menunggu ulasan teknikal sebelum keputusan dibuat. Berhubung dengan pandangan perbahasan daripada Y.B. Dengkil tentang tanah di untuk pembangunan Taman Permata ini yang belum dipindah milik kepada KPTG pihak PTG baru sahaja menerima permohonan daripada Persekutuan dan kita dalam proses untuk pemindahan hak milik dan ini dapat dilakukan dalam masa yang terdekat, *Insyaa-Allah*. Tentang isu di Taman Putera Perdana saya akan dapatkan maklumat yang lebih terperinci khususnya tentang berkenaan bayaran RM2000 untuk mendapatkan milik individu di La Cottage pangsapuri yang berkenaan dan saya akan berikan secara bertulis kepada Y.B. Yang ketiga yang dibangkitkan oleh Damansara Utama tentang kelewatan pekeliling dari pihak PTG berhubung perkara-perkara yang telah pun diputuskan dalam sidang dewan yang lalu tentang permohonan TOL. Memang benar ada kelewatan dan saya telah mendapatkan penjelasan daripada pihak PTG bagaimana perkara ini berlaku. Saya telah mendapat, dimaklumkan bahawa kelewatan ini berpunca daripada percanggahan pendapat antara pihak PBT dan juga Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan kegunaan yang boleh dicadangkan tentang 5 aktiviti yang berkenaan. Dan oleh sebab ada perbezaan pandangan dan pendapat tentang kegunaan yang boleh dicadangkan ini maka beberapa siri perbincangan telah pun diadakan bagi memuktamadkan satu garis panduan yang boleh diterima pakai oleh semua pihak PBT dan PDT dan ianya telah pun dikeluarkan secara rasmi pada bulan September 2015. Cuma saya bersetuju dengan Yang Berhormat perkara-perkara yang telah diputuskan oleh dewan ini dapat dilaksanakan sendiri supaya apa yang diputuskan bahawa dapat diterjemahkan untuk diambil tindakan. Sekinchan membangkitkan tentang cadangan premium pajakan khususnya di kawasan luar bandar iaitu dapat disemak semula. Saya akan berbincang dengan pihak PTG. Kita lihat keperluan

yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tentang perlombongan *bauxit* ini memang Kerajaan Negeri telah menerima beberapa permohonan tetapi semua permohonan ini dibekukan pada ketika ini kerana kita belum ada satu dasar yang jelas untuk membenarkan perlombongan *bauxite* ini. Ini memandangkan tragedi dan insiden di Negeri Pahang yang menyebabkan Kerajaan Negeri kena lebih berhati-hati dalam memberikan kelulusan bagi tujuan yang berkenaan. Walau bagaimanapun rangka dasar yang telah dicadangkan oleh PTG telah pun dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa *STANDCO* Tanah baru-baru ini walau bagaimanapun Jawatankuasa *STANDCO* Tanah meminta supaya dasar-dasar yang dicadangkan itu diperhalusi semula kerana kita mahu satu garis panduan yang tegas daripada tapak perlombongan sehinggalah pelabuhan. Saya sendiri telah melihat apa yang berlaku di Negeri Pahang keseluruhan tapak perlombongan, jalan-jalan ke tapak ke pelabuhan dan di pelabuhan sendiri telah dicemari oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan ini pastinya tidak boleh berlaku di Negeri Selangor. Kita belum lagi mempunyai satu garis panduan dan dasar yang boleh diberikan kelulusan kepada permohonan kerana pihak PTG masih lagi menghalusi perkara ini. Yang ketiganya tentang tanah-tanah rizab Melayu yang di BNO itu Bagan bukan Noh Omar, Nahoda Omar kita akan semak dengan pihak PTG bagaimana kita nak laksanakan soal tanah rizab Melayu kita sedia maklum seperti yang kita sebut pada pagi ini kita boleh batal bukan bagi tujuan tertentu dan diganti dengan tapak yang lain dengan nilai yang sama tapi pastinya kita nak tengok susun atur bangunan di kampung yang sedia ada ini supaya masalah keselamatan, kesejahteraan rakyat itu dapat diambil kira kerana apabila kita membeli hak milik kepada penduduk pastinya kerajaan juga bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur seperti jalan, *set back* untuk mengelak perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Yang Berhormat Permatang membangkitkan isu penguatkuasaan di Pejabat Tanah yang juga disambut oleh Yang Berhormat Sungai Burong sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah pun meluluskan pengambilan penguat kuasa seramai 115 orang yang menelan kos sebanyak 4.2 juta ringgit termasuk logistik. Pecahannya ialah 100 orang sebagai Pembantu Penguat kuasa dan 15 orang sebagai Penolong Pegawai Tanah dan 12 unit kenderaan *four wheel drive* ini dan kesemuanya menelan belanja 4.2 juta ringgit. Dan kita berharap dengan pengambilan yang baru ini dapat membantu menyelesaikan beberapa masalah penguatkuasaan di Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Selangor. Berhubung keprihatinan Sungai Burong di mana lori-lori menjalankan aktiviti-aktiviti perlombongan ini boleh merosakkan jalan-jalan utama khususnya saya ingin memaklumkan bahawa setiap permohonan perlombongan pasir ini kita akan kenakan defisit kepada pihak yang menjalankan aktiviti ini sebagai deposit infrastruktur kepada PBT dan juga JKR untuk membaiki jalan-jalan yang sekiranya berlaku kerosakan dan deposit dikenakan ialah sebanyak RM50,000.00 dan wang ini akan digunakan sekiranya pihak berkenaan tidak menyelenggarakan jalan-jalan yang berkenaan. Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Hulu Bernam dia tidak ada kaitan dengan...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Boleh minta penjelasan sedikit Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Melihat kepada defisit yang dikenakan ini sama ada di sekali atau pun bergantung kepada aktiviti-aktiviti permohonan itu. Sebab saya melihat jalan yang dimusnahkan itu kalau nak membaiki dengan RM50,000.00 ini tidak mencukupi walaupun kalau nak menampal atau menurap semula kerana melibatkan jalan besar. Dia laluan itu bukannya dekat sebab daripada tempat kawasan dia mengeluarkan melalui Pekan Batang Berjantai kemudian itu dia bergerak sampai ke Batu 7, Ijok. Jadi kalau Yang Amat Berhormat dapat sekali pun pergi tengok keadaannya jalan ini baru sahaja diturap tapi dah jadi macam jalan berombak-ombak laut dan orang kata rosak dan sebagainya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih di atas maklum balas dan sebagainya daripada Yang Berhormat Sungai Burong, saya akan meminta pihak yang berwajib meneliti perkara ini di lapangan dan mengambil tindakan yang tegaslah kerana kita tidak mahu perkara ini berulang di tempat-tempat yang lain. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jadual B 9 – iaitu wang sejumlah RM25,836,798.00 (Ringgit Malaysia Dua Pulih Lima Juta Lapan Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Tujuh Ratus Sembilan Puluh Lapan) untuk Kepala B. 9 Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA:** Jadual B.10 – Jabatan Perhutanan, RM21,791,491.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Satu Juta Tujuh Ratus Sembilan Puluh Satu Ribu Empat Ratus Sembilan Puluh Satu).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jadual B.10 – iaitu wang sejumlah RM21,791,491.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Satu Juta Tujuh Ratus Sembilan Puluh Satu Ribu Empat Ratus Sembilan Puluh Satu) untuk Kepala B.10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA:** Jadual B.11 – Pejabat Mufti, RM3,581,129.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Lima Ratus Lapan Puluh Satu Ribu Satu Ratus Dua Puluh Sembilan).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada kod 505000 Pentadbiran dan Kewangan. Pengurusan terhadap *website* yang pertama saya nak sebut Jabatan Mufti apa yang sepatutnya kita harapkan ialah satu kunjungan yang ramai di kalangan masyarakat Islam terutama sekali sebab kita ada lebih kurang hampir 3 juta boleh jadi masyarakat umat Islam. Tetapi dalam rekod kita mendapati kunjungan terhadap *website* untuk melihat Jabatan Mufti lebih kurang dalam 300 ke 400 lebih kurang dalam masa satu hari. Apa yang ingin saya cadangkan ialah dalam terutama sekali isu yang berkaitan dengan soal fatwa sebab saya fikir masyarakat perlu didedahkan tentang fatwa-fatwa yang terbaru supaya ia menjadi satu panduan dan saya kira bukan sekadar panduan kepada masyarakat tetapi juga kepada pentadbiran kerajaan itu sendiri. Sebab kalau kita teringat kepada satu apa yang nabi sebut dalam satu hadis dengan izin “Bahasa Arab”. Dunia ini atau urus tadbir itu akan menjadi cantik, luruh dengan empat sebab cuma yang saya menyebut yang pertama kata nabi ialah “Bahasa Arab” iaitu dengan panduan pengetahuan di kalangan ilmu, orang yang berilmu. Jadi saya fikir kita boleh jadi selama ini dalam soal fatwa ini kita memberikan satu keputusan hukum berdasarkan kepada isu yang telah berlaku dalam negeri. Bila ada satu isu maka kita berikan satu fatwa apa boleh jadi perlu buat masa sekarang untuk kita sebelum isu itu masuk ke dalam negara, kita sudah *pre-em* satu gambaran terhadap fatwa ataupun hukum sekiranya ianya masuk dalam negara kita. Umpamanya macam sekarang ini isu berkaitan dengan *vape* rokok itu jadi masyarakat sepatutnya dah tahu dah sebelum perkara itu masuk ke negara kita ke Selangor umpamanya anak-anak muda dah tahu dah apa hukum dari sudut *vape*. Kita tak nak nanti masyarakat dah terlibat dengan suatu perkara baru kita kemukakan satu isu, satu fatwa. Jadi ianya sudah semacam satu yang sudah dilakukan oleh masyarakat ini yang saya nak sebut tak kira dalam isu apa terutamanya dalam soal isu-isu bab berkaitan dengan amalan-amalan sosial ataupun berkaitan dengan wirid-wirid, berkaitan dengan zikir-zikir. Jadi oleh sebab itu boleh jadi Jabatan Mufti perlu kepada satu lagi kerja dengan tenaga-tenaga pakar yang kita boleh bayar kepadanya untuk pergi ke negara-negara persekitaran. Melihat wabak-wabak yang sudah ada dah dalam negara mereka dah perlu kepada hukum sebelum dia masuk dalam negeri kita itu sendiri. Ini penting tak kiralah apa sahaja isu yang berkaitan dan satu lagi dalam *website* ini kalau boleh saya sebut boleh jadi penampilannya kurang menarik untuk dilawati untuk masyarakat oleh orang ramai. Umpamanya tentang memaparkan tentang isu-isu, fatwa-fatwa yang terkini atau pun isu-isu yang berkaitan dengan hukum-hukum masyarakat. Dia tidak ada pengelasan misalnya terhadap ibadat-ibadat umpamanya ambil hal-hal berkaitan dengan ibadat. Apa yang ada dalam *website* hanyalah memaparkan tentang soal jawab berkaitan dengan ibadat. Jadi dicampur semua dalam satu laman itu soal haji, soal sembahyang dalam satu. Jadi saya nak mencadangkan supaya dia ada satu justifikasi boleh jadi ini perlu kepada tenaga juga kerana boleh masukkan dalam Jabatan Mufti yang pakar untuk mengendalikan *website* ini. Umpamanya bab solat umpamanya dia ada satu kolum bab solat sahaja soal, bab mengenai haji satu kolum

sahaja bab mengenai jadi semua itu menjadi rujukan kepada pengunjung-pengunjung supaya kita mengharapkan daripada hampir 3 juta umat Islam itu paling tidak pun dalam 20% ke, 30% masyarakat boleh mengunjungi. Sebab ini satu yang penting saya fikir untuk menjadi tatapan terutama sekali kita boleh merujuk kalau sekiranya kita perlu sangat untuk segera untuk mendapatkan satu hukum dalam hal-hal yang berlaku terhadap masyarakat Islam. Ini yang saya kemukakan ini supaya boleh jadi penambah baikkan terhadap *website* Jabatan Mufti dan satu lagi ialah soal pembaikan-pembaikan boleh jadi sama ada pembaikan kecil ke, pembaikan besar ke yang selama ini kekesalan yang berlaku kepada sebab sekarang ini kita dah dibangunkan hampir tiap-tiap daerah kita dah ada mahkamah tetapi satu yang paling penting di sana bukan soal Mahkamah Syariah tetapi juga hal-hal yang banyak berlaku dalam pelanggaran. Soal Mahkamah Syariah apabila berlaku soal jawab sebahagian mereka tidak dapat kesalahan itu kerana dia tidak mengetahui tentang hukum-hukum itu suatu yang salah. Jadi sebelum ianya pergi kepada Mahkamah Syariah soal penjelasan terhadap hukum itu biarlah didapati oleh masyarakat di dalam *website* yang mudah dirujuk supaya selepas daripada itu kita sudah mengemukakan satu bentuk *website* yang cantik untuk ditatapi oleh masyarakat, sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Pengerusi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya ingin mengikuti perbincangan dalam Jabatan Mufti kod 5050000 saya dapati, saya menghormati Jabatan Mufti atas usaha-usaha untuk mentadbir hukum baik bagi perkara hukum yang tidak jelas tapi apakah kuasa yang ada pada Jabatan Mufti. Setelah hukum-hukum itu dibuat tidak ada penguatkuasaan, ini adalah *website* Jabatan Mufti fatwa tentang merokok, merokok hukumnya haram di "*simple*" tidak nampak apa. Tidak ada penjelasan tetapi Jabatan Mufti tidak ada kuasa dan jabatan-jabatan lain juga tidak melaksanakan fatwa ini. Jadi orang macam mengetawakan fatwa ini kerana tidak ada satu penguatkuasaan pada fatwa, kalau fatwa ajaran sesat JAIS bertindak tetapi fatwa haram merokok ini saya rasa pegawai-pegawai kerajaan juga tidak mengikut fatwa ini. Saya rasa yang terbaru adalah *Vape*. Jadi kita Singapura tidak mengikut fatwa tapi mengharamkan merokok di kawasan lapang di Singapura juga di Jepun pun (Gelak). Jadi di Selangor yang kita ada fatwa yang ulama-ulama berfikir memerah otak berfikir mentadbir hukum apakah dia punya kaedah maka jatuh hukum tapi tiada pelaksanaan. Adakah PBT boleh melaksanakan fatwa-fatwa yang dibuat oleh Jabatan Mufti. Jadi saya mencadangkan supaya ada satu keserasian antara-antara Jabatan-jabatan dengan Jabatan Mufti kalau tidak kesian kepada ulama-ulama membuat hukum tetapi orang tidak pandang kepada hukum ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan isu ajaran sesat. Semasa saya menunaikan ibadat Haji baru-baru ini jumpa jemaah haji daripada Melaka, Perak dia kata Tuan Haji datang daripada Hulu Kelang ya dekat Kemensah ada ajaran sesat. Bayangkan satu Malaysia di Hulu Kelang ini ada banyak ajaran sesat. Jadi tadi saya menghubungi Dato' Mufti dia membuat semakan maklumat baru diterima RND Daerah Gombak dan RND Kuarters JAIS setakat ini baru khabar angin dan akan disiasat terus. Jadi isu ini penting begini apa punca dalam peruntukkan Bajet ini perlukan kita memberi secukup peruntukkan bagi Mufti dan pasukannya menjalankan kerja-kerja penerangan dakwah dan sebagainya bersama-sama dengan JAIS, di mana saya dalam dua tahun yang lalu dalam mengutarakan *roadshow* dengan Dato' Mufti sendiri dengan pasukannya turun dari satu tempat ke satu tempat, di tempat-tempat yang *hotspot* agar isu ajaran sesat ini *clear*. Dan saya buat siasatan juga sebagai ADUN saya dapati kumpulan-kumpulan dinyatakan ajaran sesat dia terdiri daripada kalangan yang pengetahuan profesional *Engineer*, Doktor dan sebagainya. Jadi kita hairan bagaimanakah perkara dapat berlaku dengan itu saya menyokong peruntukkan yang secukupnya bagi Pejabat Mufti untuk menjalankan tugas ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan pihak Kerajaan.

**Y.B. DATO' Dr. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih kepada Sabak, Kota Anggerik dan Hulu Kelang yang memberikan pandangan-pandangan berkaitan dengan Jabatan Mufti. Saya kira ini antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Jabatan Mufti terutamanya adalah bagaimana untuk memperkasakan Jabatan Mufti itu sendiri daripada segi informasi salah satunya yang sebutkan oleh sahabat tadi berkaitan *Vape* Jabatan Mufti sendiri yang saya kira pencapaiannya memang rendah. Sebab itulah saya mungkin di atas keprihatinan masyarakat sendiri untuk melihat atau melayani laman *website* itu memang terlalu rendah dan antara usaha yang dilakukan Jabatan Mufti sendiri ialah pada hari ini ialah dengan satu program iaitu memasyarakatkan Jabatan Mufti yang dilakukan yang mana daripada Jabatan Mufti turun kepada masyarakat memberi penerangan dalam bentuk menyebarkan *brochure*, *flyer* kepada masyarakat. Supaya informasi-informasi itu berkaitan dengan fatwa-fatwa dan sebagainya termasuklah ajaran sesat dan sebagainya. Supaya dimaklumi oleh masyarakat dan kita melihat betapa *respons* daripada masyarakat sebenarnya dapat ditunjuk dengan sedikit pertambahan yang kita lihat dengan tidak langsungnya pencapaian daripada laman web itu juga menunjukkan sedikit peningkatan. Di samping itu usaha daripada....

**TUAN SPEAKER :** Sabak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Saya hendak supaya EXCO boleh tambah lagi sedikit bukan sahaja yang baru sahaja perlu kepada satu penyelesaian sahaja hukum tetapi kita perlu balik kepada *basic* kerana masyarakat kadang-kadang tidak

balik ke belakang dia lupa perkara yang sebenarnya kepada fatwa perkara yang hendak membezakan antara rasuah dengan derma, derma dengan rasuah itu kadang-kadang sukar dibanding. Adakah setuju adakah kita balik kepada *basic* kepada perkara-perkara bukan fatwa tetapi jelas hukum.

**Y.B. DATO' Dr. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya kira itu antara sangat penting sebenarnya. Cuma dengan hukum sendiri pun kadang masyarakat tidak memandang begitu jelas sebab itulah antara perkara-perkara program-program yang kita memperkasakan melalui institusi-institusi format atau tidak format termasuklah kuliah-kuliah di masjid-masjid berkaitan dengan perkara-perkara agama ini kita memperkasakan. Cuma perkara-perkara yang disebutkan dengan fatwa itu sendiri saya kira secara umumnya masyarakat pada hari ini perlu mendapat penjelasan lebih lanjut lagi antara usaha yang saya sebutkan tadi bagaimana Mufti turun kepada masyarakat dan saya selaku Pengerusi Portfolio atau EXCO yang telah diamanahkan menjaga Portfolio Agama Islam melalui program 3K yang kita lakukan kita libatkan semua agensi-agensi atau jabatan-jabatan di bawah Agama Islam termasuklah Jabatan Mufti sendiri kita bawa bersama-sama turun ke setiap daerah memberikan informasi-informasi termasuklah berkaitan-berkaitan dengan berdasarkan dengan isu-isu fatwa, ajaran sesat, ilmu falak dan sebagainya. Sebagai kesedaran kepada masyarakat dan *alhamdulillah* dengan usaha-usaha seperti ini membolehkan sedikit kefahaman masyarakat itu sendiri

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang minta penjelasan. Sila Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Y.B. EXCO, yang selalu berlaku apabila fatwa dikeluarkan Pejabat Mufti yang mengeluarkan poster yang besar dan biasanya tidak cukup kalau tempat sayalah di semua masjid dan surau ada tersebut. Selain poster boleh tak disediakan bahan-bahan yang kecil ringan dan boleh disimpan dalam poket dan sebagainya yang boleh dibuat kajian oleh penduduk.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' Dr. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Buat masa ini dengan adanya peruntukkan yang ada di Jabatan Mufti mereka mampu lakukan peruntukkan yang ada sekadar mereka boleh membuat *flyers-flyers* dan sebahagian besarnya *flyer* yang berbentuk fotokopi. Dan saya kira ini antara isu-isu lain. Kursus-kursus lain yang saya kira pun bila diberi amanah untuk menjaga hal ehwal Islam barulah saya tahu bahawa di Jabatan Mufti sendiri pun banyak dalam bentuk *flyers* dan buku-buku yang sedia ada dan apabila kita mengadakan program-program kemasyarakatan ini kita saya pun masyarakat luar memang banyak yang tertinggal dari segi informasi-informasi ini. Sebab itulah antara usaha-usaha kita bawah Jabatan Mufti ke masyarakat terutama masyarakat Islam itu sendiri yang pada hari ini impak yang cukup baik. Terima kasih juga kepada Kota Anggerik yang saya kira perkara yang

sangat penting inilah yang kita fatwakan dan kita kuat kuasa kan fatwa dan apa tindakan kita seterusnya. Sebenarnya ada satu closer yang saya nanti berikan Kota Anggerik berkaitan ya lah perkara-perkara yang kita boleh tindakan hasil yang kita telah fatwakan. Dan saya kira pandangan positif daripada Ahli-Ahli Dewan tadi saya kan mengambil perkara ini sebagai input saya dan pada Jabatan Mufti hasil bagaimana ini boleh diperkasakan dalam pada masa ini saya kira media dan laman sosial atau laman web ini perkara yang perlu kita memperkasakan menjadi satu media kepada masyarakat umum. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B11 – iaitu wang sejumlah RM3,581,129.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta Lima Ratus Lapan Puluh Satu Ribu Dan Satu Ratus Dua Puluh Sembilan) untuk kepada B.11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B12 – Jabatan Kerja Raya, RM120,180,549.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Juga Satu Ratus Lapan Ribu Dan Lima Ratus Empat Puluh Sembilan).

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 95. Butiran 058000 JKR Hulu Selangor kod yang sepatutnya ialah 303000 Aset tetapi tidak ditulis dalam Butiran Selangor di mana JKR Hulu Langat dan daerah-daerah sebahagian daerah yang lain saya harap pada tahun ini kod ini boleh diselaraskan. Saya pernah menanya melalui pertanyaan bertulis pada awal tahun ini mengenai jenis peralatan yang sedia ada seperti *skylift* dan sebagainya untuk penyelenggaraan jalan di Hulu Selangor. Jawapan yang diperolehi daripada jawapan bertulis daripada saya ialah 5 jenis peralatan yang sedia ada iaitu *Shovel* satu (1) unit, *backhoe* dua (2) unit, *tipper* dua (2) unit, *flat bottom* dua (2) unit, *chainsaw* tiga (3) unit. Daripada jawapan itu saya dapati JKR Hulu Selangor tidak mempunyai *skylift*. Tuan Pengerusi *skylift* merupakan satu peralatan yang sangat penting bagi melakukan kerja-kerja *in house* supaya pokok-pokok di tepi jalan boleh disenggarakan dengan baik dan tidak berlaku tiba-tiba pokok tumbang dan sering berlaku dahan pokok menghalang laluan jalan raya. Apatah lagi JKR Hulu Selangor di tepi jalan-jalannya banyak pokok-pokok besar dan tua. Ini memerlukan *skylift* kerja-kerja menebangkan dan mencantas...

**TUAN SPEAKER :** Ya Kuala Kubu Baharu ia dah nampak spesifik pada setiap Jabatan itu

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Ini membeli *skylift*. Sekali dengan pembekalan

**TUAN SPEAKER :** Proses dan dasar jabatan yang diperuntukkan dalam bajet ini.



**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Ya ia tidak. Saya hanya ada satu *paragraph* hendak habis. So, saya bukan kata pembekalan ini patut membeli satu *skylift*. Saya harap kerajaan Negeri boleh memperuntukkan sejumlah wang kepada semua JKR daerah untuk membeli *skylift* bagi memudahkan kerja-kerja. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Silakan pihak Kerajaan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih kepada Kuala Kubu Baharu di atas keprihatinan Kuala Kubu Baharu keperluan JKR-JKR ini peralatan-peralatan seperti *skylife* dan sebagainya. Perkara itu akan dibawa perbincangan bersama dengan pihak Kerajaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.12 – iaitu wang sejumlah RM120,180,549.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Juta Satu Ratus Lapan Ribu Dan Lima Ratus Empat Puluh Sembilan) untuk Kepada B.12 Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B13 – Jabatan Pengairan dan Saliran, RM103,477,126.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Tiga Juta Empat Ratus Tujuh Puluh Ribu Dan Satu Ratus Dua Puluh Enam).

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan isu berkaitan dengan kompetensi ataupun bagaimana pegawai-pegawai Kerajaan bekerjasama dengan di antara Jabatan dengan Jabatan. Saya merujuk kepada Kod mengikut Kod objek berkaitan dengan insentif 2900. Apa yang saya ingin bangkitkan ialah isu banjir di Air Kuning yang mana Dato' Menteri Besar juga telah melawat pada Disember tahun lepas. Dan setelah lawatan tersebut usaha untuk memastikan banjir di situ selesai tetapi ada masalah yang timbul pula di mana bila JPS memberi tumpuan untuk memastikan banjir situ selesai satu bajet telah disediakan tetapi program itu terhenti separuh jalan disebabkan perbincangan JPS dengan LLM tidak selesai. Jadi longkang yang dibuat itu sekadar sekerat jalan sahaja dan LLM tidak memberi laluan untuk meneruskan projek itu sebab surat kebenaran untuk membina itu tidak dibuat. Jadi saya memohon projek yang sepatutnya telah diluluskan 10 Jun 2015 disebabkan pengurusan Jabatan dengan jabatan dan Kementerian ia melewatkan dan hasilnya setiap minggu Sungai Rasah banjir. Dan saya memohon pihak Kerajaan membincangkan dan memberikan faktor dan fokus kecekapan dan perbincangan isu-isu yang dibangkit ini perlu ditekankan sebaik mungkin. Itu sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 100. Kod 505000 Objek sebagai 28000 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil. Saya merujuk kepada isu ini mengenai penyelenggaraan kolam-kolam tadahan di semua daerah dan saya memohon walaupun nampak ada penambahan dalam Bajet tahun 2016 untuk penyelenggaraan kolam-kolam tadahan, isu-isu sampah sarap yang selalu memenuhi kolam tadahan ini harus ditangani dengan lebih cekap terutamanya pagi tadi saya menerima aduan dan gambar dari penduduk di Taman Putera Budiman, selepas hujan lebat dua tiga hari yang lepas ni, yang berturut-turut kolam tadahan sekarang dipenuhi dengan sampah sarap terutamanya dengan kotak-kotak bungkusan nasi. Jadi saya berharap pihak Kerajaan memberi perhatian kepada isu ini. Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Pengerusi. Saya merujuk muka surat 100 juga, kod 505000 berkenaan dengan banjir kilat yang berlaku di MRR2 yang berada di kawasan Hulu Kelang khususnya di depan Kampung Pasir. Saya memang tahu bahawa bidang kuasa ini adalah bidang kuasa JKR tapi saya menghubungi JPS tadi dan di sebelah MRR2 itu adalah sungai Kelang. Jadi dia menegaskan memang bulan November, Disember ini hujan lebat, pemantauan akan dilakukan tapi pemantauan ini tidak dapat mengatasi masalah yang sedang dihadapi macam semalam, air naik agak tinggi di MRR2 menyebabkan banjir dan menyebabkan Kampung Klang Gate dan Kampung Panjang. Jadi apabila saya menghubungi nak *confirm* tu saya hubungi Pengarah JKR dia menegaskan bahawa memang masalah tu adalah masalah *culvert* yang ada saiz. Dan ini kita dah tahu dan saya dah buat aduan banyak kali dan jadi masalahnya yang *real* pada hari ini ialah masalah kerjasama penyelarasan di antara JPS dan JKR berkenaan kawasan-kawasan banjir di *stretch* MRR2 khususnya di Hulu Kelang terutamanya Klang Gate, Kampung Pasir hinggalah ke Ampang akan berlaku walaupun setengah jam tapi membawa, menjejaskan keadaan. Pertamanya saya ingin menegaskan bahawa kerjasama di kalangan agensi-agensi kerajaan hendaklah ditingkatkan dan tindakan yang tuntas yang seluruh, yang total hendaklah dilakukan kerana masalah ini telah berlaku sejak tahun 2009, 2010 dan kita adu, kita *identify* masalah nya adalah *culvert* di bawah MRMR2 tu yang *under sized*. Jadi kalau boleh diambil tindakan pihak JKR bekerjasama dengan pihak JPS dan JKR pusat untuk menyelesaikan masalah yang mengganggu kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pihak Kerajaan silakan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Pengerusi, terima kasih kepada Batu Tiga yang membangkitkan dari sudut penyelarasan di antara agensi termasuk agensi negeri dan LLM itu sendiri dan yang dikhususkan banjir air kuning, itu akan diambil perhatian dan akan dibantu oleh peringkat EXCO sendiri terutamanya dalam *Task*

*Force* Tebatan Banjir yang sentiasa kita fokus agenda kita kepada *specific issue* dan kita akan panggil agensi-agensi yang terlibat termasuk ADUN. Jadi perhatian kepada Ahli-ahli Dewan kalau ada *specific issue* yang sebegini boleh diajukan untuk bawa di peringkat negeri untuk dibincangkan. Begitu juga persoalan yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang juga perkara yang sama, saya kira perlu diberi perhatian kerjasama di antara agensi yang disebut di sini, antara JPS, JKR dan sebagainya, isu yang sama, solusinya seperti yang saya sebutkan Batu Tiga tadi.

Berkaitan dengan Balakong yang membangkitkan berkenaan dengan pengurusan kolam takungan, ia adalah menjadi satu fokus kita di peringkat Kerajaan Negeri melalui JPS untuk mengatasi masalah-masalah banjir kilat ini dan seperti mana yang kita tahu peruntukan yang besar sehingga RM12 juta untuk kita membuat kerja-kerja pembaikan dan juga pengurusan kolam-kolam takungan ini dan pihak kerajaan akan memberi perhatian kepada kolam yang dimaksudkan oleh saudara dari Balakong. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jadual B.13 – iaitu wang sejumlah RM 103,477,126.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Tiga Juta Empat Ratus Tujuh Puluh Ribu Dan Satu Ratus Dua Puluh Enam) untuk Kepala B.13 Jabatan Pengairan dan Saliran, menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B.14 – Jabatan Agama Islam Selangor, RM264,035,004.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Enam Puluh Empat Juta Tiga Puluh Lima Ribu dan Empat).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Taman Medan ingin membangkitkan perkara di bawah Vot B.14 Kod Objek 29000 di bawah tajuk Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain-lain. Kini adalah masa dijalankan pemilihan Jawatankuasa baru bagi masjid-masjid. Taman Medan dapati ada perubahan berlaku dari segi terdapat masjid-masjid yang jawatankuasanya dipilih oleh qariah dan jenis yang lagi satu adalah ditetapkan oleh sama ada JAIS atau MAIS dan dimaklumkan juga masjid-masjid yang dipilih ataupun dipilih jawatankuasanya oleh JAIS atau MAIS akan dilantik juga Pegawai-pegawai Eksekutif untuk menguruskan segala perkara berkaitan dengan masjid. Jadi persoalannya sekarang ahli qariah tidak dimaklumkan syarat atau kriteria pemilihan masjid-masjid yang dikecualikan pemilihan oleh ahli-ahli qariah dan mereka amat tidak bersetuju kerana hak mereka untuk memilih yang akan menguruskan masjid yang mereka selalu kunjungi oleh seorang atau pihak lain yang mungkin tidak tahu apa yang berlaku setiap hari di masjid tersebut. Itu perkara pertama.

Yang keduanya, bagaimana masjid-masjid ini lain daripada masjid-masjid yang diberi hak untuk ahli qariah memilih. Jadi Taman Medan mohon supaya dimaklumkan atau diberi pemakluman yang awal kepada ahli qariah supaya mereka faham akan situasi atau perubahan yang berlaku dan mereka juga boleh ataupun berhak memberi pandangan tentang cara bagaimana ataupun kaedah yang digunakan untuk pemilihan ahli jawatankuasa masjid. Itu sahaja. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Pengerusi saya merujuk kepada 505000 iaitu Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan. JAIS antara jabatan yang banyak dapat peruntukkan untuk pembangunan dan JAIS juga antara jabatan yang prestasi perbelanjaannya agak rendah. Biasanya alasan yang diberikan kerana JAIS tidak ada Jurutera sendiri dan JAIS bergantung kepada Jurutera JKR. Banyak kali perbincangan dibuat supaya sekurang-kurangnya ada Pegawai J48 berada di JAIS untuk menguruskan pembangunannya sendiri atau sebahagian projek-projek kecil supaya JAIS buat sendiri. Keduanya berkaitan dengan 41000 Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan. JAIS menaja pelajar-pelajar keluar negara khususnya Timur Tengah seperti Jordan, Mesir dan Syria tak ada lagi sekarang nampaknya. Apa yang berlaku ialah bila Ringgit Malaysia jatuh dan Dinar Jordan melambung tinggi sekali, dan pemberian biasiswa ini pada Ringgit dan sudah pasti pelajar-pelajar kita yang di luar negara menghadapi masalah kewangan yang sangat serius. Apakah pihak JAIS sedia untuk membuat program khas, bantuan khas untuk membantu pelajar-pelajar ketika keadaan Ringgit jatuh teruk sekali?

Seterusnya ialah 2251700 – Dakwah. Bajet Dakwah di sini cuma RM1.4 juta. Saya rasa agak rendah. Kita perlukan program Dakwah yang agak besar yang perlu dilaksanakan oleh JAIS dan kalau dengan bajet yang besar itu boleh kita laksanakan banyak program. Terima kasih Pengerusi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Terima kasih. Saya nak melanjutkan Kota Anggerik sedikit tadi supaya Dewan pada petang ini boleh merakamkan satu jawapan supaya pelajar-pelajar kita di luar negara terutama sekali bantuan umum yang kita beri kepada mereka selama ini dalam lebih kurang RM6,000.00. Jadi kalau boleh kita nak jawapan pada hari ini tentang bila penambahan itu akan dibuat dan berapa jumlahnya terutama sekali melibatkan dermasiswa dan juga bantuan umum kepada pelajar-pelajar. Yang Jordan umpamanya bukan saya sendiri ada pengalaman belajar di Jordan, tetapi kita dimaklumkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia menyebabkan hari ini pelajar-pelajar terpaksa menanggung kos yang terlalu tinggi, sara hidup yang tinggi. Belajar di Jordan berbeza dengan belajar di Eropah. Di *Europe* pelajar-pelajar mahasiswa dia boleh bekerja di samping mencari dana untuk mereka belajar tetapi di Jordan mereka tidak boleh bekerja seratus

peratus mengharapkan. Jadi oleh sebab itu RM6,000.00 umpamanya bantuan umum itu bukan sekadar tidak dapat menampung perbelanjaan belajar tetapi untuk satu semesta pun sebenarnya masih lagi kekurangan. Jadi oleh sebab itu sekarang pelajar yang baru masuk lebih kurang dalam RM4.20 – 1Dinar, sekarang RM6.10 bagi 1Dinar. 7.5. Saya nak jawapan ini sebab selepas Sidang DUN ini saya akan kebetulan akan ke Jordan. Jadi oleh sebab itu ada jawapan yang boleh saya sampaikan kepada mereka khususnya ini lah negeri yang *SMART* yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Speaker, Pengerusi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Saya merujukkan B.14, Vot B.14 muka surat 104 Butiran 5050000 – Pentadbiran dan Kewangan, Gaji dan Upahan. Saya merujuk kepada, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Kerajaan kerana menaikkan elaun guru KAFA. Saya bertanya kepada Kerajaan tentang Pembantu Guru Tadika JAIS yang dikatakan elaun mereka hanya RM750.00 sebulan. Mereka hanya 90 orang pada seluruh Selangor dan hanya 9 tadika di seluruh Selangor. Jadi adakah ini benar dan apakah tindakan Kerajaan supaya sejajar dengan *SMART* dan Peduli Rakyat?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Hulu Kelang. Saya harap ini yang terakhir ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih. Merujuk muka surat 109 Kod 545000 – Penguatkuasaan dan Vot 548000 KAFA. Saya akan menyentuh Penguatkuasaan. Pertamanya dari segi penguatkuasaan. Biasanya apabila berlaku penguatkuasaan akan timbul sedikit sebanyak kontroversi, pertikaian, pandangan, *public opinion* dan sebagainya. Jadi saya merayu agar mencadangkan agar peruntukan yang ada diberikan juga dalam bidang latihan, penguatkuasaan, *public relation* dan memastikan bahawa satu tindakan itu dimaklumkan dengan jelas apa sebab-sebabnya dan tidak dilakukan dalam keadaan yang menimbulkan kontroversi dari semasa ke semasa.

Kedua ingin saya nyatakan, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana menaikkan gaji guru KAFA dan walau bagaimanapun sebahagian daripada beberapa buah KAFA termasuklah SRAI@Sekolah Rendah Agama iaitu di bawah JAIS sepenuhnya ataupun integrasi yang masih mempunyai guru kontrak lantikan PIBG kerana pertikaian antara Unit Pendidikan JAIS dengan SRAI tentang bilangan yang memadai dan cukup. Kalau di SRAI Taman Keramat di Hulu Kelang, perkara ini tidak pernah selesai. PIBG menganggap bebanan guru yang dilantik itu terlalu membebankan mereka merasa untuk kualiti pendidikan anak-anak perlu dilantik guru kontrak, PIBG bayar sepenuhnya. Jadi saya percaya bahawa PIBG sudah berkorban banyak dan perlu dipertimbangkan agar sebahagian daripada peruntukan yang boleh

disalurkan kepada guru kontrak dan melantik mereka bagi guru kontrak JAIS dilakukan dengan segera. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila pihak Kerajaan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengutarakan beberapa persoalan mengenai Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Pertamanya Taman Medan yang membangkitkan berkaitan dengan pemilihan Jawatankuasa Masjid yang kita sedia maklum pada Sidang Pertama Penggal Pertama kita telah luluskan Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Selangor yang juga secara langsungnya kita juga akan mengikuti dengan Enakmen Pemilihan Jawatankuasa Masjid cuma apa yang berlaku pada hari ini kita masih lagi mengguna pakai kaedah pemilihan Jawatankuasa Masjid yang lama, kaedah lama iaitu dengan mengadakan proses pemilihan di peringkat Kariah atau peringkat Masjid dengan mencalonkan 4 Jawatankuasa yang utama Nazir, Timbalan Nazir dan 2 orang Iman yang mana Nazir dan Iman akan ditemu duga dan kemudian ada panel pemilihan di peringkat daerah untuk memilih mereka-mereka yang menara layak untuk di pilih sebagai Nazir dan kaedah yang baru iaitu kaedah Jawatankuasa pengurusan Masjid yang ini yang masih lagi di peringkat. Kita menambah baik kaedah-kaedah tersebut yang mana ini akan dimaklumkan kepada Ahli-ahli Kariah atau pun Masjid-masjid yang terlibat cuma buat masa ini ada 16 buah Masjid yang telah menggunakan kaedah ini iaitu Masjid-masjid Daerah dan juga Masjid-masjid Diraja di peringkat daerah dan berkaitan dengan pemilihan Jawatankuasa Pengurusan ini Iman sebagai Pengurus kepada Masjid akan nantinya proses akan diiklankan dan ditemu duga lantikan sebagai penjawat secara kontrak iaitu N41 dan juga 27 yang akan dilantik oleh di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan buat masa ini masih lagi belum guna pakai kaedah ini dan *Insyah-Allah* dalam masa terdekat selepas kita *final* kan kaedah tersebut kita maklumkan kepada Masyarakat dan akan memudahkan kaedah tersebut.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Mahu celar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Menggunakan kaedah baru dalam pemilihan Jawatankuasa itu apa? Kriteria 16 menggunakan kaedah ini, yang lain itu masih cara yang lama.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Masjid-masjid ini adalah Masjid-masjid Kariah yang mana Masjid-masjid ini adalah Masjid Daerah dan juga Masjid di Raja dan kuasa MAIS dalam mengurustadbirkan ada isu itu sebab kita mulakan dengan Masjid-masjid Link. Saya ingat di Negeri Selangor masih agak fleksibel kerana kita mula menggunakan kaedah lama di samping kaedah yang baru sepatutnya kita mula pakai menggunakan kaedah ini 100% di Wilayah Persekutuan.

Kota Anggerik membangkitkan berkaitan dengan isu pembangunan yang berkaitan dengan penjawat yang sepatutnya ada di peringkat Jabatan Agama Islam. Saya tak nafikan antara perkara yang menyebabkan kelewatan projek-projek pembangunan adalah kita masih bergantung kepada Jabatan Kerja Raya untuk membuat BQ dan juga proses tender yang saya kira mungkin sudah tiba masa peringkat Jabatan Agama Islam Negeri Selangor untuk mencari seorang Juruukur nilai yang boleh membuat BQ yang akhirnya proses sendiri juga yang akan projek-projek pembangunan di bawah Jabatan Agama Islam Selangor pun begitu pengalaman yang lepas telah putus projek-projek itu akan di bangunkan pada tahun semasa. Isu yang berkaitan dengan tanah dan sebagainya tidak selesai yang akhirnya juga menyebabkan kelewatan atau pun projek itu tidak dapat dilakukan pada tahun semasa. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa di bawah Jabatan Agama Islam kita tidak memberikan biasiswa atau tidak menguruskan soal biasiswa cuma di bawah Majlis Agama Islam ada Program Dermasiswa kepada pelajar-pelajar kita di Timur Tengah yang sumbangan besar ini dilihat adalah dari peruntukan Lembaga Zakat dan sebenarnya di peringkat Jawatankuasa Pendidikan Luar atau Timur Tengah telah membuat satu cadangan untuk meningkatkan jumlah dermasiswa dengan kos yang meningkat dan juga di beberapa buah Universiti yang yuran pengajian juga meningkat dan ini di dalam proses mempersiapkan kertas cadangan ini di bawa ke Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Selangor untuk kita putus supaya amaun yang agak munasabah kepada anak-anak kita yang belajar yang kita berikan dalam bentuk sama ada dalam bentuk biasiswa atau pun bantuan umum. Berkaitan dengan jumlah peruntukan untuk Program-program Dakwah RM1.4 juta memang kita maklum bahawa ini adalah jumlah yang kecil apabila kita bayar kepada 9 daerah di negeri Selangor. Jadi jumlahnya terlalu kecil pun begitu ada peruntukan-peruntukan daripada Lembaga Zakat yang sebenarnya cukup membantu program-program dakwah di negeri Selangor di bawah Jabatan Agama Islam atau pun bawah Majlis Agama Islam Selangor sendiri. Kemudian isu yang dibangkitkan oleh Selat Klang saya akan semak dengan tenaga pelajar-pelajar Sekolah yang jumlahnya 90 tenaga pelajar dan saya akan maklumkan kemudian. Berkaitan dengan Guru KAFA kira yang disebutkan oleh Hulu Klang tadi adalah guru yang dilantik oleh PIBG atau pun guru rakyat dan sebenarnya guru-guru rakyat yang berada di Kelab Agama dan juga Fardu Ain atau pun KAFA di SRAI. Dan kita juga lihat bahawa perjawatan-perjawatan ini kita juga bergantung kepada kelulusan daripada peringkat Jabatan Kemajuan sendiri contoh baru-baru kita dapat kelulusan 150 orang maka kita terapkan guru-guru yang berada dalam kategori guru rakyat ini kepada guru khalifah dan untuk sebagai penjawat kontrak, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Latihan bagi pihak pegawai pengurusan dari segi *Public Relation* dan sebagainya.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Insyah-Allah*, saya kira dalam buat masa ini ada juga berlaku program-program Islam yang kita buat kutipan di Masjid tertentu di negeri Selangor dan walaupun mungkin daripada segi peruntukan yang kita peruntukan di peringkat Jabatan tidak begitu besar tapi program-program ini adalah program yang kita lakukan secara berterusan pada masa ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jadual B.14 – iaitu wang sejumlah RM264,035,004.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Enam Puluh Empat Juta Tiga Puluh Lima Ribu dan Empat) untuk Kepala B.14 Jabatan Agama Islam Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat, RM22,883,894.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta Lapan Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu Dan Lapan Ratus Sembilan Puluh Empat).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan tentang Kod Objek 29000 Ikhtisas Perkhidmatan, iaitu saya ingin bangkitkan satu perkara yang saya rasa sudah sampai masanya. Jabatan Kebajikan Masyarakat memberikan satu tumpuan kepada aspek latihan kepada Pegawai-pegawai dan juga yang kedua Pengkhususan Pegawai yang mahir dalam konteks jenis kaunseling atau pun bimbingan kepada penerima-penerima bantuan daripada Kebajikan, sebab apa saya yakin penerima-penerima bantuan ini kadangkala bukan sahaja bantuan kewangan semata-mata yang diperlukan tetapi mereka perlukan bimbingan dan juga pencerahan tentang bagaimana mereka boleh menikmati kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang. Jadi saya mengharapkan supaya saya tengok di dalam mana-mana kod di sini tak ada letakkan latihan jadi saya cadangkan supaya pihak Kerajaan mengambil penegasan bahawa perlunya ada satu kewangan yang khusus untuk melatih pegawai-pegawai ini dan kalau boleh ada staf yang kita sediakan memberikan bimbingan dan kaunseling kepada penerima-penerima kebajikan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan di bawah Lembaga Zakat Selangor. Jadi itu pun yang ingin saya cadangkan pun ingin mohon supaya pihak akan mengambil perhatian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi terima kasih, saya ingin rujuk kepada muka surat 112 Kod 10000 Emolumen. Saya cuma ingin bertanya tentang status Laporan Penyata sebelum ini yang mengatakan perlu tambahan bilangan pegawai yang uruskan pemprosesan untuk permohonan Jabatan Kebajikan Masyarakat memandangkan dalam keadaan ekonomi sekarang dengan kos sara hidup yang



semakin meningkat dan permohonan diterima melalui pejabat kita juga meningkat. Jadi apabila kita salurkan ke JKM nampaknya dia mengambil masa yang agak panjang untuk diproses kerana kena turun padang dan sebagainya. Walaupun pembaikan telah dibuat supaya secara boleh *renew* secara *online* dengan izin tetapi dia masih perlukan lebih ramai pegawai di *front desk* atau pun pegawai yang boleh memberi pemprosesan yang lebih cepat. Saya ingin tanya sama ada bilangan pegawai ditambahkan atau pun ada pendekatan yang lain yang diambil oleh pihak Kerajaan negeri supaya kita boleh mempercepatkan proses untuk permohonan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Pengerusi, saya nak timbulkan surat muka surat 113 Kod 512000 Kod Projek 10000 dan 20000 yang mana Perkhidmatan dan Bekalan. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan kita telah mengadakan pertemuan dengan beberapa Agensi Zakat dan juga JKM-JKM. Dari segi peningkatan pembasmian kemiskinan itu agak jelas bagi Lembaga Zakat iaitu dengan program asnaf dan sebagainya boleh mengeluarkan keluarga miskin asnaf daripada kemiskinan. Saya ingin mencadangkan sekiranya tidak dihalang oleh mana-mana peruntukan atau prosedur kerja agar satu projek yang sama dilakukan oleh JKM. Satu kumpulan tertentu golongan gelandangan atau pun jalanan yang miskin diberikan bantuan, diberikan kaunseling dan sebagainya mereka boleh keluar dari setahun, dua tahun daripada kitaran kemiskinan, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya nak ambil bahagian juga di dalam ini Kod 505000 di bawah Bangunan Bekalan. Saya mintalah kalau negeri kemungkinan daerah Klang saya nak katakan di mana Pejabat Kebajikan diletakkan di satu-satu kawasan yang jauh dari mana-mana perumahan atau pun jauh dari tempat-tempat penduduk orang ramai yang memang perlu apa bantuan daripada Pejabat Kebajikan. Sekarang mereka tidak boleh langsung jalan kepada ambil kenderaan atau pun mana teksi RM30, RM50 pergi ke pejabat dan balik. Dengan *Smart* Selangor ini saya minta sekarang kita ada bas percuma kan? Kalau boleh di bawah MPK untuk satu *route* bas melalui Pejabat Kebajikan untuk atasi masalah kalau boleh, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kata akhir Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Pengerusi saya juga merujuk kepada B.15 Vot 505000 tentang Bekalan Emolumen. Kita melihatkan keperluan mereka yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu memohon semula mungkin 6 bulan sekalinya. Apa yang saya dapati di dalam Pusat Khidmat Masyarakat, saya rasa ini di seluruh negeri Selangor di mana kebanyakan mereka ini

tidak *aware* atau tidak sedar dan setengah mereka ini tak tahu baca bahkan tidak tahu apa mengisi borang. Jadi saya ada mencadangkan Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama dengan Pusat Khidmat Masyarakat seluruh negeri Selangor ini supaya memberikan kemudahan untuk mereka boleh latih *outreach* keluar bukan seperti sebutkan oleh Seri Andalas itu mereka kena cari Pejabat Kebajikan tetapi ini Jabatan Kebajikan cari mereka yang mungkin perlu daftar semula pun mendaftar sebagai Ahli yang baru bukan Ahli dia pun penerima yang baru.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Mungkin saya nak tanya sedikit Yang Berhormat Selat Klang. Ada tak kalau yang saya faham maksudnya boleh tak pegawai JKM dia sebenarnya datang ke Pejabat kita Pusat dan dia bertugas satu waktu dan datang orang mahu mohon dia terus datang dan senang kerja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Ya, ya saya setuju.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya persilakan pihak Kerajaan. Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Tuan Pengerusi saya mengucapkan terima kasih kepada Batu Tiga kerana memperingatkan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mempertingkatkan agar para pegawai lebih mempunyai ilmu yang lebih baik dalam kaunseling dan memberi kebajikan yang lebih baik kepada para penerima kebajikan ini. Insya-Allah kita akan kemukakan kepada pihak Kebajikan Masyarakat untuk melaksanakan latihan ini. Seterusnya Rawang bertanya tentang status tambahan sama ada perlu pegawai dari JKM kerana kekangan pada pihak JKM untuk turun dan melawat dan juga memantau para penerima zakat ini sebelum kita layak untuk diterima. Jadi pihak Kebajikan Masyarakat menggunakan pendekatan dalam mempercepatkan pemprosesan permohonan bantuan. Jadi ada caranya mereka mempercepatkan untuk memberikan, meluluskan bantuan kepada para penerima ini. Seterusnya Hulu Klang tentang cadangan supaya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat melaksanakan seperti yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi, saya nak minta penjelasan sedikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Yang jawapan tentang ada caranya, maksud caranya bagaimana? Itu yang saya tanya sebenarnya. Macam mana caranya?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI :** Terima kasih Rawang, saya sementara saya dapat maklum balas nanti kita ..untuk pertambahan makna kekangan tentang tambahan pegawai, kekurangan pegawai untuk turun ke lapangan, saya belum lagi mendapatkan jawapan daripada Jabatan JKM. Cumanya tentang permohonan seperti yang disebutkan oleh Selat Klang tentang perlu memohon semula jadi pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat setiap peserta itu mereka perlu di setiap tahun perlu di daftarkan semula kerana kita tidak mahu peserta ini mungkin mereka telah pun keluar daripada garis kemiskinan tetapi tidak mereka masih mendapatkan bantuan atau pun keistimewaan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kita mahu lebih ramai orang lain untuk mendapatkan bantuan tersebut. Jadi sebab itulah dilaksanakan setiap tahun mereka perlu register semula untuk mereka layak untuk mendapatkan bantuan daripada tahun yang seterusnya. Andalas tentang pejabat

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Soalan saya tadi, cadangan saya tidak dibalas lagi. Boleh tak Jabatan Kebajikan keluar daripada pejabat pergi *outreach*, makna keluar di lapangan. Bukan dia kita memang setuju mereka ini kena di kaji semula tapi permudahkan sebab orang penerima Kebajikan ini adalah orang OKU, orang tua, orang sakit apa nama itu ibu tunggal, ibu tinggal dan sebagainya. Jadi permudahkan bagi rakyat negeri Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Sebenarnya tentang pihak Jabatan atau pun pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk bertemu dengan para klien ini sebenarnya mereka ini juga memang melaksanakan program-program seperti itu. Mereka keluar dan buat lawatan ke rumah untuk membantu atau memastikan mereka ini dapat bantuan dan satu cadangan lagi tentang agar Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh datang ke Pejabat-pejabat DUN. Mungkin kita boleh mempertimbangkan cumanya kita ada 56 DUN jadi berkemungkinan boleh kumpulkan di satu-satu Parlimen salah satu DUN dalam Parlimen tersebut memberikan atau membantu klien ini agar para pegawai pada Jabatan Kebajikan boleh dia datang dan memberikan apa yang sepatunya.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Minta celar sedikit, saya rasa ini semangat tema Belanjawan *Smart* Selangor, jadi *Smart* itu mudah tidak menyusahkan, cara lama kita kena *move forward* ke depan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dah faham itu Selat Klang. Ya Kerajaan nak tambah lagi?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Pengerusi, masih YB menjawab soalan saya ada ganggu. Dia tak habis menjelaskan jawapan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Terima kasih Hulu Klang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak apa Sementa boleh tulis ke Hulu Klang.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI:** Saya apa ini saya memohon untuk membuat jawapan dalam bentuk bertulis, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ada tambahan daripada Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Pengerusi ada beberapa perkara yang dibahaskan dalam Perbahasan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini ialah tentang usaha untuk membantu golongan miskin masuk golongan yang di bawah oleh Hulu Klang dan juga masalah peminta sedekah. Bagi pihak Kerajaan Negeri saya ingin memberi jaminan bahawa kita mempunyai berapa program untuk membantu golongan-golongan yang rendah, golongan yang miskin termasuk golongan *homeless* dan juga peminta-peminta sedekah. Tetapi apa yang kita teliti hari ini ada satu sindiket yang menggunakan golongan anak wanita kecil ini mengeksploitasi mereka dengan meminta sedekah di depan Masjid dan juga di persimpangan jalan dan ini telah menimbulkan satu persepsi yang tidak sihat bagi sebuah Kerajaan yang maju seperti negeri Selangor dan saya mengambil perhatian perkara ini kerana terlalu banyak aduan yang kita terima. Apa yang saya nak tegaskan di dalam Dewan ini ialah sekiranya di kalangan mereka ini benar-benar golongan yang miskin sama ada yang terpaksa meminta sedekah di Masjid atau pun di Simpang Jalan atau pun golongan gelang tangan kita akan ambil mereka dan bantu mereka dan saya minta supaya EXCO dapat membincangkan perkara ini dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tetapi isu yang lebih besar ialah sindiket, ada orang di belakang yang menggunakan wanita-wanita ini dan anak-anak kecil bagi memungut wang daripada orang awam. Yang ini saya bagi pihak Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan dengan pihak PDRM dan juga JKM untuk melihat bagaimana mereka yang mengeksploitasi wanita dan anak-anak kecil ini dapat di ambil tindakan yang tegas supaya perkara-perkara ini tidak berlaku lagi di persimpangan jalan dan agak di tempat-tempat awam, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jadual B.15 – iaitu wang sejumlah RM22,883,894.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta Lapan Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu Dan Lapan Ratus Sembilan Puluh Empat) untuk Kepala B.15 Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, RM8,855,893.00 (Ringgit Malaysia Lapan Juta Lapan Ratus Lima Puluh Lima Ribu Dan Lapan Ratus Sembilan Puluh Tiga).

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Taman Medan ingin bangkitkan bawah Kod Objek 29000 jenis perbelanjaan Perkhidmatan Ikhtisas dan jabatan lain. Sebenarnya Taman Medan pun sudah bangkitkan perkara ini tetapi tidak mendapat jawapan daripada pihak Kerajaan berkaitan dengan kajian, *urban renewal* atau pun regenerasi bandar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun mengatakan akan di jalankan *urban renewal* ini di kawasan perindustrian lama hanya Taman Medan fikir kalau boleh dilebarkan usaha *Urban Renewal* ini di kawasan perumahan lama kerana terdapat banyak sudah perumahan-perumahan lama yang usianya 40 tahun. Jadi bagi memastikan rakyat mendapat keselesaan dan kesejahteraan maka kawasan ini perlu di remajakan semula, itu sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Pengerusi, saya rujuk muka surat 116 Objek 10000 yang merangkumi seluruh Emolumen. Saya berdiri di sini untuk merakamkan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Perancangan dan Desa bagi saya merupakan satu organisasi Jabatan yang paling *inclusive* yang paling *consultative* izin sentiasa merujuk pada *stateholders* dalam Kerajaan Negeri Selangor ialah ADUN. 2 kali telah diadakan sesi khusus dengan jabatan ini dengan ADUN-ADUN untuk mendapatkan input, maklum balas dan ini merupakan satu pendekatan yang cukup baik. Jadi saya lihat bahawa bertindak demikian kerana satu peruntukan yang cukup besar berbanding dengan RM1 juta dari segi emolumen adalah RM5 juta lebih. Walaupun dari keseluruhan dia di peruntukan RM8 juta berbanding dengan lain-lain tetapi dia Jabatan yang boleh mengadakan program *outreach*. Jadi ini sendiri boleh timbulkan dengan JKM sekiranya *outreach* keluar *inclusive* merupakan ciri jabatan dia akan mencapai kejayaan, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, sila

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Pengerusi saya nak menyentuh mengenai muka surat 117 di bawah 521000 bawah Kod mengenai Perkhidmatan. Saya bertanya mengenai berapa perkara, satu perkara sahaja mengenai kawasan Majlis Daerah, Daerah Kuala Selangor khususnya. Mengenai bagaimana satu daerah di gazet sebagai kawasan perkhidmatan Majlis yang mana ramai penduduk-penduduk kawasan-kawasan Kampung Tradisional, bila daerah ini digazetkan dalam satu kawasan Pentadbiran Majlis jadi bagaimana kedudukan mereka? Kata cukai mereka tak

bayar, macam mana mereka tak dapat perkhidmatan tapi bila waktu mengenai kawasan-kawasan kosong, kawasan lapang juga mereka terjejas jadi bagaimana dari segi perancangan, kedudukan ini atau pun apakah gazet ini benar-benar dibuat oleh pihak perancang mengenai gazatkan satu daerah diteruskan di kawasan PPT. Jadi ramai yang *confuse* dari segi kedudukan daerah ini atau pun kawasan-kawasan Majlis yang digazatkan sebagai kawasan PPT. Jadi ini satu daerah saya nak kalau ada penjelasan dari pihak Kerajaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pihak Kerajaan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Terima kasih kepada Kampung Medan yang telah membangkitkan tentang peremajaan bandar. Memang sekarang ini telah diperlaksanakan fokus adalah kepada kawasan-kawasan per industri yang akan diremajakan kepada mungkin kawasan komersial dan kawasan kediaman tetapi walau bagaimana pun beberapa kajian dan pelaksanaan yang pertama

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya mahu minta cepat duduk dulu. Dewan Sidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan 4.30 petang dan saya menangguhkan Dewan sehingga esok Jumaat 6 November 2015 jam 9.30 pagi, saya ulang jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang )**